

DN.28.5.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**Isnin, 28 Mei 2001**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Charern Intachat** minta Perdana Menteri menyatakan perangkaan jumlah rakyat keturunan Siam di negara ini hasil dari benci yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2000.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, proses pengiraan benci penduduk dan perumahan Malaysia sedang giat dijalankan. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat terperinci mengenai jumlah rakyat keturunan Siam di Malaysia dijangka dikeluarkan untuk kegunaan umum pada bulan Julai 2001.

2. **Puan Hajah Safinah binti Jusoh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai tuntutan negara Filipina ke atas Sabah dan apakah usaha kerajaan untuk memastikan supaya tuntutan tersebut digugurkan. Adakah pihak Kerajaan Filipina bercadang menubuhkan pejabat kedutaan di Sabah untuk membantu menyelesaikan masalah pendatang haram rakyat Filipina di negeri tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan penubuhan pejabat konsulatnya di Kota Kinabalu adalah merupakan dua isu yang mempunyai hubungan kait yang rapat. Sehingga kini Kerajaan Filipina masih belum bersedia untuk menggugurkan tuntutannya terhadap Sabah dan terus berpendapat bahawa penubuhan konsulatnya di Kota Kinabalu ditafsirkan sebagai pengiktirafannya bahawa Sabah adalah sebagai wilayah di bawah pentadbiran

Kerajaan Malaysia. Isu ini masih terus berlarutan dan telah secara tidak langsung menjelaskan suasana hubungan dua hala yang rapat.

Tuan Yang di-Pertua, di atas inisiatif Kerajaan Malaysia satu memorandum persefahaman telah dicapai di antara Kerajaan Malaysia dan Filipina pada tahun 1995 di mana kedua-dua pihak telah bersetuju untuk membuka pejabat konsulat masing-masing di Davao dan di Kota Kinabalu, Sabah. Sehubungan dengan ini, Malaysia telah mengambil langkah membuka konsulatnya di Davao City pada 7 Disember 1995 tetapi sehingga Kerajaan Filipina masih belum membuka konsulatnya di Kota Kinabalu seperti mana yang telah dipersetujui.

Semasa mesyuarat Jawatankuasa Bersama Mengenai Sempadan Di antara Malaysia dan Filipina yang telah diadakan pada 1-3 Mac 2000 di Kuala Lumpur dan semasa lawatan Naib Presiden dan juga merupakan Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri Filipina pada 18 Mei 2001, perkara ini telah sekali lagi dibangkitkan oleh pihak kita. Pihak Filipina menjelaskan pentadbiran mereka buat masa ini sedang menumpukan perhatian terhadap penyelesaian masalah politik dalam negara mereka. Jadi, dalam suasana ini di Filipina adalah dijangkakan agak sukar bagi pentadbiran baru Filipina mendapat satu national concensus mengenai isu ini sebelum membuat keputusan membuka pejabat konsulatnya di Kota Kinabalu.

**Datuk Christina Tibok Vanhouten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa negeri Sabah adalah sesuatu negeri yang mempunyai 'transian' population, dengan izin, tinggi. Pada satu-satu masa bilangan pendatang boleh sampai 150,000 yang keluar masuk ke Sabah. Ini termasuklah warganegara Indonesia dan Filipina. Soalan saya bolehkah pihak kerajaan memberi maklum mengenai dengan tindakan-tindakan yang dijalankan untuk mengawal atau memantau kehadiran mereka di Sabah khususnya, terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, menerusi agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam kedudukan dan juga kemasukan dan keluar rakyat luar negeri adalah sedang dipertingkatkan dan kita sentiasa memantaukan keadaan ini dan mengambilkan langkah-langkah yang tertentu untuk mengambil tindakan khususnya di mana penglibatan pendatang tanpa izin dan juga pencerobohan-pencerobohan di kawasan perairan dan kawasan wilayah Malaysia.

3. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan:-

- (a) sama ada kementeriannya mempunyai sebarang rancangan khas untuk membantu dan melatih wanita di sektor ladang supaya mereka dapat memulakan "cottage industry"; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk mengenal pasti bilangan ibu tunggal yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa memandangkan kebanyakan mereka tidak tahu cara untuk mendapat bantuan.

**Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga berterima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan program bagi menggalakkan penyertaan wanita di sektor perladangan untuk memulakan industri kampung. Ianya akan dikaji bersama agensi pelaksana yang berkenaan untuk menentukan sama ada cadangan itu sesuai dilaksanakan.

Mengenai ibu tunggal yang memerlukan bantuan, kementerian akan mendirikan pusat khidmat wanita di berbagai-bagai bahagian dalam negara dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Beberapa PKW telah pun beroperasi pada masa ini. PKW ini antara lain akan membantu mengenal pasti ibu tunggal yang memerlukan bantuan. Kementerian ini juga akan bekerjasama dengan persatuan-persatuan ibu tunggal yang ada di peringkat-peringkat negeri.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menjelaskan bahawa kementerian tidak bertanggungjawab mengendalikan program kebajikan masyarakat bagi ibu-ibu tunggal. Ini sedia dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Puan Jaya Partiban:** Saya terlebih dahulu mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana begitu prihatin tentang kebajikan wanita India kerana baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah menjemput kami untuk membincangkan bersama-sama masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat wanita India. Tetapi apa yang saya bimbangkan ialah kebanyakan ibu tunggal yang tinggal di estet ataupun di kawasan-kawasan setinggan tidak berapa mempunyai pengetahuan untuk mengambil perhatian terhadap semua perkhidmatan

yang disediakan oleh kementerian kerana mereka ini tidak membaca surat khabar yang selalu digunakan untuk edarkan maklumat.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah pihak kementerian mengkaji kemungkinan bagaimana boleh memastikan maklumat seperti ini disampaikan kepada sasaran yang ditentukan. Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa kami di kementerian mengambil berat tentang isu-isu wanita tidak kira kaum, bangsa dan agama ataupun sama ada wanita itu di bandar atau di luar bandar, maka perhatian yang saksama akan diberikan kepada semua kumpulan wanita yang ada di Malaysia ini.

Keduanya, saya ingin maklumkan bahawa kementerian pada masa ini hanya mampu untuk memainkan peranan sebagai pemantau kerana kementerian tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan banyak daripada program yang telah pun dirancang di bawah beberapa Rancangan Malaysia. Namun begitu, ini telah bermakna bahawa kementerian tidak akan mempengaruhi polisi program kementerian-kementerian yang lain, kerana sudah pun diwujudkan inisiatif-inisiatif di antara Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dengan agensi-agensi dan kementerian-kementerian pelaksana yang lain, misal kata kalau ada isu-isu yang membabitkan wanita di tempat kerja, maka telah pun diwujudkan satu jawatankuasa di antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga supaya isu-isu yang memerlukan perhatian akan diambil kira oleh Kementerian Sumber Manusia. Maka dengan kaedah itu, masalah-masalah lain seperti ibu tunggal misal kata, kementerian tidak mempunyai keupayaan. Namun begitu, selaku menteri yang bertanggungjawab kepada pembangunan wanita, saya akan menentukan bahawa mereka yang harus beri perhatian kepada wanita seperti ibu tunggal, mestilah beri perhatian.

Saya hendak juga mengambil kesempatan di sini untuk menggesa semua pihak, kerana masalah ibu tunggal ini bukan hanya masalah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Pertama, saya hendak tanya kepada kaum bapa macam mana ibu itu boleh 'ditinggalkan'. [Ketawa] Kalau suami itu meninggal satu hallah. Ini saya nampak ada satu fenomena pula, sudah kahwin, sudah melahirkan anak-anak selepas itu ditinggalkan wanita, ditinggalkan sudah jadi masalah kementerian. Kita akan menjalankan tugas, tetapi saya hendak menyeru kepada kaum bapa supaya jangan mengambil senang perkara begini.

Keduanya, saya hendak minta juga supaya semua kelompok masyarakat sama ada pemimpin setempat ataupun syarikat-syarikat swasta, misal kata di estet-estet syarikat-syarikat public listed yang besar-besar yang seharusnya membawa perubahan di estet-estet jangan lupa kepada wanita dan ibu-ibu tunggal yang ada. Saya memang prihatin tentang keluhan Yang Berhormat Senator, sebab saya tahu wanita apatah lagi dia ibu tunggal, dialah kumpulan yang paling teraniaya di dunia ini, bukan hanya di Malaysia. Jadi, saya hendak minta biarlah kita semua, suami, kaum bapa ini saya hendak tanya lagi sekali yang itu. [Ketawa]

Keduanya,.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya....

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** ....dan juga masyarakat setempat.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang depan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Adakah pihak kementerian yang baru telah membuat kajian adakah kehadiran ibu-ibu tunggal diakibatkan oleh bapa-bapa ataupun sebab lain. Jadi, sebelum kita membuat satu kesimpulan, saya merasakan elok sesuatu kajian sosial impak (impact study) dibuat terhadap isu ibu tunggal dan cari sebab-musababnya. Jadi, adakah pihak kerajaan akan berbuat demikian?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak kementerian. Cuma apa yang saya ingin...

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Point of order Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya Yang Berhormat dahulu.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Biar bersekilalah jawapannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh jawab kedua-dua sekali. [Ketawa]

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Itulah keadilan namanya. Ingin saya menegaskan di sini ataupun meminta bagi sokongan yang begitu kuat kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga kerana ianya baru dilahirkan.

Kalau ibaratkan umur masih muda tetapi kita insya-Allah, akan beri sokongan yang jitu bagi membangunkan keadilan dan pembelaan kepada kaum wanita. Apa yang saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian menjadikan satu wasiat Baginda Rasulullah sebagai teras kepada usaha untuk keadilan kerana apa yang kita rasai sekarang adalah seolah-olah tidak ada pertanggungjawaban yang ditunjukkan oleh sebahagian daripada sesetengah pihak.

Jadi, Rasulullah menyatakan *[Membaca petikan dalam bahasa Arab]* Tiap-tiap orang itu dipertanggungjawabkan dan pertanggungjawaban ini mestilah diakui dan akan menjadi suatu ketegasan yang akan kita akui, Jadi, itu saya mendesak Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga supaya tegaslah di dalam soal pembelaan dan keadilan untuk kita, pandangan.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator wanita dahulu, ya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, inilah keistimewaan wanita di Malaysia. Walaupun, Yang Berhormat Senator dan saya, kita datang daripada parti politik yang lain, malah bercanggah ideologi politik kita tetapi dalam isu-isu wanita, saya nampak bahawa semua pihak memberi sokongan yang padu termasuklah PAS. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Alangkah bagaia kalau kita ini seja-sekata, seiring sejalan dalam hal-hal yang lain pun.

Namun begitu, Yang Berhormat Senator, saya akan bekerja keras untuk menentukan semua misi dan visi kementerian yang baru ini akan berjaya. Insya-Allah dengan sokongan semua saya yakin bahawa kementerian ini akan mencatat sedikit sebanyak kejayaan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz tadi, saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat. Taktik itu adalah di antara satu ciri-ciri hendak gender sensitize semua orang ini supaya ada, dengan izin, *awareness*. Mungkin Yang Berhormat Dato' adalah di antara kaum bapa yang prihatin dan peka *[Tepuk]* tentang isu-isu wanita, seperti mana banyak senator lain di dalam Dewan ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih tetapi malangnya, Yang Berhormat, bukan semuanya bersifat seperti Yang Berhormat.

Memang betullah, hendak pukul rata semua saya tidak boleh, saya lapik apa yang saya cakap tadi. Cuma pada amnya, soalan yang harus kita tanya pada diri kita ialah macam mana wanita-wanita ini semua boleh ditinggalkan. Kalau dia kematian suami, kita boleh faham. Saya rasa mana-mana wanita ibu tunggal yang suaminya mati, kalau susah macam mana pun, dia tidak kompelin. Dia tawakal kepada Allah, dia jalankan hidupnya tetapi kalau hidupnya dimudaratkan oleh keadaan-keadaan lain, ini cerita lain, Yang Berhormat.

Namun begitu, insya-Allah di dalam perancangan kementerian ialah untuk mengadakan kajian ini, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz dan dalam masa terdekat, saya harap pihak kementerian akan dapat memulakan kajian-kajian seperti mana yang saya katakan tadi.

**4. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian bercadang memastikan para penumpang bas jarak jauh menggunakan tali pinggang keselamatan untuk mengurangkan cedera parah ke atas penumpang jika berlakunya kemalangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Tuan Abdillah bin Abdul Rahim pada hari ini serentak bersama-sama dengan soalan Datuk Joseph Balan Seling bagi pertanyaan Dewan Negara bertarikh 6 Jun 2001 akan datang kerana soalannya mempunyai persamaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan Malaysia sememangnya tidak mewajibkan penggunaan tali pinggang keledar bagi penumpang di belakang kenderaan persendirian dan penumpang kenderaan pengangkutan awam. Sementara itu, penggunaan tali pinggang keledar untuk pemandu dan penumpang hadapan semua jenis kenderaan telah diwajibkan selaras dengan Kaedah Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar) 1978.

Kerajaan memang menggalakkan penggunaan tali pinggang keledar oleh penumpang bahagian belakang kenderaan persendirian bagi tujuan keselamatan mereka melalui program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran mereka. Pelbagai usaha telah dijalankan, contohnya, kempen Multimedia melalui televisyen, radio, akhbar dan paparan iklan (*billboard*), dengan izin.

Sebelum penggunaan tali pinggang keledar diwajibkan dan diperluaskan kepada semua penumpang bas, beberapa perkara hendaklah dikaji terlebih dahulu terutamanya implikasi kewangan terhadap pengusaha pengangkutan awam. Setelah kajian dijalankan dengan teliti, keputusan terbaik akan diambil untuk dilaksanakan.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengalu-alukan usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menangani masalah kemalangan kenderaan di jalan raya. Jadi, soalan tambahan saya ialah bagaimanakah sambutan syarikat-syarikat bas ke atas cadangan kerajaan untuk mengenakan kotak hitam di dalam bas dan setakat ini apakah kemajuan yang telah dicapai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kotak hitam, buat masa ini semua bas persiaran iaitu 3,800 buah diwajibkan memakai kotak hitam mulai dari 1 Mac sehingga 31 Ogos tahun ini. Kos untuk memakai kotak hitam ini adalah RM1,000 untuk sebuah bas.

Seperti yang kita tahu insiden yang berlaku di Baling sebab tidak ada kotak hitam dan buat masa ini kita pun belum mendapat maklumat yang lebih tepat dari pihak polis. Kementerian Pengangkutan hanya dapat report dari pihak PUSPAKOM mengatakan brek bas itu telah gagal. Oleh itu, kita pun tidak pasti bas itu berjalan dengan kelajuan berapa. Oleh itu, kotak hitam adalah mustahak untuk kita menentukan sebab kemalangan itu.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berkennaan dengan bas jarak jauh ini, benarkah dakwaan yang mengatakan bahawa masalah tali pinggang ini merupakan satu daripada usaha sahaja kerana asas yang paling penting yang berlaku mengikut kajian dan juga paparan di mass media kita – di surat khabar dan sebagainya, pertamanya adalah faktor kawalan kepada pengambilan pemandu-pemandu bas yang baru seperti sudah dapat lesen dua, tiga bulan baru dia ada.

Apakah perlu ada satu pemandu seperti pilot ataupun juruterbang, dia ada gred dan sebagainya supaya dia melalui proses latihan keselamatan dan sebagainya dan yang keduanya, oleh kerana implikasi kewangan, sebahagian besarnya adalah kerana pengurusan syarikat-syarikat bas ini masih menggunakan bas lama sehingga macam masalah maintenance dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli memang baik, supaya bas persiaran ada *co-pilot* tetapi kita mesti bincang bersama pengusaha bas persiaran supaya program ini boleh di *implementkan*.

**5. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penarikan balik pasport yang telah dilakukan ke atas warganegara yang bankrap dan bersabit dengan jenayah serta yang menderhaka atau mensabotaj politik dan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, sehingga 10 Mei 2001 seramai 78,000 orang warganegara Malaysia telah disenaraihitamkan dari menggunakan atau memiliki

Pasport Malaysia setelah mereka dikenal pasti boleh mencemarkan nama baik serta mengancam keselamatan negara sekiranya dibenar bebas ke luar negeri.

Pecahan ke atas kes ini ialah, telah diisyiharkan muflis seramai 70,872 orang; terlibat dalam kes dadah 4,929 orang; dan terlibat dengan kes jenayah serta boleh mengancam keselamatan negara 2,383 orang. Sekian.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapat sekarang ini Pasport Malaysia lebih canggih daripada dulu kerana ada, dengan izin, *safety digital*sikitlah. Tetapi pada masa yang sama pasport lama masih digunakan dan hari ini pun dalam surat khabar, kita dapat banyak pasport kita ini dipalsukan kerana kita ada keturunan Melayu, Cina, India dan pelbagai kaum. Jadi, amat menarik kepada orang untuk datang ke sini menggunakan pasport kita secara palsu dan daripada sini pergi ke negara -negara lain.

Jadi, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, setakat ini berapa banyak pasport kita dipalsukan dan digunakan dan sudah kena tangkap dan adakah pasport-pasport ini yang lama ataupun yang baru ini – yang canggih ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini merupakan satu soalan yang agak detail – berapa banyakkah Pasport Malaysia yang palsu. Kita tidak dapat memberi bilangan yang terakhir sehingga ini kerana ianya berasaskan kepada berapa banyak pasport itu masuk balik ke dalam negara ini ataupun pasport palsu itu keluar daripada negara ini.

Tetapi kita dapat mengatakan bahawa terdapat warganegara asing yang disenaraihitamkan daripada memasuki negara ini seramai 2,909 orang daripada kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan. Ini tidak termasuk kesalahan-kesalahan yang mereka memalsukan Pasport Malaysia ini.

Orang-orang yang memalsukan Pasport Malaysia ini tidak meletak dirinya dalam kalangan yang merbahaya oleh sebab mereka memalsukan pasport dan menjual pasport ini kepada orang-orang lain. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' yang mengatakan bahawa penggunaan Pasport Malaysia ini bukan untuk masuk ke Malaysia tetapi untuk digunakan ke negara -negara lain.

Saya berjanji akan memberi jawapan bertulis bilangan pasport palsu yang kita telah rampas ataupun kita telah dapat semula sehingga saat hari ini.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusuff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sejauh manakah tindakan yang dibuat oleh kerajaan

terhadap rakyat asing yang tinggal di sempadan seperti sempadan Thailand yang mempunyai dua kad pengenalan – kad pengenalan Malaysia dan kad pengenalan Thailand. Jadi, kita mendapat maklumat bahawa ramai di antara mereka yang tinggal di sempadan mempunyai dua IC. Jadi, apa tindakan kerajaan sekarang ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Pemeriksaan secara mengejut kalau kita lakukan dan kita dapat bahawa pada masa yang berkenaan mereka ada dua kad pengenalan bermakna mereka menjadi rakyat kedua-dua negara ini. Oleh sebab yang demikian, kita terpaksa menahan kad pengenalan mereka dan dua-dua kad pengenalan ini sehingga perbicaraan dan penyiasatannya selesai. Kita akan meminta bagi mereka menentukan pilihan yang mana yang mereka kehendaki menjadi rakyat Malaysia ataupun menjadi rakyat Thai.

Secara bergegas ataupun at random kita kata, kita tidak boleh menahan tiap hari rakyat lalu-lalang dari negara Thai masuk ke Malaysia dan dari Malaysia masuk ke negara Thai untuk membuat pemeriksaan sama ada subjek yang berkenaan ada mempunyai dua kad pengenalan di dua negara ini.

Saya ambil kesempatan hari ini kalau terdapat ataupun ahli-ahli Yang Berhormat Senator, para pemimpin masyarakat mengetahui, ada orang-orang yang mempunyai dua kad pengenalan ini dimaklumkan kepada pejabat imigresen ataupun Jabatan Pendaftaran Negara dengan alamatnya, boleh penulis ini menulis namanya dan alamatnya dan kita berjanji akan menyimpan rahsianya, supaya kita dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan bagi keselamatan negara kita pada masa yang akan datang.

6. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah masyarakat Orang Asli dalam Angkatan Tentera Malaysia termasuk kumpulan yang menyertai askar wataniah.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini seramai 662 Orang Asli berkhidmat dengan askar wataniah, seramai 657 orang adalah anggota sukarela dan 5 orang lagi berkhidmat sebagai anggota kerahan sepenuh masa. Penglibatan Orang Asli dalam angkatan sukarela hanyalah dalam askar wataniah sahaja, sehingga kini tiada penglibatan mereka dalam pasukan simpanan tentera laut dan pasukan simpanan tentera udara.

Penempatan seramai 657 Orang Asli yang berkhidmat sebagai anggota sukarela askar wataniah adalah seperti berikut:

Rejimen 502 - askar wataniah Selangor - 56 orang

Rejimen 505 - askar wataniah Pahang - 601 orang

Manakala 5 Orang Asli yang telah pun dikerahkan sepenuh masa, kini berkhidmat di pasukan-pasukan di dalam Kementerian Pertahanan.

Rejimen 502 - askar wataniah Selangor

Rejimen 508 – askar wataniah Negeri Sembilan

Sasaran penting 7 briged Johor dan Batalion Infantri 305 – askar wataniah Kedah.

Untuk meningkatkan jumlah Orang Asli berkhidmat dengan askar wataniah, unit-unit askar wataniah akan terus membuat promosi kesemua penempatan Orang Asli di seluruh negara. Saya berharap, penghulu dan ketua-ketua kampung membantu, team promosi yang melawat ke kawasan masing-masing dan memberikan galakan kepada golongan belia Orang Asli menyertai askar wataniah. Mereka yang berminat akan didaftarkan secara terus oleh team promosi berkaitan sama ada sebagai anggota sukarela mahupun anggota kerahan sepenuh masa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bahagian Pasukan Simpanan (BPS) juga telah menawarkan peluang untuk berkhidmat sebagai anggota kerahan sepenuh masa kepada Orang-orang Asli yang sedang berkhidmat sebagai anggota sukarela. Mereka yang berminat untuk dikerahkan sepenuh masa akan ditempatkan di unit-unit infantri siri 300 askar wataniah yang berada di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan juga sasaran-sasaran penting seluruh negara.

Di samping itu, Bahagian Pasukan Simpanan juga sedang berusaha untuk menghantar mereka yang mempunyai kelulusan SPM ataupun kelulusan yang lebih tinggi menghadiri kursus bakal pegawai di pusat latihan askar wataniah atau post watan di Ipoh, Perak. Mereka selanjutnya akan ditauliahkan sebagai Pegawai Muda. Usaha ini diharapkan akan dapat mewujudkan ketua-ketua platon atau ketua-ketua company dari kalangan Orang Asli.

**Dato' Poo Yew Chou:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji kepada askar-askar yang tidak ada pangkat, umpamanya sarjan, leftenant kornel, majer dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 60-an, iaitu semasa konfrontasi Indonesia, saya telah ada bersama dengan pemuda MCA, seramai 150 orang di Bentong, Pahang menyertai pasukan askar tempatan atau askar wataniah. Nasib baik masa itu tidak ada perang, perang tidak jadi. [Ketawa] Kalau perang jadi, kemungkinan

saya tidak ada peluang untuk duduk di Dewan yang mulia ini. Saya sangat-sangat memahami gaji untuk askar biasa adalah begitu rendah. Oleh sebab gaji adalah begitu rendah, tidak boleh menarik hati keturunan atau pemuda Cina untuk menyertai askar.

Tidak boleh dinafikan, pemuda keturunan Cina sangat-sangat taat setia kepada negara, akan tetapi gaji itu begitu kecil, macam mana boleh tarikh hati mereka menyertai askar. Saya minta pihak kerajaan jika boleh naikkan gaji untuk askar ke satu tahap yang berpatutan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat. Perkara ini saya rasa sudah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri beberapa minggu yang sudah. Dan beliau telah menyatakan, memang kita sedar tentang perkara gaji yang diberikan kepada pasukan angkatan tentera itu, perlu untuk dibuat kajian semula agar ianya selaras dengan pasaran dan juga imbuhan yang diberikan oleh pihak-pihak yang lain dalam perkhidmatan awam.

Namun demikian, saya berharap bukan hanya gaji yang menjadi tarikan kepada rakyat di negara ini untuk berkhidmat, untuk mempertahankan negara. Memang saya akui bahawa perkara itu amat penting sekali seperti Yang Berhormat sebutkan, tetapi yang lebih penting ialah dari segi semangat kita, selaku rakyat Malaysia untuk ingin melihat, untuk mempertahankan negara kita, kecintaan kepada negara yang ada pada hari ini.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masyarakat Orang Asli mempunyai kepakaran di dalam hutan dan ramai yang menyertai pasukan keselamatan. Adakah angkatan tentera atau Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan menubuhkan batalion Orang Asli atau rejimen Orang Asli di dalam askar wataniah?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani. Cadangan itu memang baik. Kementerian tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan satu batalion Orang Asli kerana dalam perkhidmatan ini, kita tahu banyak, bukan hanya Orang Asli yang mempunyai kepakaran dalam hutan ini.

Rakyat di negara kita contohnya di Sarawak, orang-orang Iban, orang-orang Dayak adalah merupakan terkenal dari segi kebolehan mereka untuk menerokai perhutanan di negara kita. Walaupun demikian, kepakaran mereka yang begitu baik

sekali, kita tidak mempunyai niat pun untuk mewujudkan satu pasukan untuk rakyat, warga Iban dan Dayak.

Kalau itu menjadi perhitungan kita, maka lahirlah pasukan-pasukan yang berlandaskan kaum dan kumpulan. Yang penting kepada kita, konsep askar ini adalah berdasarkan kumpulan yang lebih ramai dan semangat-semangat yang dilahirkan oleh mereka.

Saya amat menghargai pandangan Yang Berhormat iaitu mengenai dengan kebolehan. Memang kita akui kebolehan askar wataniah daripada kumpulan Orang Asli ini mempunyai kebolehan untuk meneroka perhutanan. Maka, dengan itu seperti yang saya sebutkan tadi, bilamana mereka kita masukkan dalam askar yang dikerahkan maka kita tempatkan mereka di tempat-tempat yang strategik seperti di sempadan Malaysia-Thailand, kerana kita tahu mereka ini mempunyai kepakaran yang diperlukan.

7. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah program-program yang telah diatur oleh Angkatan Tentera untuk menarik minat pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (PALAPES) supaya berkhidmat di dalam Angkatan Tentera sepenuh masa atau bergiat cergas di dalam Pasukan Askar Wataniah setelah ditauliahkan/tamat pengajian.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. ATM mengadakan program ke arah menggalakkan anggota bekas PALAPES berkhidmat di dalam ATM atau terus bergiat di dalam angkatan sukarela. Program bermula sejak daripada mereka menganggotai PALAPES di Institusi Pengajian Tinggi Awam berkenaan. Mereka turut diberi ceramah mengenai peluang-peluang kerjaya dan kemudahan di dalam ATM.

Selain dari latihan ketenteraan, anggota PALAPES juga diberi pendedahan tentang adat resam serta aktiviti *regimental*/di dalam ATM. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memupuk minat mereka terhadap kerjaya ATM, anggota PALAPES berpeluang menjalani latihan tahunan di dalam pangkalan, kem tentera yang berdekatan dengan IPTA mereka.

Selain daripada berpeluang menggunakan kemudahan yang ada di pangkalan ataupun kem tersebut, mereka juga berpeluang menjalankan kehidupan sepertimana anggota tentera di dalam pangkalan kem tersebut dan menghadiri aktiviti *regimental*.

Anggota PALAPES sentiasa diberi peluang untuk menyaksikan pameran-pameran yang dianjurkan oleh ATM, sama ada di kampus atau pusat-pusat pameran yang berhampiran dengan IPTA mereka. Melalui pameran tersebut mereka boleh mengetahui dengan terperinci mengenai dengan peluang-peluang serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam ATM.

Selain daripada itu, ATM turut memberi penerangan mengenai peluang-peluang kerjaya dan kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati dalam ATM melalui pengedaran risalah-risalah serta melalui laman web.

**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah dimaklumkan iaitu ramai daripada mahasiswa yang berminat untuk memasuki PALAPES. Adakah Kementerian Pertahanan menggubal satu dasar agar mahasiswa yang ditauliahkan di dalam PALAPES dapat terus berkhidmat dalam angkatan tentera atau pegawai sukarela di dalam askar wataniah agar semangat ketenteraan mereka tidak hilang begitu sahaja.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita memberi keutamaan kepada ahli-ahli PALAPES bilamana mereka menganggotai PALAPES di universiti-universiti yang mereka duduki kerana kita sedar bahawa selama beberapa bulan, mereka memasuki PALAPES ini, mereka sudahpun mempunyai kepakaran, maka dengan itu, kita memberi keutamaan kepada pihak-pihak ini untuk memasuki terus sebagai sebahagian daripada pasukan Angkatan Tentera Malaysia.

Kita tidak mempunyai dasar sedemikian rupa yang membolehkan mereka memasuki secara automatik, mereka harus memasuki pasukan tentera ini selaras dengan pihak-pihak yang lain.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kita bermasalah untuk menambah bilangan angkatan tentera dari kaum-kaum yang lain, adakah pihak kerajaan seperti yang dibuat oleh pihak polis sekarang ini, berhajat untuk mewujudkan ke setiap sekolah-sekolah kadet kor di mana pegawai-pegawai ataupun mereka yang bersara boleh diserapkan sepenuh masa ke sekolah-sekolah yang berasrama penuh dan sekolah-sekolah biasa.

Bererti, Tuan Yang di-Pertua, setiap sekolah ada kadet kor. Polis pun saya ingat dia hendak buat begitu. Jadi, supaya bukan sahaja peringkat institusi pengajian tinggi tetapi peringkat bawahan pun kita wujudkan.

Saya juga ingin mengetahui, dari segi perspektif ini, apakah dasar kerajaan untuk hendak mewujudkan nisbah antara, *the standing army*, dengan izin, angkatan tentera yang sepenuh masa dengan rationya orang-orang yang sukarela ini tadi. Adakah ratio dahulu, nisbah 2:1, 1;1 dan sebagainya, supaya kita mengurangkan, *the standing army*, dengan izin, dan mempertingkatkan *defense* yang kedua, iaitu sukarela-sukarela seperti PALAPES dan kadet kor. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Pandangan Yang Berhormat sangat baik sekali, saya akan bawa perkara ini ke pengetahuan pihak kementerian sebagai sebahagian daripada langkah seperti Yang Berhormat sebutkan tadi agar lebih ramai lagi anak-anak bangsa kita untuk menceburkan diri dalam pasukan tentera Malaysia, apatah lagi generasi muda amat penting sekali pada hari ini, kita tanamkan semangat untuk ingin mempertahankan negara kita.

Mengenai dengan soalan yang kedua tadi, saya tidak mempunyai maklumat tentang nisbah di antara yang dikerahkan dan juga sukarela. Walaupun demikian, memang Kementerian Pertahanan menitikberatkan bahawa pasukan sukarela ini adalah satu pasukan yang amat penting, kerana kalau kita melihat daripada sejarah peperangan, contohnya peperangan kedua, walaupun dalam kecanggihan peralatan yang diperolehi oleh pasukan tentera Jerman, mereka tidak boleh membolosi negara-negara seperti United Kingdom kerana mereka bukan hanya tidak mempunyai peralatan yang moden berbanding dengan Jerman tetapi pasukan sukarela yang telah membantu sehingga dapat mengatasi pasukan-pasukan daripada Nazi sehingga tidak dapat membolosi negara-negara seperti United Kingdom.

Maka, dengan itu amat penting sekali usaha kementerian, kita sedar pada hari ini ialah untuk menjurus ke arah – agar dapat digalakkan lebih ramai lagi rakyat di negara ini untuk menyertai pasukan-pasukan sukarela seperti askar wataniah. Maka, dengan itu pihak kementerian telah membuat satu pendekatan agar kita dapat mewujudkan di setiap kawasan Parlimen agar ada satu pasukan askar wataniah di negara kita ini.

**8. Dato' Dr. Chin Foo Weng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah pentadbiran Presiden George Bush lebih memahami keadaan politik di Malaysia dan adakah perhubungan di antara dua negara ini lebih rapat sekarang.

**Dato' Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri berpendapat bahawa adalah masih terlalu awal untuk memastikan sama ada pentadbiran Presiden George Bush lebih memahami keadaan politik di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah pun menyatakan hasratnya untuk memperbaiki hubungan politik dua hala dengan pentadbiran Bush dan pihak pentadbiran Bush juga telah menyatakan hasrat yang sama. Jadi, pada masa ini hubungan kerjasama antara Malaysia dan Amerika Syarikat dalam bidang perdagangan, pelaburan, pertahanan dan keselamatan adalah kukuh dan aktif.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah kejadian baru-baru ini di mana seorang ahli senate dari parti Republikan telah mengisytiharkan sendiri sebagai senator bebas akan menjelaskan dasar George Bush terhadap apa yang telah dijawab tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini bahawa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah akan menjelaskan masalah dalaman dan dasar-dasar yang diberikan oleh Bush tetapi mengikut keadaan dari segi perhubungan dengan Malaysia adalah tidak ada hubung kaitnya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara Islam memainkan peranan aktif di dalam pertubuhan negara-negara Islam dunia. Jadi, saya ingin mengetahui dari pihak kerajaan, adakah sekarang ini pihak Kementerian Luar Negeri terutamanya yang begitu aktif dalam pertubuhan negara-negara Islam memainkan peranan menembusi kubu Presiden Bush ini dari segi untuk hendak menentukan kezaliman Israel terhadap Palestin dapat dihapuskan sama sekali ataupun dibuat budi bicara semua negara-negara Islam pergi berunding dengan Presiden Bush dengan pentadbiran Bush bagi menentukan kezaliman zionis Israel tidak berleluasa seperti yang berlaku sekarang ini.

**Dato' Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini bahawa penglibatan negara kita Malaysia menerusi Kementerian Luar Negeri dan Menteri Luar Negeri kita terlibat secara langsung dalam Organisasi Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). OIC pun telah juga mengadakan mesyuarat tergempar pada dua hari yang lalu. Kita telah mengemukakan usul untuk menyatupadukan hasrat dan juga usaha untuk mempertahankan kedudukan negara Islam dan juga pendirian negara kita atas isu Israel; dan untuk terus menindaskan

atau terus menekankan kezaliman ataupun menghapuskan kezaliman negara Israel terhadap negara Palestin.

**9. Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan secara bertulis kepada Jabatan Pendaftaran Negara agar tidak menolak sebarang permohonan pertukaran nama orang Islam dalam kad pengenalan kepada nama bukan Islam kerana dikhawatir JPN akan diambil tindakan mahkamah kerana menolak permohonan berkenaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar Jabatan Peguam Negara mengeluarkan arahan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Jabatan Peguam Negara tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan am baik secara bertulis maupun lisan kepada Jabatan Pendaftaran Negara.

**10. Tuan M. Ratnam** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah tindakan dan program yang ditaja oleh kementerian untuk menggalakkan mereka yang terdiri dari masyarakat India yang masih terperangkap dalam belenggu kemiskinan,.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum merupakan salah satu daripada strategi serampang dua mata di samping penyusunan semula masyarakat untuk mencapai perpaduan nasional.

Strategi ini telah menjadi agenda negara sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta turut dibantu oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO). Meliputi pelbagai sektor seperti pembangunan tanah, penyediaan infrastruktur dan amenity sosial, kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan dan penyediaan peluang-peluang perniagaan serta pekerjaan dalam pelbagai sektor.

Di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula, usaha-usaha pengurangan kemiskinan bagi kawasan luar bandar meliputi penyediaan infrastruktur seperti jalan, bekalan elektrik dan bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar, pembangunan wilayah-wilayah yang mundur dan pembangunan tanah dan pembangunan usahawan.

Di samping itu, khusus bagi golongan termiskin dilaksanakan program pembangunan rakyat termiskin. Bagi menangani masalah kemiskinan di bandar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mewujudkan Pusat Rahmat yang merupakan pusat setempat bagi menggembung bantuan-bantuan yang disediakan oleh pelbagai agensi kepada orang-orang miskin bandar mengikut kelayakan mereka.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerusi Amanah Ikhtiar Malaysia telah mewujudkan satu skim pinjaman mikro bertujuan membiayai ibu-ibu tunggal miskin di bandar menjalankan perniagaan bagi menampung pendapatan keluarga mereka. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian mengikut nisbah kaum dalam negara kita antara India, Melayu dan Cina, kaum manakah mempunyai peratus yang paling tinggi dari segi masalah kemiskinan, nisbah antara kaum. Minta penjelasan.

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon maaf di sini sebab saya tidak ada perangkaan yang terperinci dan ianya bukan hanya didapati daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi meliputi statistik dari pelbagai kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

**11. Dato' William Lau Kung Hui** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) mengenai persoalan hak untuk menamatkan riwayat seseorang, ada beberapa prinsip yang bercanggah seperti hak pesakit untuk membuat keputusan sendiri dan keazaman, prinsip kesucian hidup, dan makna dan maksud ujian untuk kebaikan pesakit, adakah kerajaan mempunyai rancangan menggubal satu undang-undang mengenainya;
- (b) sama ada kerajaan mempunyai penyelesaian akidah (moral) dan perundungan yang nyata mengenai, seperti siapakah yang berhak menguasai (control) atau menggunakan organ dan tisu manusia, dan untuk apakah organ manusia atau tisu boleh digunakan, dan siapakah yang boleh memberi kebenaran.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan ketika ini tidak ada satu undang-undang berkenaan dengan menamatkan riwayat hidup seseorang (euthanasia) mahupun mempunyai rancangan masa depan untuk mengadakan undang-undang yang membolehkan riwayat seseorang ditamatkan sama ada secara sukarela atau tidak kerana ini bercanggah dengan pegangan agama serta kebudayaan negara ini. di bawah 'Penal Code' di Malaysia, Euthanasia dianggap haram dan satu jenayah. Malah di dunia, hanya negara Belanda dan beberapa negeri di Amerika Syarikat yang mengamalkannya.
- (b) Buat masa ini, Akta Tisu Manusia tahun 1974 menyatakan orang yang berhak ke atas mayat adalah warisnya ataupun suami/isteri si mati. Sekiranya tiada siapa yang membuat tuntutan ke atas mayat dan mayat berada di hospital, maka orang yang berhak ke atas mayat adalah penguasa hospital atau orang yang dilantik oleh penguasa hospital berkenaan. Organ atau tisu yang digunakan untuk tujuan 'transplantasi' hanya akan diambil (harvested) dari pesakit-pesakit yang 'brain dead' selepas pemeriksaan yang sangat teliti dibuat oleh dua orang doktor yang tidak terlibat dengan transplantasi tersebut dan mengikut kriteria-kriteria yang telah diterima pakai di peringkat antarabangsa. Sekiranya mendapat keizinan untuk kegunaan organ dan tisu manusia ini, ianya boleh digunakan untuk pendidikan perubatan, kajian atau transplant (therapeutic purposes). Akta ini sedang dikaji secara komprehensif dan pindaan akan dilakukan sejajar dengan program transplantasi yang semakin berkembang di negara ini.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, masalah mengambil organ secara haram ini berleluasa di seluruh dunia sekarang ini. Kita dapati bagaimana seorang tengah berjalan, dipukul dan lepas itu dicurinya buah pinggang. Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan dan pihak doktor pun ada buat Tuan Yang di-Pertua, di Australia pun ada, di England pun ada yang mencuri organ-organ ini, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, kerana kita membuat

secara halal, saya hendak tahu berapa biji mata yang sekarang ini dikumpul oleh pihak kerajaan, oleh mereka yang menghadiahkan mata sebagai ganti kepada orang yang hendakkan mata.

**Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notislah sebab *[Ketawa]* untuk menjawab soalan itu.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya difahamkan ada sebuah negara yang mengambil organ-organ ini daripada penjenayah-penjenayah yang dihukum mati. Adakah Kerajaan Malaysia juga bercadang untuk berbuat demikian. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang berbuat demikian. Untuk mengambil organ seperti saya sebut tadi, tentulah mesti mempunyai consent atau keizinan dari waris ataupun pihak yang hendak memberi misal kata dengan izin, financially induce to sell organ ini dia memerlukan juga surat sebab pada saat ini tidak ada satu undang-undang yang regulate perkara the practise of life organ donation di negara ini.

**12. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan sepuluh jumlah pelabur terbesar di dalam 'Multimedia Super Corridor' dan jumlah dana yang telah dilaburkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**  
**[Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan kaji selidik yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia iaitu (MDC) sehingga April 2001 sepuluh pelabur utama di MSC ialah Telekom Malaysia, MSC Division Berhad, Tshorcinet Sendirian Berhad, Multimedia Universiti, Asia Pacific Information Services, DHL Sendirian Berhad, Entity MSC Sendirian Berhad, Benariang Satelite System Sendirian Berhad, Brief and Bold MSC Sendirian Berhad, Irish Corporation Sendirian Berhad, dan Irish Technology Sendirian Berhad.

Jumlah dana yang dilaburkan ialah sebanyak RM601,484,713. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bolehkah kementerian dan kerajaan memberi sedikit penjelasan kepada kita bahawa dalam program seperti multimedia ini adalah satu kebanggaan negara tetapi

permasalahan besar adalah masalah persediaan profesional dan semi profesional yang berkaitan seperti ini kita akan ditinggal dari segi kejaguhan di Asia ini kerana dikatakan mengikut laporan-laporan media antarabangsa, India sedang mengeluarkan puluhan ribu profesional yang berorientasikan multimedia ini yang akan mengatasi keupayaan Malaysia itu sendiri yang akan menjadi based sekurang-kurangnya di peringkat Asia.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh Senator Tuan Haji Rosli adalah benar bahawa kita memerlukan pekerja pengetahuan dan pada tahun 2000 sebanyak 20,334 pekerja pengetahuan atau k-workers adalah dalam lingkungan MSC dan di syarikat-syarikat di MSC. Kerajaan memang sedar bahawa kekurangan atau kemahiran pekerja pengetahuan atau knowledge worker ini memang satu masalah dan usaha telah diambil di semua universiti sama ada universiti atau institusi pengajian tinggi swasta atau awam untuk mengekalkan bahawa kursus berteknologi atau komputer atau IT adalah satu kursus yang amat mustahak dan menggalakkan kursus dan pelajar-pelajar di sini dapat untuk mengambil bahagian dalam MSC ini. Sekian.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, daripada jumlah pelaburan dalam MSC itu adakah setakat ini aktiviti dalam MSC telah mencapai hasrat dan harapan kerajaan apabila ia merancangkan MSC ini? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat yang diberi status MSC ialah 452 dan antara yang diluluskan ialah lebih kurang 437 buah syarikat telah beroperasi dan mereka boleh dikatakan ada yang memuaskan dan ada yang menghadapi masalah tetapi segala usaha telah diambil supaya syarikat-syarikat yang telah diluluskan untuk status MSC menjalankan rancangan atau projek-projek mereka. Kerana selepas status MSC ini diberikan ada masa di mana mereka mesti menjalankan rancangan yang telah dikemukakan kepada MSC. Sekian, terima kasih.

13. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah kes-kes kebakaran yang berlaku mengikut negeri-negeri sepanjang tahun 2000. Berapakah jumlah kerugian akibat dari bencana tersebut. Apakah langkah yang sedang dan akan dijalankan oleh bomba bagi membendung kejadian tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang dibangkitkan ini serentak dengan soalan pada 5 Jun tahun ini daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. T. Marimuthu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jumlah kes-kes kebakaran dan jumlah kerugian yang berlaku mengikut negeri-negeri sepanjang tahun 2000 adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Bil.</b>	<b>Anggaran Kerugian (RM)</b>
Perlis	111	6,094,574
Kedah	818	23,039,798
Pulau Pinang	1,245	67,013,645
Perak	2,260	47,961,100
Selangor	3,165	157,394,120
Kuala Lumpur	749	13,471,967
Negeri Sembilan	892	28,595,964
Melaka	689	10,494,768
Johor	1,796	84,841,202
Pahang	782	16,647,192
Terengganu	570	13,820,924
Kelantan	523	14,203,242
Sabah	719	30,091,789
Sarawak	1,058	38,091,789
Labuan	98	1,244,570

Antara tindakan yang sedang dan akan dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi mengelakkan mala petaka ini ialah:

- (i) mengadakan kempen-kempen pencegahan kebakaran bagi menyedarkan orang ramai tentang pentingnya peranan mereka dalam usaha untuk mencegah kebakaran daripada berlaku;
- (ii) mengadakan ceramah pembelajaran awam tentang bahaya-bahaya kebakaran di sekolah, hotel, kilang dan di kawasan penempatan setinggan serta kawasan berkepadatan tinggi.
- (iii) menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang termaktub dalam Akta Bomba 341/1988 seperti mengkompaun kesalahan-kesalahan yang berkaitan;

- (iv) sentiasa mengadakan pemeriksaan di bangunan-bangunan tinggi bagi memastikan supaya sistem pemasangan tetap seperti sistem penyembur air automatik, sistem pancur basah dan kering, sistem pengesan haba dan asap dan sistem-sistem lain yang disyaratkan dipasang di bangunan tinggi berdasarkan UBBL 1984 berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan;
- (v) menubuhkan Pasukan Pemadam Kebakaran di kawasan bangunan tinggi dan di kilang-kilang dan mewujudkan Pasukan Bomba Sukarela di kawasan luar bandar yang bertujuan untuk membantu pasukan bomba bagi mengawal dan memadam kebakaran sebelum ketibaan jentera bomba; dan
- (vi) membina lebih banyak balai bomba dan mengemaskini peralatan-peralatan terkini terutamanya di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan di kawasan yang jauh dari balai bomba yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab yang utama kejadian kebakaran ini dan adakah ketiadaan peralatan yang terkini menyumbang kepada kerugian?

**Datuk M. Kayveas:** Yang Berhormat, biasanya ada banyak sebab kebakaran dan ini perlu, ini terletak daripada tempat-tempat yang bermula kebakaran, mungkin gas, mungkin *electricity* dan beberapa punca kebakaran. Masalah bukan kerana peralatan sahaja tetapi kerana kalau peralatan ini - sebelum bomba sampai ke tempat kejadian perlulah di tempat-tempat, rumah, kilang atau bangunan itu ada peralatan yang mustahak, pili-pili bomba dan juga peralatan-peralatan bomba (*equipments*) *fire chemical* dan juga *equipment*-*equipment* yang lain tetapi apabila kita ada satu kebakaran, terletak kepada berapa cepat orang awam boleh panggil balai bomba.

Kalau bomba tiba di tempat itu dalam masa yang singkat, cepat dan kita boleh menyelamatkan kebakaran itu, kalau tidak kadang-kadang kita ada pihak sukarela bertempat di tempat kebakaran, boleh juga menolong bomba sebelum

bomba sampai ke tempat itu. Oleh sebab itulah pada masa ini kita akan memberi perhatian kepada tiap-tiap rumah mempunyai satu alat yang digunakan untuk memadamkan api, mencegah kebakaran di tiap-tiap rumah.

**Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan ataupun kementerian berkenaan dengan masalah apabila pihak bomba tidak dapat dihubungi dengan cepat oleh mangsa kebakaran, seperti apa yang berlaku baru-baru ini di mana tiga orang kanak-kanak daripada satu keluarga telah kehilangan nyawa disebabkan masalah tidak dapat menghubungi bomba dengan cepat. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkenaan dengan perkara ini apabila orang awam ingin memanggil pihak bomba, dia orang boleh gunakan telefon yang biasa. Apabila telefon biasa digunakan dengan mendail nombor 994 dengan secara automatik, boleh hubungi balai bomba yang berdekatan tetapi masalah yang kita lihat di Kelana Jaya itu ada orang awam yang menggunakan telefon bimbit (hand phone).

Apabila orang menggunakan telefon bimbit dia punya *connection* kepada tempat di mana dia daftar telefon itu. Kalau seseorang itu beli telefon bimbit di Pulau Pinang dan dia juga daftar dia punya telefon di Pulau Pinang, apabila dia berada di kawasan Petaling Jaya, kalau dia menggunakan telefon bimbit dia dan panggil 994, dia akan *connect* Pulau Pinang punya center dahulu, selepas itu baru dia boleh hubungi Kuala Lumpur dan selepas itu barulah Telekom Kuala Lumpur boleh menghubungi bomba yang berdekatan. Itulah masalahnya apa yang kita tahu berlaku di Kelana Jaya.

Walau bagaimanapun, dalam kejadian itu apabila bomba terima panggilan pada pukul 8.34 pagi, dalam lima belas minit bomba dari kawasan Petaling Jaya telah sampai ke tempat kejadian dan mangsa yang dijumpai di atas kawasan rumah itu adalah kerana mangsa itu tidak boleh keluar daripada rumah dan dia mati bukan kerana kebakaran tetapi mati kerana asap, dengan izin, (*poisonous gas*) oleh sebab dia tidak boleh keluar daripada rumah di *first floor* walaupun menggunakan jeriji, jeriji itu tidak dikunci dan juga anak itu boleh keluar daripada beranda atas kerana ibu bapa menggunakan tempat itu sebagai *store room*, itulah yang menjadikan satu *trap* di rumah tersebut, itulah sebab-sebab kejadian itu dan bukan kerana kelewatan bomba yang tidak dapat hadir cepat ke tempat kejadian itu. Dalam kejadian itu,

dalam 15 minit dari Petaling Jaya iaitu satu kawasan yang begitu *traffic jampihak* bomba telah sampai dengan cepat.

14. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan sama ada sewa bulanan telefon bimbit akan dikurangkan lagi.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat perkhidmatan telefon bimbit tidak lagi mengenakan sewa bulanan seperti yang dikenakan untuk talian tetap.

Namun begitu, pelanggan telefon bimbit dikenakan bayaran laluas akses dan kadar yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi adalah berbeza berdasarkan strategi pasaran syarikat masing-masing. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk membenarkan keadaan pasaran menetapkan kadar bayaran memandangkan industri tersebut ini beroperasi dalam keadaan pasaran yang agak kompetitif. Oleh kerana ini, bayaran laluan bulanan yang dikenakan oleh para pembekal berbeza mengikut bilangan pakej yang ditawarkan. Meskipun pakej-pakej tersebut direka untuk memenuhi kehendak pasaran, para pelanggan adalah dinasihatkan supaya bijak memilih pakej yang bersesuaian dengan mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, telefon bimbit ini kita boleh dapat secara percuma mengikut syarikat-syarikat berkenaan. Dia bagi kita percuma telefon tetapi dengan syarat kita melanggan nombor mereka. Saya ingin tahu daripada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk mengenalkan sistem yang sama di mana pengguna orang ramai boleh dapat telefon dengan percuma tetapi melanggan syarikat yang berkenaan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan bahawa selepas industri telekomunikasi dibebaskan ataupun diliberalisasikan, pandangan pihak kementerian ialah diberi kebebasan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi untuk beroperasi dalam keadaan atau suasana yang *competitive* oleh sebab ini terpulang kepada syarikat-syarikat telekomunikasi untuk mengeluarkan pakej yang berbeza termasuklah telefon bimbit percuma kepada pelanggan supaya dapat mengadakan satu operasi di mana perkhidmatan yang lebih baik dapat dicapai melalui rejim ini. Sekian, terima kasih.

**15. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah jumlah waktu yang diperuntukkan untuk program keagamaan di televisyen RTM dan adakah cadangan untuk mengadakan satu saluran khas bagi program agama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, TV1 menyediakan 11 jam seminggu iaitu 9 jam di TV1 dan dua jam di TV2, rancangan agama Islam. Setakat ini kerajaan belum ada cadangan untuk mengadakan satu saluran khas bagi program agama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Hazizah.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Memandangkan TV mempunyai pengaruh di kalangan masyarakat, adakah pihak kementerian bercadang untuk menapis (censor) babak-babak yang tidak bersesuaian dengan adat resam dan agama Islam negara kita seperti babak bercumbu-cumbuan, bercium dan sebagainya di mana dikhuatiri akan mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat atau generasi akan datang.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri miss babak bercium [*Ketawa*] dalam RTM sudah lama. Kita telah tidak mengadakan babak bercium dan menghapuskan babak-babak yang menjolok mata dalam siaran filem-filem yang disiarkan oleh TV1 dan juga TV2, TV3 dan sebagainya. Kita ada badan penapisan filem yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua;** Yang Berhormat Tuan Abdillah.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terdapat beberapa siaran TV1 yang berunsur pendidikan dan juga pengetahuan umum disiarkan di waktu pagi. Sebagai contoh, daripada pukul 9.00 hingga pukul 10.00 dan seterusnya dan juga di waktu tengah hari, pukul 2.00, pukul 3.00 dan pukul 4.00. Yang mendukacitakan ialah kebanyakan daripada penonton-penonton TV kita pada waktu itu bekerja dan bagi anak-anak kita mereka berada di bangku sekolah.

Jadi, soalan tambahan saya, adakah pihak RTM bercadang untuk mengkaji siaran program-program itu memandangkan program-program itu mempunyai maklumat yang baik untuk rakyat kita. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai perasaan yang sama dengan Yang Berhormat tetapi dalam pada itu, airtime atau pemberian airtime kepada program-program yang telah ditaja (sponsored program)

telah pun dilakukan untuk setahun atau dua tahun ke hadapan dan hal ini adalah agak sukar tetapi dalam pada itu, kita cuba juga menonjolkan supaya program-program yang berfaedah, yang mempunyai sambutan yang hebat daripada orang ramai untuk ditayangkan pada prime time ataupun waktu perdana. Umpamanya ruangan agama sendiri pada setiap minggu dan umpamanya masalah kita, saya cuba mengemukakan satu muzik puitis daripada Kopratasasanya pada prime time yang saya kira mempunyai peminat atau *Anjung Budi* yang bertujuan untuk membentuk keperibadian negara dari segi muzik, kesedaran kebangsaan, penilaian terhadap sasterawan dan juga sastera itu sendiri tetapi kita terpaksa undurkan apabila sponsor pertandingan bola sepak yang lebih diminati dan diundurkan.

Dalam pada itu, kita juga berusaha tidak putus-putus supaya program seumpama ini akan mendapat tempat selepas waktu perdana. Maka itu, umpamanya Kopratasasanya kita telah manage untuk akan kembali balik pada setiap jam 9.45 malam mulai bulan Jun ini. Walaupun hal itu terpaksa kita berusaha untuk melawan dengan pihak yang berkenaan tetapi kita bagi selama 15 minit *Anjung Budi* mulai Jun pada waktu perdana. Di samping ulangan tayangnya pada hari Jumaat.

Hal-hal lain juga kita akan mencuba oleh kerana pada dasarnya RTM akan membangunkan, yang utama sekali ialah kita bukanlah untuk mementingkan wang semata-mata sebab kita ada TV2 yang mengutamakan siaran-siaran yang sponsored tetapi TV1 serba boleh kita akan cuba mengetengahkan program-program yang berguna daripada segi pelajaran, pembangunan rohani dan juga dari segi pembangunan patriotisme dan nasionalisme negara ini

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan 16 hingga 25 adalah dijilid dalam buku berasingan]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[24 Mei 2001]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz menyambung ucapannya.

### **11.22 pagi.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menyambung perbahasan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000.

Seperti yang saya nyatakan minggu lepas, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dibuat kali ini nampak jelas bagi kerajaan memberi peluang memudahkan harta-harta milik untuk dijadikan sebagai collateral, sebagai peminjam bank dan sebagainya dan ini secara langsung mempercepatkan proses penubuhan dana (capital) bagi urusan perniagaan dan kita juga tertarik dengan pihak kerajaan kerana dapat memberi peluang kepada pembeli-pembeli rumah daripada syarikat dan orang-orang asing bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan saya minta pihak kerajaan, kalau-lah kita buat dasar seperti ini tidak perlulah kita ubah mengikut keadaan.

Kalau sekiranya sekarang kita mengatakan orang asing dan syarikat asing dapat membeli rumah yang berharga sekian-sekian dan kita mesti consistent. Kalau kita tidak consistent, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan kuasa yang ada pada Menteri, apabila ekonomi kita merosot sedikit, kita kata mereka boleh beli rumah. Apabila ekonomi meningkat kerana ada tuntutan tan-tuntutan daripada pembeli-pembeli rumah ini, di kalangan warganegara Malaysia, kita katakan orang asing tidak boleh membelinya lagi.

Jadi, kalau perkara yang tidak consistent ini berlaku, saya takut dan bimbang, ianya akan menghakis kepercayaan pelabur-pelabur luar untuk membeli rumah di negara kita. Jadi, saya minta consistent sebagai satu dasar yang boleh diikuti oleh kerajaan untuk memberikan peluang keyakinan mereka hendak membeli rumah di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, dengan wujudnya kemudahan-kemudahan di bawah akta ini dan juga kuasa Menteri, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kalau sekiranya wujud satu-satu kawasan tanah terutama sekali tanah rizab Melayu. Yang kita nampak depan mata kita, Tuan Yang di-Pertua, tanah rizab Melayu ialah tanah Kampung Baru di tengah-

tengah Kuala Lumpur, yang setakat ini masih lagi tidak dibangunkan sungguhpun berbagai-bagai usaha dijalankan oleh badan-badan tertentu untuk menjayakannya.

Di tepi bangunan ini, tersergam bangunan-bangunan tinggi seperti Twin Towers, hotel-hotel – saya tengok sekarang ini hotel-hotel Hyatt pun sudah hendak naik, belum lagi siap, Hotel Sheraton Imperial pun sudah naik dan pada musim hujan sedikit sahaja, kawasan inilah yang mula-mula dilanda banjir kerana pembangunan begitu pesat di sekitarnya dan kawasan ini masih lagi terlihat dengan rumah-rumah yang dibangunkan pada tahun 40'an dan 50'an, Tuan Yang di-Pertua, ada yang lebih awal daripada itu.

Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan kalau kita benar-benar hendak menyamaratakan pandangan bahwasanya tidak wujud orang-orang Melayu yang sentiasa diletakkan di rizab Melayu sebagai tontonan orang-orang luar dan juga negara kita, di sinilah letaknya orang Melayu di tengah-tengah kota, di kawasan Kampung Baru dengan bangunan-bangunan usangnya di sekeliling bangunan-bangunan pencakar langit.

Apakah tidak terletak di dalam kuas Menteri untuk menentukan kalau sekiranya susah sangat bagi menyelesaikan masalah ini, gunakan kuasa Menteri bagi mereka yang mempunyai tanah ini kerana tanah ini, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya adalah tanah yang difaraidkan turun-temurun, ada yang mungkin mendapat bahagian yang begitu kecil sehingga tidak mampu untuk membuat rumah sendiri, jadi kita tentukan Menteri sendiri yang berkuasa untuk membuatkan cadangan bagi membangunkan kawasan rizab Melayu di tengah-tengah kota terutama di Kuala Lumpur dan banyak lagi kawasan-kawasan seperti ini supaya tidak menjelaskan dari segi pembangunan yang sama rata antara tanah rizab Melayu dengan tanah bebas atau dahulu dipanggil “geran putih” di kawasan-kawasan lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mesti sanggup menggunakan di mana patut kuasa yang ada pada mereka supaya dapat mengimbangkan pembangunan yang kalau dibiarkan begitu sahaja akan tersekat kerana wujudnya pertelingkahan antara nilai yang ditetapkan dan juga pertelingkahan di antara mereka yang mempunyai tanah itu sendiri. Jadi, kuasa ini patut dijalankan bagi tanah rizab Melayu.

Saya juga tertarik dengan pertukaran designation, dengan izin, Director of Survey and Mapping, Pengarah survey dan juga pemetaan. Tuan Yang di-Pertua, kawasan kita ini begitu luas sekali dari segi sempadan dan perairannya. Saya

hendak tahu daripada pihak kerajaan, sejauh mana kita menggunakan sistem digital. Naik kapal terbang dengan menggunakan sistem digital ini boleh membuat peta dari masa ke semasa kawasan-kawasan kita ini.

Jadi, adakah belanjawan (budget), adakah kita menyiapkan satu dana khusus – sekarang ini sudah dinamakan Director of Survey and Mapping ini khusus untuk kementerian menggunakan kapal terbang-kapal terbang yang canggih ini, satelit, apa sahaja, untuk membuat pemetaan negara dari masa ke semasa dengan lengkap kerana perkara ini juga penting, bukan sahaja kita hendak menentukan sempadan kita ini dapat dijaga dengan baik berdasarkan peta yang dibuat begitu canggih menerusi sistem digital ini tetapi pada masa yang sama, mereka juga boleh menggunakan satelit ini untuk mengesan kegiatan-kegiatan pencerobohan tanah-tanah kerajaan.

Jadi, tepat sekalilah dinamakan Director of Survey and Mapping tetapi tanggungjawabnya juga mesti tepat bagi meluaskan kecanggihan kementerian, bukan sahaja untuk hendak menzahirkan geran-geran tanah yang baru, hak milik tanah yang baru seperti pendaftaran secara berkomputer tetapi mengawasi kegunaan tanah negara menerusi sistem digital.

Jadi, saya minta kerana banyak sangat punca-punca kemudaratan yang bermula daripada kebakaran, pencerobohan, curi balak dan penarahan bukit-bukau, sehingga di tengah-tengah hutan di Kedah sendiri pun ada orang menggeraji kayu-kayu di tengah-tengah hutan, tengok keluar sahaja, kayu gergaji. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Dan kalau kita ada satelit, tentu sahaja wujudnya satu pandangan luas satu layar untuk mereka mengesan terus kegiatan-kegiatan ini dapat disekat dengan lebih cepat.

Jadi director of survey and mapping tepat dengan namanya patut digunakan untuk menjalankan usaha-usaha yang canggih terhadap pengawasan dan pemantauan tanah dan juga kawasan perairan kerana kita diberitahu juga territorial waters yang ditakrifkan mengikut Seksyen 41 ialah tiga batu nautika paras air surut. Jadi luas kawasannya ini, tiga batu nautika daripada pantai kepada kawasan laut yang juga menjadi hak milik Malaysia itu sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran tanah dengan bank telah pun dimudahkan tetapi kita juga berdepan dengan – sungguhpun tanah itu 'tol', tanah geran sementara, tanah ini hak milik sementara kalau ada kaveat pun boleh juga

digadaikan, saya difahamkan. Tetapi mengikut seksyen 204 kita mempunyai tanah-tanah yang begitu banyak sekarang yang disalahgunakan ataupun secara haram disalahgunakan oleh setinggan-setinggan, perkara ini semakin merebak. Soalannya sekarang Tuan Yang di-Pertua, adakah pejabat tanah di setiap tempat ini tidak mempunyai orang yang cukup untuk hendak memantau supaya tanah tidak diceroboh, sehingga Perdana Menteri kita sendiri terpaksa memaklumkan kepada kerajaan negeri bahawasanya tanah-tanah negeri Selangor misalnya di tengok melalui helikopter sudah terang benderang, kerana satu kegiatan-kegiatan tidak tuluh secara haram ataupun halal untuk hendak membuat perumahan dan sebagainya.

Tetapi ini menjelaskan mereka yang di lereng bukit, dekat Ampang misalnya, kita nampak pada suatu ketika, sehingga Kabinet sendiri membuat keputusan, Perdana Menteri sendiri terpaksa membuat keputusan terpaksa menyedarkan kerajaan negeri. Ini memalukan, kalau saya dalam kementerian saya malu kalau sekiranya Perdana Menteri menegur bahawasanya kawasan negeri sepolan-polan telah pun dicerobohi. Jadi pegawai-pegawai kita, saya minta kita adakan satu apa yang dinamakan desk responsibility Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kalau ini kawasan saya mungkin terutama sekali di peringkat pengurusan tanah, kita ada penghulu peringkat bawah, bawah daripada itu ketua kampung. Kita ada ketua kampung kalau sekiranya tanah-tanah di desa, penghulu, selepas penghulu SO dahulu settlement officers selepas itu ada ADO tanah, lepas itu DO.

Jadi peringkat district, peringkat daerah itu sendiri sudah cukup dari segi hierarki pengurusannya. Dalam kecukupan hierarki pengurusan masih wujud tanah-tanah yang diteroka secara haram, depan mata. Jadi kalau perkara macam ini kalau sekiranya ianya dapat dikawal dan kalau terbukti wujud satu-satu kawasan yang dicerobohi sepatutnya pihak kerajaan negeri atau mana-mana pihak yang berkuasa kementerian pergi mengambil tindakan, bertanya mengapa pegawai-pegawai di kawasan tersebut wujud pencerobohan-pencerobohan tanah. Jadi kuasa itu yang ada pada mereka terpaksalah mereka gunakan bagi memantau keadaan semasa. Kalau tidak apa sahaja pindaan yang kita buat pada Akta Kanun Tanah Negarakah, apa sekali akta sekiranya tidak cukup dari segi pegawai untuk memantau atau ada pegawai tetapi kita tidak mengambil tindakan kepada mereka yang di kawasan masing-masing wujud pencerobohan atau salah guna. Jadi, kita sebenarnya tidak mengikuti tuntutan tan-tuntutan.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, tanah merupakan satu perkara yang selalu dianggap begitu susah untuk menyelesaikan. Sungguhpun kita ada komputer tetapi orang ramai pengguna-pengguna, saya hendakkan kementerian lebih consumer friendly mohon izin, lebih mesra pengguna. Jadi, pada peringkat awalnya kalau dahulu kalau kita hendak menukar syarat tanah, tanah pertanian hendak dijadikan tanah perumahan, kawasan perumahan atau perindustrian, ia banyak step-step ataupun aktiviti-aktiviti yang terpaksa dijalankan sampai 30, 40, 50. Jadi, saya hendak kalau boleh pihak kementerian mengkaji semula bagaimana proses menukar syarat tanah-tanah ini dapat dibuat dengan secepat-cepatnya. Berapa tahap aktiviti yang patut dijalankan. Kalau sekarang ini 60, kita turunkan 30, kalau ada komputer mungkin turunkan kepada 20 dan membuat satu flow chart Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak kalau boleh kementerian mengadakan flow chart ertinya rajah-rajah menunjukkan tiap-tiap aktiviti itu kita rajahkan di dalam kotak bagaimana ianya bagi permulaan hendak memohon tanah itu ataupun hendak memohon dari segi tukar syarat sampailah tukar syarat itu diluluskan, apakah tahap-tahap yang terpaksa dibuat, buatkan flow chart yang secara simple, secara mudah supaya ini dapat diedarkan kepada semua yang memerlukannya dan tidak payah bayar, percuma. Fasal kita sebenarnya kementerian dan sebagainya, agensi kerajaan hendak mempercepatkan proses pembangunan, ini cara dia, inilah kita katakan mesra rakyat, mesra pengguna, mesra swasta, kerana masa itu Tuan Yang di-Pertua adalah begitu mahal, begitu penting dari segi pengurusan-pengurusan swasta.

Begitulah juga masa itu penting bagi pengurusan-pengurusan kerajaan. Jadi kalau dilewat-lewatkan kerana prosedur yang ada sekarang ini, ini tentu sekali meningkatkan kos kepada pembangunan itu sendiri. Jadi, saya minta flow chart pihak kerajaan, bukan sahaja Kementerian Tanah yang ada ini tetapi kementerian-kementerian yang banyak kaitannya dengan pengguna. Jadi flow chart ini kita bukukan, mohon tanah, sekian flow chart nya. Hendak tukar syarat ini dia flow chart dia. Jadi, dia tahu buatkan nombor telefonnya sendiri, pegawai yang ditentukan. Kalau tidak ada pegawai kerana pegawai bertukar selalu kita berikan designation dia, pegawai mana, mana pejabat dia, nombor telefonnya, jadi senang, pengurusan-pengurusan swasta dan mereka yang berkaitan untuk hendak membuat penyelesaian kepada permohonan-permohonan. Pegawai yang bekerja dengan kerajaan pun senang, ini macam ada desk file Tuan Yang di-Pertua, dia sudah tahu

tanggungjawabnya, dia sudah tahu bagaimana berapa hari daripada satu aktiviti ke satu aktiviti dia mengambil masa.

Kalau terlewat daripada itu dia kena bertanggungjawab, jadi sudah sampai masa sekarang ini pihak kerajaan mempunyai aktiviti-aktiviti yang dirangkakan menerusi tahap-tahap mengikut masa yang ditetapkan. Kalau dia lebih daripada masa itu, mereka terpaksa bertanggungjawab untuk memberikan alasan-alasan yang munasabah. Kalau tidak tindakan boleh diambil, ini cara dia, ini management by objective, cara pengurusan berasaskan objektif, kerana konsep kerajaan sekarang mesti bertukar Tuan Yang di-Pertua. Kalau dahulu kita mentadbir, pentadbiran iaitu administer mohon izin tetapi sekarang to manage iaitu mengurus, itu caranya. Kalau pengurusan ini dia bukan sahaja dari segi matlamat keuntungan tetapi matlamat kecepatan. Jadi, prosesnya itu cepat, konsep mengurus daripada mentadbir.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini cara dia pindaan-pindaan ini tentu sahaja akan mendapatkan keuntungan, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Hassan.

#### 11.40 pagi

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000. Seperti yang sama-sama kita maklum semenjak penguatkuasaan Kanun Tanah ini pada 1.1.1966 ianya telah dipinda sebanyak 28 kali. Pindaan kali ini ialah pindaan kali yang ke-29. Pindaan terbesar mengenai kanun tanah ini ialah pindaan yang dibuat melalui Akta A587 yang melibatkan 152 seksyen. Kedua menerusi Akta A832 yang merangkumi 93 seksyen termasuk mewujudkan 23 seksyen baru dan kali ini sebanyak 48 seksyen lagi hendak dipinda termasuk mewujudkan 9 seksyen baru.

Saya ingin menarik perhatian bahawa pada permulaan ini dinyatakan bahawa pemakaian Kanun Tanah Negara kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau pemakaian Kanun Tanah Negara diperuntukkan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seakan-akan sebelum pindaan ini Kanun Tanah Negara seolah-olah tidak terpakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sepatutnya pindaan ini dibuat pada tarikh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diisytiharkan. Selama ini kanun yang terpakai ialah pengubahsuaian Persekutuan melalui perintah ubahsuai tahun 1974. Satu persoalan baru yang timbul ialah mengenai

Wilayah Persekutuan Putrajaya yang juga kita lihat seakan-akan sebelum ini tidak dimasukkan di dalam pindaan Kanun Tanah Negara yang kita bahaskan sekarang ini.

Kerana Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak disebutkan, yang disebutkan hanyalah negeri Selangor. Oleh yang demikian saya mengharap kepada pihak kementerian supaya memikirkan pada masa-masa yang akan datang sebarang pindaan yang dibuat ke atas Kanun Tanah Negara ini hendaklah difikirkan dengan penuh teliti. Selain daripada itu pindaan kepada Seksyen 135,140 dan 146 di mana menerusi Kanun Tanah Negara pindaan iaitu Akta 1984 nombor A537 seksyen-seksyen yang menunjukkan tentang seksyen 135, 140 dan juga 146 telah dipinda menerusi pindaan ini, iaitu mengenai hak milik sementara atau sambungan daripada hak milik tetap boleh dipecah sempadan dan juga boleh dipecah bahagian dan boleh juga dicantum semula. Sebelumnya hak milik tetap sahaja yang boleh. Pindaan ini dibuat sebagai suatu usaha untuk mempercepatkan proses pembangunan.

Mengenai pindaan-pindaan yang kita sebutkan ini ianya bukan sahaja melibatkan pemaju-pemaju perumahan tetapi juga melibatkan yang paling penting sekali ialah melibatkan orang-orang kampung yang tidak mempunyai banyak pengetahuan, dan tidak mempunyai banyak maklumat tentang bagaimana cara hendak membuat pindah milik itu. Kita juga mengharapkan pihak kerajaan supaya pindah milik bukan sahaja yang diusahakan oleh pemaju-pemaju tetapi oleh orang-orang kampung yang sangat daif dan lemah supaya apa jua tukar milik sama ada milik tetap ataupun milik sementara hendaklah disegerakan. Selain daripada itu kita juga melihat tentang proses menukar hak milik sementara kepada hak milik tetap bagi tanah yang telah dipecah sempadan begitu juga pecah bahagian dan dicantum semula. Ianya kerap kali memakan masa yang panjang iaitu di antara 1 - 2 tahun. Kita mengharapkan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi supaya pemecahan ataupun pencantuman semula tanah-tanah kecil ini akan dapat disegerakan.

Saya juga ingin menyebutkan bahawa pindaan yang telah diperkenalkan pada tahun 1984 hendak dipinda pula pada pindaan kali ini iaitu balik semula kepada pindaan asal di mana tanah hak milik sementara dan juga sambungan daripada hak milik tetap tidak boleh dipecah sempadan dan juga tidak boleh

dipecah bahagian atau dicantumkan. Ini kelihatan implikasi pindaan yang terdahulu itu seakan-akan tidak difikirkan dengan begitu masak. Oleh yang demikian kita mengharapkan sebarang pindaan yang akan dikemukakan pada masa-masa yang akan datang perlu mengambil kira pindaan-pindaan itu tidak akan berulang ataupun ada pindaan-pindaan yang telah kita buat dan kemudian kita mansuhkan, kemudian macam sekarang ini kita membuat pindaan balik kepada pindaan tahun 1984.

Selain daripada itu saya juga ingin menarik perhatian jika masa untuk mengubah hak milik itu memakan waktu di antara satu hingga dua tahun dan kita mengharapkan supaya ianya dapat disegerakan bukan sahaja sampai kepada satu tahun tetapi biarlah diselesaikan dalam tempoh yang terdekat ataupun tempoh yang pendek iaitu enam bulan.

Saya mempunyai pengalaman misalnya ada sesetengah tanah hak milik sementara di negeri Selangor ini bukan jauh, jalan di antara Tanjung Karang ke Sabak Bernam, saya dimaklumkan oleh pemilik-pemilik tuan tanah sementara itu, sehingga ini tanah mereka itu belum lagi diselesaikan malah ada sawah padi di kawasan Sungai Besar misalnya, mereka teroka sejak sebelum merdeka, sejak penjajahan British lagi. Sehingga sekarang ini tanah itu belum mendapat hak milik dan barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah berumur mendengar tentang cerita penerokaan tanah tersebut.

Tadi Dato' Abdul Aziz menyebutkan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat tinjauan melalui helikopter. Kawasan tanah inilah yang sebenarnya diteroka, siapa yang teroka, tidak tahu, mungkin juga terlibat orang-orang tertentu yang kita tidak dapat sebutkan namanya di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi persoalannya mereka telah meneroka tanah ini sebelum merdeka lagi dan ada sebahagian dari tanah ini sehingga sekarang belum dapat diselesaikan walaupun ianya adalah kuasa kerajaan negeri tetapi oleh kerana pindaan Kanun Tanah Negara ini juga menyentuh sedikit sebanyak tentang kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada kerajaan negeri di bawah Kanun Tanah itu maka ingin saya sebutkan, mudah-mudahan ianya akan mendapat perhatian daripada kementerian dan kementerian akan memberikan pandangan-pandangan yang wajar kepada pihak kerajaan negeri supaya urusan hak milik tanah ini dapat diselesaikan seberapa segera yang mungkin.

Saya juga ingin menyebutkan tentang seksyen baru, 183A, 184A dan juga 185A. Kita tidak nampak sebenarnya dalam pindaan ini, apa rasionalnya seksyen-

seksyen baru 183A dan juga 184A termasuklah juga 185A yang hendak diwujudkan. Setakat berteraskan keadilan dan juga suai manfaat sahaja adalah tidak adil dan tidak munasabah serta akan membawa kepada beberapa kekeliruan malah sebagai satu tarikan kepada amalan rasuah.

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian ini supaya dalam melaksanakan seksyen-seksyen ini, satu perhatian yang berat oleh pihak kementerian supaya dapat mengawal tidak berlakunya kegiatan-kegiatan rasuah. Adalah sangat mendukacitakan jika sekiranya kegiatan-kegiatan ini berlaku dalam persoalan-persoalan yang berkaitan tanah yang kita tahu bahawa tanah adalah melibatkan semua pihak bukan sahaja pihak korporat, pihak pemaju perumahan tetapi ianya juga melibatkan petani-petani, pesawah padi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin mengambil perhatian tentang tanah-tanah yang diambil alih oleh pihak yang berkuasa kerana melaksanakan sesuatu projek. Kita banyak mendengar sungutan daripada mereka yang terlibat ataupun mereka yang telah diambil tanahnya kerana melaksanakan projek-projek tertentu oleh pihak yang berkuasa kerajaan, mereka mendapat ganti rugi yang tidak begitu munasabah. Walaupun mereka dibenarkan untuk membawa ke mahkamah jika sekiranya bayaran ataupun pampasan yang dibayar kepada mereka tidak patut mereka boleh bawa perkara ini ke mahkamah. Tetapi saya difahamkan ramai orang-orang kampung, mereka tidak mampu untuk membawa hal ini ke mahkamah.

Oleh yang demikian, kita juga mengharapkan supaya pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya terutama sekali tanah orang-orang kampung yang digunakan misalnya kerana buat jalan raya dan sebagainya supaya pampasan itu dibayar dengan munasabah. Apa lagi jika sekiranya tanah itu Rizab Melayu. Kerana kadang-kadang sudah terpacak dalam kepala kita bila Rizab Melayu, pampasannya lebih rendah daripada geran bebas. Dan ini juga saya ingin minta supaya pihak kementerian bekerjasama dengan kerajaan negeri kerana yang hendak ambil tanah ini kerajaan negeri tetapi projek-projek ataupun rancangan-rancangan oleh Kerajaan Pusat tetapi yang akan mengambil tanah ialah kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan supaya ada pandangan-pandangan daripada pihak kementerian supaya orang yang kena ambil tanah mereka mendapat pampasan yang sewajarnya ataupun mendapat bayaran pampasan yang munasabah.

Satu perkara lagi mengenai perbicaraan yang dijalankan oleh pentadbir tanah di bawah Seksyen 261 Kanun Tanah di mana kadang-kadang dalam perbicaraan-perbicaraan ini, pihak bank misalnya tidak bawa kuasa *Power of Attorney* (PA) mereka datang biasanya mereka tidak membawa surat kuasa ini dan kita mengharapkan dalam perbicaraan-perbicaraan tersebut supaya mana-mana pihak pun mesti ada surat kuasa kerana kadang-kadang yang terlibat ialah orang-orang yang luar bandar yang tidak tahu tentang perbicaraan-perbicaraan mengenai tanah ini, mereka kadang-kadang teraniaya oleh kerana orang yang datang itu lebih pandai, lebih bijak daripada mereka. Jadi hal-hal yang seperti ini, saya mengharapkan supaya dapat perhatian daripada pihak kementerian dengan kerjasama-kerjasama kerajaan negeri.

Selain daripada itu Seksyen 264A yang baru membawa erti *order* ataupun pentadbir tanah itu boleh dipinda dan ini menurut pandangan saya bercanggah dengan Seksyen 33 Kanun Tanah itu sendiri. Adalah disyorkan supaya perkataan ‘*order*’ ini perlu ditukarkan kepada perkataan yang lebih sesuai dengan maksud perwujudan Seksyen 264A itu.

Adapun mengenai pindaan 259 dan juga 265, ada kalanya tanah yang dilelong pada kali pertama tidak ada penangkap lelong atau *bidder*, dengan izin, ianya terpaksa dilelong sekali lagi dengan harga reserve yang sama atau reserve yang dikurangkan. Pindaan kepada kedua-dua seksyen ini hendak menukarkan perkataan *reserve*, perkataan *bidder* kepada new, dengan izin. kalau harga reserve RM1 juta, sebagai contoh, sudah tidak ada *bidder* tentulah reserve itu perlu dikurangkan kepada golongan yang berikutnya.

Persoalan yang saya hendak timbulkan di sini ialah kadang-kadang pelelong-pelelong ini ataupun lelong itu ada orang-orang yang tertentu yang berperanan dan kadang-kadang ianya tidak memberikan ruang dan peluang kepada orang lain untuk mendapatkan lelong termuka itu. Inilah yang kita rasa di mana bisanya seorang yang hendak mengambil lelong itu dikenakan sebagai biasa sahaja, dikenakan bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga lelong. Sekarang ini 10% itu hendak dikanunkan, hendak diperundangkan. Dahulu ianya sebagai suatu amalan biasa sahaja, siapa yang hendak tangkap lelong dia kena bayar dulu 10%. Kita difahamkan melalui pembayaran-pembayaran ini ada golongan tertentu yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan lelong-lelong sehingga kadang-kadang harta yang dilelong itu hanya dimonopoli oleh beberapa orang sahaja. Inilah yang

ingin kita tarik perhatian supaya dalam perlaksanaan perkara ini, pihak kementerian mengambil perhatian dan semoga ianya tidak akan dimonopoli oleh golongan tertentu ataupun orang-orang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sebutkan tadi bahawa sesungguhnya tentang cukai-cukai yang dikenakan ke atas rumah dan sebagainya, kita tidak mahu melihat ketika ekonomi kita jatuh, kita dengan mudah memberikan ruang kepada rakyat asing untuk memiliki rumah misalnya. Lebih daripada 250,000 kalau tidak silap saya, tidak dikenakan apa-apa levy dan ini sangat merbahaya. Bagi saya walaupun kita hendak menarik supaya orang asing masuk membeli rumah dan sebagainya tetapi macam kata Yang Berhormat Datuk Karim yang bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Aziz, supaya diwujudkan suatu dasar yang tepat sama ada ekonomi kita gawat ataupun tidak gawat tetapi ianya mempunyai suatu asas, suatu dasar yang tetap, jangan semata-mata kerana kita hendak mendapatkan pemodal-pemodal asing yang masuk ke dalam negara kita, kita berikan kemudahan-kemudahan yang kemudiannya akan menimbulkan satu penjajahan baru. Akhirnya rakyat akan terus terpinggir. Ini sangat merbahaya.

Oleh yang demikian itu, saya mencadangkan supaya pihak kementerian memikirkan perkara ini, jangan semata-mata alasannya kerana kegawatan ekonomi dan kita terlalu ghairah hendak mendapatkan pelabur dan pemodal asing masuk ke dalam negara kita tetapi kemudian 10-15 tahun yang akan datang yang akan menerima bahang daripada dasar kita ini ialah anak-anak kita.

Kita mempunyai banyak pengalaman di mana penjajahan itu bukan sahaja penjajahan terhadap negara, penjajahan ke atas tanah tetapi juga penjajahan ke atas ekonomi sesebuah negara, penjajahan kebudayaan, pemikiran ekonomi dan sebagainya yang paling berat sebenarnya ialah penjajahan kebudayaan. Kalau penjajahan kebudayaan ini berterusan, kita tidak boleh menghalang maka akhirnya yang akan menerima padah daripada penjajahan kebudayaan ini kerana biasanya orang-orang asing bila masuk ke dalam mana-mana negara mereka bukan sahaja menguasai ekonomi tetapi bersama-sama dengan pelaburan yang mereka bawa itu mereka juga membawa budaya dan budaya inilah yang akan diserapkan ke dalam negara kita dan mereka mempunyai ejen-ejen yang kuat supaya anak-anak kita ataupun anak-anak rakyat dalam sesebuah negara yang mereka kuasai ekonominya mereka serapkan melalui penjajahan kebudayaan itu yang ini akhirnya pemikiran

rakyat negara itu diracuni oleh unsur-unsur yang tidak baik, unsur-unsur yang berlawanan dengan budaya hidup rakyat negara tersebut.

Dengan demikian, saya ingin memperingatkan kepada pihak kementerian supaya mengawasi hal-hal yang seperti ini walaupun barangkali ada kementerian-kementerian yang lain yang melakukan kerja-kerja ini bukan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi tetapi ini sebagai suatu peringatan, mudah-mudahan ianya akan mendapat perhatian seluruh pihak supaya kita tidak akan melihat pada masa yang akan datang anak-anak kita akan dijajah budaya mereka setelah kuasa asing ataupun pelabur-pelabur asing membawa agen-agen mereka bagi menjajah kebudayaan dan pemikiran kita.

Saya rasa cukup sekadar itu dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek.

**12.00 tgh.**

**Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000 dengan tiga isu sahaja.

Isu yang pertama ialah masalah pembayaran cukai bagi tanah-tanah yang mempunyai ramai pemilik. Masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik tanah berkongsi yang mempunyai syer di atas satu lot tanah ialah kesukaran untuk membayar cukai tanah kerana peruntukan Kanun Tanah Negara sekarang tidak memberarkan pembayaran cukai dibuat berdasarkan syer pemilik-pemilik tanah tetapi, perlu dijelaskan berdasarkan keseluruhan lot tanah.

Masalah yang timbul ialah sebahagian daripada pemilik-pemilik tanah ini kadang-kadang tidak memberi kerjasama atau tidak dapat bekerjasama bila mana pembayaran cukai tanah perlu dijelaskan. Ini mengakibatkan hasil tanah bagi lot-lot pemilik tanah berkongsi selalu berlaku tunggakan cukai kerana pemilik-pemilik syer yang ingin menjelaskan cukai masing-masing tidak dapat membayar cukai tanah di pejabat tanah secara berasingan. Sebaliknya, bila pejabat tanah mengambil tindakan untuk merampas lot-lot tanah yang cukainya tertunggak, ia akan melibatkan keseluruhan lot dirampas oleh kerajaan.

Jadi, dengan keadaan ini adalah tidak adil kepada pemilik-pemilik tanah lain menerima kesan akibat kecuaian ataupun kesalahan sebahagian pemilik-pemilik tanah dalam menjelaskan cukai tanah masing-masing. Oleh itu, adalah disarankan supaya kerajaan dapat meneliti semula peruntukan undang-undang mengenai

pembayaran cukai tanah dan kaedah perampasan tanah yang tertunggak cukainya sama ada sesuai pembayaran cukai tanah boleh dibuat berdasarkan syer yang terdapat dalam hak milik dan perampasan bagi kes-kes cukai tanah tertunggak juga dibuat berdasarkan syer tanah yang dimiliki.

Isu yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai penggunaan tanah-tanah pertanian bagi maksud pembinaan menara komunikasi. Setiap akhir-akhir ini, didapati beberapa syarikat telekomunikasi mendirikan menara telekomunikasi di seluruh negara bagi mewujudkan rangkaian telekomunikasi yang berkesan untuk pelanggan masing-masing. Walau bagaimanapun, pembinaan menara-menara tersebut, kebanyakannya dibuat di atas tanah pertanian tanpa mendapat kebenaran rasmi daripada kerajaan. Adalah disarankan supaya kerajaan mengkaji semula penggunaan tanah-tanah pertanian untuk pembinaan menara-menara tersebut kerana ianya bercanggah dengan syarat tanah-tanah pertanian yang sedia ada.

Kaedah-kaedah tertentu perlu diwujudkan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara supaya pembinaan menara telekomunikasi dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Adalah difahamkan bahawa mengikut peraturan undang-undang Kanun Tanah Negara sedia ada, tanah-tanah yang terlibat dengan pembinaan menara perlu ditukar syarat terlebih dahulu sebelum pembinaan dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kaedah ini menimbulkan kesukaran kepada pemilik-pemilik tanah kerana keluasan tanah yang terlibat adalah kecil tetapi, prosedur penukaran syarat tanah perlu juga dipatuhi seperti mana proses pertukaran syarat tanah biasa.

Oleh itu, adalah disarankan supaya kerajaan mengkaji kemungkinan menetapkan kaedah tertentu dalam kes pembinaan menara-menara telekomunikasi supaya pembinaannya tidak bercanggah dengan undang-undang kerana pembinaannya boleh memberi manfaat kepada pengguna-pengguna telefon mudah alih untuk mendapat rangkaian perhubungan yang lebih mudah di masa akan datang. Manakala, pejabat-pejabat tanah pula tidak akan menghadapi masalah untuk membuat penguatkuasaan undang-undang bagi kes-kes pembinaan menara yang bercanggah dengan syarat-syarat tanah.

Isu yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, masalah perjawatan di pejabat-pejabat tanah. Satu kajian yang menyeluruh perlu dibuat bagi memastikan adakah kedudukan perjawatan di pejabat-pejabat tanah masa kini mampu menangani keperluan perkhidmatan bagi tiap-tiap pejabat tanah yang ada. Adalah difahamkan

bahawa di kebanyakan pejabat-pejabat tanah, kedudukan perjawatan yang sedia ada adalah berdasarkan kedudukan perjawatan yang diluluskan sejak tahun 1970-an.

Sebaliknya, perkhidmatan yang diperlukan di peringkat pejabat tanah amatlah banyak dan ianya sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Oleh itu, kedudukan bilangan perjawatan yang sedia ada wajar dikaji semula. Penggunaan sistem komputer tidak wajar dijadikan alasan bahawa masalah bilangan perjawatan di pejabat-pejabat tanah tidak wajar dipertingkatkan dan anggapan itu adalah tidak munasabah. Bilangan perjawatan patutlah mengambil kira jenis perkhidmatan yang disediakan di pejabat-pejabat tanah yang merangkumi pelbagai bidang seperti pengambilan tanah pusaka, pemberian hak milik tanah, masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah gadaian, pindah milik, tukar syarat dan sebagainya di mana memerlukan bilangan perjawatan yang sesuai diwujudkan.

Di samping itu, pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang berkhidmat di pejabat tanah perlu diberi kemahiran yang secukupnya bagi mengelakkan berlaku kesilapan-kesilapan yang boleh menjelaskan hak orang ramai. Penempatan pegawai-pegawai dan anggota -anggota yang kurang berpengalaman di pejabat-pejabat tanah boleh menjelaskan kelincinan urusan-urusan yang sedia ada. Pewujudan satu skim perjawatan khas bagi pegawai atau anggota yang berkhidmat di pejabat tanah perlu diteliti supaya tahap kemahiran kerja yang tinggi sentiasa wujud dan dapat dikenalkan di pejabat-pejabat tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

#### **12.08 tgh.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada beberapa cadangan dan juga *criticism* yang membina yang telah dilafazkan oleh rakan-rakan saya di dalam Dewan ini sebelum saya, saya ingin untuk mengemukakan beberapa pandangan yang juga saya anggap secara membina bagi membetulkan keadaan yang berlaku sekarang ini di pejabat-pejabat tanah kerajaan negeri dan juga hak milik orang-orang perseorangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan Fasal 6 yang mana bertujuan untuk meminda seksyen 14 kanun untuk membolehkan kaedah-kaedah dibuat oleh pihak berkuasa negeri mengikut arahan-arahan yang diberikan oleh Majlis Tanah Negara bagi maksud berikut, (a), (b) dan (c). Pindaan ini memang baik dan saya menyokong atas cadangan pindaan ini bagi memastikan apa juga pindaan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat harus dipatuhi dan diikuti oleh kerajaan negeri. Sepertimana yang kita ketahui, keluhan-keluhan yang selalu disuarakan terutama sekali mereka daripada kalangan masyarakat kampung dan orang luar bandar. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, penukaran hak milik.

Bila mana berlaku penukaran hak milik, kadangkala penukaran ini memakan masa begitu lama. Ada yang bertahun-tahun kedapatan rungutan-rungutan selalu dikemukakan oleh orang-orang kampung. Mereka kerap kali ke pejabat tanah, namun demikian, tindakan-tindakan yang diambil belum selesai dan rakyat, penduduk luar bandar yang memohon selalu diberitahu katanya, „*permohonan kamu sedang dalam proses*”, itu satu jawapan biasa yang telah dikeluarkan oleh kerani pejabat tanah. Kemudian, setelah beberapa kali mereka sudah turun naik pejabat tanah, jawapan kedua akan diberi bahawa “*segala-galanya telah pun siap dan telah dikemukakan kepada kerajaan negeri dan di tangan kerajaan negeri dan terpulang kepada Exco untuk meluluskan permohonan tersebut*”

Jadi, bila mana rakyat diberitahu terpulang kepada Exco kerajaan negeri, terbayang di fikiran rakyat jelata dari kampung bahawa kelewatan penukaran hak milik tanah ini dilakukan oleh kerajaan negeri, Exco negeri dan ahli-ahli politik yang memerintah kerajaan negeri selalu dipersalahkan oleh kakitangan-kakitangan pejabat tanah yang hanya mencari kesempatan pada hemat saya, bukan keseluruhannya. Saya tidak menyalahkan keseluruhannya tetapi, sebahagian daripadanya yang meletakkan segala kelewatan ini bukan pada diri mereka sendiri tetapi, kepada kerajaan negeri dan Exco dan ini menyebabkan, Tuan Yang di-Pertua, kalangan rakyat kita bersungut dan ini menyebabkan kredibiliti kerajaan juga akan menjadi persoalan, ini berlaku.

Jadi, dengan adanya pindaan ini dan saya juga berharap, bukan sahaja pindaan ini akan memantapkan lagi isu-isu soal penukaran hak milik tanah dan perjalanan kuasa Kera jaan Pusat dan kerajaan negeri dalam isu tanah kerana tanah adalah merupakan satu perkara yang paling penting daripada kehidupan rakyat jelata sama ada di bandar atau di luar bandar tetapi juga dapat mengikis kan

perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata terhadap pentadbiran negara kita. Mereka mempersalahkan seperti kata saya tadi, ahli-ahli Exco dan kerajaan negeri, Menteri Besar dan juga menteri sini tetapi, kesilapan yang banyak dilakukan pada pandangan saya, sesetengah kakitangan awam yang menjalankan urusan penukaran hak milik tanah ini.

Kata Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek dari Perlis mengatakan bahawa kakitangan besar kemungkinan katanya, kelewatan ini berlaku disebabkan kekurangan kakitangan pejabat tanah. Ini satu perkara yang boleh difikirkan. Jika sekiranya kurang kakitangan, boleh tambah kakitangan untuk melicinkan penukaran hak milik tanah ini supaya ianya dapat dilaksanakan dengan seberapa segera. Kadangkala, penukaran hak milik ini bukan besar, bukan orang cakap begitu berat dan boleh dilakukan dalam masa yang secepat mungkin tetapi, masalahnya saya kira sistem pekerjaan yang berada di pejabat tanah tidak begitu canggih, tidak begitu ketara dan tidak ada prosedur-prosedur besar.

Walaupun ada prosedur, tetapi prosedur ini adalah prosedur yang lama, yang telah lapuk, usang dan harus ditukar. Dengan adanya komputer-komputer alat canggih yang berada di pejabat tanah, hal ini boleh kita lakukan demi untuk kepentingan bukan sahaja rakyat jelata, orang kampung yang berurusan dengan pejabat tanah tetapi demi kepentingan imej negara dan kerajaan sendiri. Jika sekiranya ini dapat dilakukan, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa keadaan sedemikian tidak akan berulang lagi dan akhirnya rakyat mengakui bahawa pentadbiran negara dapat berjalan dengan licin dan mereka dapat menikmati perkhidmatan yang lebih canggih, yang lebih baik untuk kepentingan mereka.

Perkara kedua, akibat daripada keadaan yang tidak menentu, kadangkala orang cakap kita kakitangan awam tidak begitu mempunyai perasaan bertanggungjawab (sense of belonging), sayangkan kepada jawatan, sayangkan kepada negara dan sayangkan kepada tugas mereka, kedapatan beberapa perkara yang kurang senang berlaku baru-baru ini. Seperti mana kita tahu baru-baru ini tak berapa lama dahulu di Ulu Klang, orang-orang asing yang datang ke negara kita ini secara sah atau tidak sah telah dapat mendirikan rumah, banglo, rumah yang cantik, yang canggih, yang begitu baik, lebih baik daripada rumah kita anak-anak tempatan di Ulu Klang.

Kawasan begitu sibuk, berhampiran bandar raya, lalu-lalang kita semua tak dapat kita lihat sehingga satu ketika rakyat beritahu sendiri pejabat tanah,

barulah pejabat tanah dengan tergesa-gesa pergi melawat kawasan tersebut dan mengambil tindakan. Ini sebahagian daripada Ulu Klang. Besar kemungkinan juga berlaku di tempat lain. Rakyat negara kita memohon tanah kadangkala tidak dapat tanah, terutama sekali di kalangan mereka angkatan tentera, polis, bekas pasukan keselamatan dan juga kakitangan awam dan rakyat yang dahagakan tanah untuk mendirikan rumah, kadang-kadang permohonan mereka terbengkalai begitu sahaja.

Jadi, sistem yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan sistem ini ditukar dan sistem pendaftaran, national registration hendaklah dilakukan bagi memastikan tiap-tiap rakyat kalau mereka sudah ada tanah supaya tidak diberi tanah lagi oleh kerajaan. Ini harus dilakukan. Sistem yang sama, sama ada ianya berlaku di pusat, kerajaan-kerajaan negeri di seluruh negara bagi memastikan imej kerajaan, imej negara dan rakyat berasa begitu lega dan begitu senang bahawa kita prihatin terhadap masalah yang dihadapi mereka itu. Kalau kita bertanya, kita melawat ke kampung-kampung kita tanyalah rakyat, banyaklah mereka yang menyewa, yang memohon tanah bertahun-tahun tidak dapat memiliki tanah.

Jadi, usaha-usaha yang gigih dan juga tindakan-tindakan yang bersepada haruslah dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bagi memastikan, pertamanya, rakyat di negara kita ini mempunyai sebidang tanah untuk mereka tinggal. Yang kedua, iaitu orang-orang asing yang datang ke negara kita dengan senang mendirikan rumah di tanah kerajaan, meneroka tanah kerajaan untuk mendirikan rumah untuk mereka tinggal. Jadi, ini satu perkara yang kita lihat begitu aneh berlaku dalam masyarakat kita.

Sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak-pihak berkuasa tanah sama ada negeri, daerah atau majlis perbandaran mesti berwaspada setiap masa. Mereka mempunyai enforcement officer, dengan izin, mereka mempunyai badan penguat kuasa. Tetapi saya kadang-kadang bertanya apakah tugas tanggungjawab enforcement officer, adakah mereka menilai, masuk, melihat dan mengintai dan mendapatkan pandangan rakyat apa yang berlaku di sekeliling kampung, di kawasan-kawasan yang terlibat, orang luar negeri, rakyat asing masuk secara haram, secara sah mendirikan rumah di tanah-tanah, haram, tanah-tanah kerajaan sedangkan rakyat jelata sendiri tidak dapat mempunyai tanah.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya ingin bercakap iaitu Fasal 23. Fasal 23 iaitu meminda Seksyen 214A Kanun untuk menjelaskan kedudukan berkenaan dengan pemindaan bahagian atau bahagian tanah estet kepada seseorang atau

beberapa orang untuk melantik pengarah negeri sebagai Setiausaha Lembaga untuk tanah estet.

Saya ingin untuk membangkit berkenaan isu ini. Dalam soal pencantuman di estet, perpecahan di estet dan penjualan estet dalam negara kita ini.

Saya berharap dengan ada pindaan ini ianya harus mengambil kira kepentingan pekerja-pekerja dalam estet-estet yang berkenaan. Jika sekiranya pemecahan hendak dilakukan oleh pihak tuan punya tanah, kelulusan yang harus diberi oleh kerajaan negeri ianya harus mengambil kira kepentingan pekerja-pekerja dalam estet itu sendiri yang telah berkhidmat begitu lama. Mereka tidak harus diusir begitu sahaja hasil daripada jualan estet ini. Mereka harus diberi juga tempat-tempat tinggal, tanah sebidang untuk mereka mendirikan rumah menetap di kawasan di mana mereka telah berkhidmat bukan setahun tetapi berpuluh-puluhan tahun. Ada di kalangan mereka telah berkhidmat waktu penjajah hingga zaman darurat, berkorban demi untuk kepentingan negara ini. Ianya harus diambil kira dalam soal pemecahan atau penjualan ataupun pembahagian estet kepada orang perseorangan atau pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 42 bertujuan untuk meminda seksyen 433A Kanun untuk mentakrifkan semula "foreign company", supaya satu syarikat dianggap foreign bagi maksud berharga 33A Kanun jika 50% syer mengundinya atau lebih dipegang oleh bukan warganegara atau syarikat asing sebagai ganti 30% yang ada sekarang ini. Jadi, mana pindaan dilakukan daripada 30% kepada 50%. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian apakah motif sebenarnya. Adakah ini mengurangkan kuasa pengundian rakyat jelata, mengurangkan kuasa yang ada pada kita.

Jadi, seperti mana kata Dato' Abdul Aziz , Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri bahawa jika ini berlaku, lama kelamaan rakyat jelata akan menguasai sebahagian besar dari tanah negara. Implikasinya dalam jangka panjang kita tidak harus melihat dari segi jangka pendek, tetapi kita baru melihat implikasi jangka panjang. Kita ingin melihat keseluruhan tanah hak milik negara kita dipunyai oleh rakyat jelata, rakyat negara kita. Tetapi kalau sekiranya pindaan dilakukan, saya amat berasa kurang senang sedikit jika ianya berlaku dalam implikasi jangka panjang hak milik ini lama-kelemahan akan bertukar. Sekarang pun dalam isu perumahan kerajaan telah membenarkan rumah-rumah dibeli oleh rakyat asing yang lebih daripada RM250,000 ke atas. Saya memang bersetuju rancangan kerajaan untuk

menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara dalam masa kita menghadapi kelembapan ekonomi. Dengan pembelian rumah-rumah yang tidak mampu dibeli oleh rakyat tempatan, kita jual kepada rakyat asing.

Tetapi dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, apakah ini merupakan jangka panjang kepada kita untuk membenarkan mereka membeli rumah. Sebab saya melihat kadangkala rumah yang dinamakan middle cost, rumah pertengahan, kadangkala mereka ini memiliki rumah dari segi pelaburan mereka menyewa rumah tersebut. Kedua, setelah beberapa lama besar kemungkinan mereka akan menjual rumah itu dengan harga yang lebih tinggi. Semalam oleh kerana saya tidak ada mesyuarat, semua pergi rumah orang kahwin, banyak orang kahwin, Tuan Yang di-Pertua, Saya pergi saya tengok dalam sesetengah kawasan ia cakap 'house for sale' dengan izin. Ada handphone, telefon di meja, saya telefon berapa harga rumah ini. Saya tahu kawasan sebenar harga ini, intermediate, lebih RM140,000 asal. Kalau corner lot the most I think kalau kawasan 3,000 persegi lebih atau 4,000 the most RM210,000, RM250,000, house cost lebih daripada setengah juta.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kawasan dekat mana itu mungkin ada yang lain berminat.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Saya bagi tahu Subang Jaya, kawasan di bahagian Petaling Jaya dan sebagainya almost lebih daripada setengah juta - RM600,000 corner lot. Dahulu hanya harga RM210,000. Ini kerana kenaikan harga. Soalnya kalau sekiranya kita izinkan secara meluas walaupun kita tahu kerajaan berhasrat untuk menaikkan ekonomi negara, mempercepatkan perkembangan ekonomi negara, kita memang selalu menyokong usaha ini, dan kesatuan sekerja juga sentiasa menyokong usaha kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara dengan secepat mungkin yang boleh supaya bilamana keadaan ini pulih, rakyat dapat menikmati keperluan ekonomi, tetapi demikian dari segi jangka panjang kita harus berwaspada, berhati-hati dalam keadaan ini. Kerana saya tengok harga rumah yang telah dibeli kadangkala mereka beli tiga, empat rumah, bukan satu rumah, tiga, empat rumah dengan tujuan commercialize, dengan izin, dengan tujuan untuk bermiaga dan menjualkannya dengan harga yang berlipat kali ganda.

Jadi, ini satu kawalan harus dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan walaupun tidak termasuk dalam akta, tetapi ada hubung kait di antara Kanun Tanah Negara dan sebagainya bagi memastikan hak milik, harta

kepunyaan, hak rakyat dalam negara kita sentiasa terjamin dalam usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kawan-kawan sekalian, saya melihat beberapa pindaan dalam akta ini ada tujuan-tujuan yang baik untuk menyelaraskan dan memperbaiki dan memperkemaskinikan pentadbiran jentera kerajaan. Tetapi dalam masa yang sama ianya tidak akan dapat berjaya jika tidak ada kerjasama daripada pelaksana, daripada mereka yang melaksanakan dasar. Jadi, saya selalu bangkitkan soal pelaksanaan. Kita telah dapat buat beberapa banyak pindaan dari segi pandangan ahli politik ini perlu dilakukan, ini perlu dibuat, pindaan perlu dilakukan dan sebagainya. Tetapi dari segi perlaksanaan menjadi tanda tanya kepada kita semua. Apakah perlaksanaan ini dapat dilaksanakan.

Saya kira sangat kadangkala kementerian harus mengadakan post-mortem. Saya tak tahu sama ada telah dilakukan atau mengkaji semula dari segi keberkesanan perlaksanaan segala pindaan ini sama ada ianya dilaksanakan dengan baik, dilaksanakan dengan betul dan dapat memberikan perkhidmatan kepada rakyat dalam negara kita, kerana rakyatlah yang menentukan kerajaan. Kita harus memastikan rakyat diberikan segala apa juga kesenangan dalam segi mereka sebagai seorang rakyat untuk menikmati kesenangan yang berada dalam negara kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa pandangan saya. Saya beranggapan pandangan-pandangan ini merupakan pandangan yang konstruktif dan ikhlas demi memastikan bahawa pindaan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan diambil kira segala pandangan yang saya telah jelaskan yang beranggapan bahawa ianya boleh diperbaiki dari masa ke semasa untuk kepentingan negara dan rakyat negara ini. Dengan ini saya menyokong akta pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

**12.29 tgh.**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000. Tanah merupakan satu anugerah Allah yang amat mahal harganya merupakan sumber hidup manusia di muka bumi. Maruah bangsa tidak ada nilai apabila tidak ada tanah sebagaimana yang berlaku di negara Palestin sekarang ini. Kita mahu setiap akta digubalkan mempunyai kesan yang baik untuk memberi jaminan kepada masa depan generasi

akan datang. Kita tidak mahu sebagaimana disebut dalam pepatah Melayu kita 'menang sorak kampung tergadai'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Seksyen 92E dicadangkan bagaimana untuk memberi kuasa kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan persetujuan Majlis Tanah Negara untuk membuat pengubahsuaian kepada Kanun Tanah Negara bagi memudahkan pelaksanaan pajakan dan pengguna tanah rizab di bawah tanah.

Jadi, dengan pindaan ini kita amat bimbang sekiranya ia digunakan dan eksloitasi oleh satu pihak yang tertentu yang mempunyai kepentingan. Sebab negara kita sebagaimana yang kita tahu mempunyai hasil yang cukup kaya dengan hasil bumi sebagaimana penemuan yang kita dapat seperti minyak, gas, emas, uranium dan bijih timah dan sebagainya. Jadi, kita tidak mahu khazanah kurniaan Allah yang begini bernilai digunakan untuk manfaat seluruh rakyat ini hanya diberi milik kepada syarikat-syarikat yang tertentu dan memberi kekayaan kepada golongan yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, tanggungjawab kerajaan sesebuah negara bukan sahaja mengurus dan mentadbir tetapi menjaga harta rakyat dan khazanah negara yang menjadi pusaka nenek moyang kita yang amat bernilai ini.

Dalam pelaksanaan lelongan awam dalam pindaan ini hendaklah kita mengambil kira kepentingan rakyat bukan sahaja kepentingan agensi kewangan sahaja. Kita bimbang dengan mempermudahkan cara lelongan awam melalui prosedur yang ada sekarang ini akan mengakibatkan satu masa nanti sebahagian besar bumi kita negara kita ini akan terlelong akibat daripada kegagalan tebus balik gadaian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau menyentuh hak pemilikan asing sebagaimana yang banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi bagaimana kita lihat takrif syarikat asing yang telah dipinda, menambah daripada pemilikan 30% kepada 50%. Jadi, kita hendak tahu di sini apa rasional pindaan ini dibuat. Kita bimbang jika dasar seperti ini diteruskan akhirnya rakyat akan menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu daripada pihak kementerian, setakat ini sebanyak manakah tanah rizab Melayu yang telah diambil alih oleh pihak kerajaan dan sebanyak mana lagikah baki tanah rizab Melayu yang masih ada sekarang ini.

Dalam pindaan ini juga disebutkan bagaimana perkataan “territorial waters” yang terdapat dalam seksyen 4(1) Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa Perlu No. 7/1969 iaitu 3 batu nautikal ketika air surut. Jadi, saya hendak tahu di sini apa tujuan pindaan ini dibuat.

Berdasarkan peruntukan dalam seksyen ini, apakah status kedudukan pengeluaran minyak di laut Terengganu dan pengeluaran gas di laut Kelantan. Kita tidak mahu hasil daripada pindaan akta ini akan menafikan hak sebenar golongan rakyat yang terbanyak dan memberi kekayaan kepada golongan yang tertentu sahaja. Jadi, kita tidak mahu hanya semata-mata kerana hendak menaikkan ekonomi negara, negara kita akan terus tergadai dan tanah kita semakin terus di eksplotasikan oleh golongan tertentu.

Jadi, sekian. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

### 12.33 tgh.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian di atas cadangan untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000 dan saya nampak ada banyak kebaikan yang telah dicadangkan. Saya hanya ingin menyentuh tentang beberapa yang saya anggap penting kerana rakan-rakan saya juga telah menyentuh tentang aspek-aspek yang lain.

Yang pertama, saya sangat mengalu-alukan pindaan yang mana membolehkan hak milik tetap itu (final title) dikeluarkan daripada amalan yang setakat ini digunakan iaitu mengeluarkan hak milik sementara dan selepas itu ditukar kepada hak milik tetap. Bagi saya dengan cadangan ini, maka satu langkah yang pada setakat ini telah menghalang banyak urusan itu telah dikeluarkan daripada akta ini.

Saya harap dengan cadangan yang baru ini, maka proses untuk keluarkan hak milik tetap itu akan dipercepatkan supaya sesiapa yang memerlukan hak milik yang tetap ini boleh mendapatkannya dengan cepat dan tidaklah perlu tunggu selepas itu tukar lagi kepada satu hak milik tetap daripada amalan sekarang yang mana ia dikeluarkan satu hak milik sementara.

Saya sedikit bimbang tentang cadangan kepada pindaan Seksyen 301 iaitu berkenaan dengan sijil jualan yang diberikan kepada pembeli dalam jualan melalui lelongan awam. Dalam cadangan ini kalau sijil itu didapati maka ia tidak perlu

mendapat persetujuan pihak berkuasa negeri iaitu dalam keadaan sedemikian di mana sijil itu dikeluarkan akibat daripada proses lelongan awam itu, maka persetujuan pihak berkuasa negeri tidak diperlukan. Oleh kerana hal-hal tanah diletak di bawah kerajaan negeri, dan kalau ini tidak diperlukan, mungkin ada beberapa masalah yang mungkin timbul.

Satu di antaranya mungkin kerajaan negeri telah meletakkan syarat-syarat tertentu kepada pegangan itu dan apabila pegangan itu dijual melalui lelongan awam dan syarat-syarat yang telah dikenakan oleh pihak berkuasa negeri itu tidak dimaklumkan kepada pihak berkuasa negeri sama ada hendak tukar syarat-syarat itu, sama ada hendak kenakan syarat-syarat baru dan sebagainya. Mungkin ini satu hak kerajaan negeri yang begitu senang sahaja dikeluarkan daripada akta di atas pindaan ini.

Jadi, saya meminta mungkin kerajaan negeri ada kepentingan, mungkin kerajaan negeri itu hendak kenakan premium baru dan sebagainya dan kalau tidak mendapat persetujuan daripada pihak berkuasa negeri, maka satu peluang telah terkeluar daripada proses dan sama ada ini patut berlaku atau tidak. Saya minta sedikit perhatian diberi kepada perkara ini dan satu penjelasan yang munasabah sekiranya ada sebab-sebab tertentu yang saya tidak dapat tafsirkan daripada bacaan pindaan ini. Kalau ada penjelasan-penjelasan yang munasabah, biarlah ia diberitahu supaya kita semua memahami rasional dalam cadangan ini.

Saya sangat mengalu-alukan beberapa pindaan yang akan memberi perlindungan kepada penggadai (charger) iaitu seorang yang telah menggadai harta kepada bank atau satu institusi dan saya tumpukan kepada borang 16H. Di dalam borang ini ada ditambahkan beberapa syarat oleh pendaftar mahkamah. Satu daripada nya memastikan satu wang pertaruhan sebanyak 10% daripada harga rizab, satu lagi kena menjelaskan bayaran itu dalam tempoh 120 hari dan kalau tidak berbuat demikian, maka deposit 10% akan dilucuthakkan.

Yang paling penting bagi saya ialah seperti yang diperuntukkan di bawah 3C(2) di mana deposit ini akan dimasukkan ke dalam akaun penggadai sebagai mengurangkan faedah kepada bank sekiranya pembeli itu tidak dapat menyelesaikan bayaran itu dalam tempoh yang ditetapkan. Ini sekurang-kurangnya akan mengurangkan bebanan kepada penggadai dan saya sangat mengalu-alukan ini.

Satu lagi tambahan kepada 267A Subseksyen B di mana juga telah pastikan bahawa deposit yang dilucuthakkan itu diberi kepada penggadai. Semua ini pada pendapat saya ialah untuk membantu penggadai bagi menyelesaikan masalah-masalah kerana harta itu telah digadai kepada bank. Tetapi satu lagi pindaan iaitu kepada Seksyen 253 yang saya lihat ada sedikit percanggahan kepada kebaikan-kebaikan yang disebutkan itu tadi iaitu cadangan dalam Seksyen 253 ialah berkenaan dengan definisi pem'bidder' iaitu seseorang yang boleh mengambil bahagian dalam lelongan itu.

Dalam senarai pem'bidder' itu, disebutkan bahawa penggadai itu tidak boleh mengambil bahagian, jadi saya ingin tahu apakah rasional ini, kalau penggadai itu tidak diberi hak juga mengambil bahagian dalam lelongan tersebut. Sebagai contoh, katanya, harta itu dilelong sebanyak RM1 juta, tetapi oleh kerana keadaan telah bertukar dan harta itu telah jatuh, katakan kepada setengah juta, tetapi sekarang pem'bidder' tidak diberi peluang untuk juga masuk lelong harta tersebut. Adakah ini akan memberi peluang kepada sindiket-sindiket tertentu seperti yang disebutkan oleh YB Tuan Haji Hassan tadi untuk menyekat satu lelongan yang lebih adil.

Kalau pem'bidder' itu tidak termasuk penggadai, saya nampak ini satu halangan yang tidak berpatutan dan saya minta satu kajian dibuat sama ada sesuai atau tidak untuk melarang penggadai itu sebagai pem'bidder' dalam lelongan harta tersebut.

Itulah komen-komen saya tentang cadangan dan saya menyokong pindaan-pindaan tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dengan ini saya menjemput wakil daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Yang Berhormat Dr. Robia, Setiausaha Parlimen untuk menjawab dan menggulung. Di jemput Yang Berhormat.

**12.43 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**  
**[Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000. Terima kasih kepada yang mengambil bahagian tadi iaitu Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin

Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Sukri, Yang Berhormat Tuan Haji Malek bin Abdul Ghani, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusuff dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Banyak yang telah disentuh tentang pindaan-pindaan ini. Jadi, saya mulakan dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mengenai penggunaan statistik dan sistem digital. Jadi, penggunaan statistik adalah perkara kaitan dengan remote sensing dan di bawah kawalan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang dipanggil MACRAS. Jabatan Ukur dan Pe metaan menggunakan kapal terbang, memang menggunakan kapal terbang tetapi untuk tujuan pemetaan.

Seksyen 428, Kanun Tanah Negara, memberi kuasa pada fasal masalah pencerobohan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz adalah pencerobohan tanah. Ada juga Yang Berhormat lain menyentuh tentang pencerobohan juga, jadi seksyen 425 ini, Kanun Tanah Negara, memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana orang yang menceroboh tanah kerajaan. Pegawai-pegawai tanah dikuasakan oleh pihak berkuasa negeri untuk menjalankan tindakan ke atas pencerobohan tanah.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menyentuh dan bertanya mengenai kos bagi pembelian alat pengukuran oleh Jabatan Ukur dan Pe metaan kementerian kami. Jabatan Ukur memang diperuntukkan tiap-tiap tahun untuk membuat survey melalui udara untuk tujuan *digital mapping*. Kos bagi pembelian alat dan mesin-mesin bagi Jabatan Ukur dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebanyak RM101.9 juta bagi peralatan dan mesin, RM64.1 juta bagi projek Information Technology. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan pula, sebanyak RM215 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Perlaksanaan projek SPTB oleh pejabat-pejabat tanah di Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, untuk makluman Yang Berhormat, SPTB telah dilaksanakan di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan pada tahun 1995, dan diteruskan di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada tahun 1996. Pada tahun 1998, SPTB telah pun diperluaskan di Kedah, Pahang dan Terengganu iaitu negeri-negeri dalam fasa pertama. Dalam fasa kedua pula, yang merangkumi 7 negeri lain, Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor mulai 1 April 2000 ini.

Kos perlaksanaan SPTB dianggarkan bernilai RM180 juta. Perlaksanaan SPTB telah mempercepatkan urusan pendaftaran hak milik tanah dari 7 hingga 12 bulan sebelum ini kepada 3 hingga 7 hari sahaja.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga menyentuh tukar syarat pembangunan tanah dipercepatkan - untuk mempercepatkan hak milik tetap. Ramai Yang Berhormat telah membangkitkan tentang ini, jadi, kita memang pada dasarnya pindaan ini adalah sebenarnya untuk mempermudahkan supaya orang boleh mendapat hak milik tetap dengan secepat mungkin.

Kalau dahulu untuk mendapat hak milik tetap, kita kena melalui hak milik sementara dahulu, Q.T. dahulu baru kita dapat Final Title (FT). Jadi, memang kita hendak cepatkan, justeru itulah pindaan dibuat. Pekeliling-pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian, mengenai perkara tersebut di atas telah pun dikeluarkan untuk menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak pejabat tanah.

Fail meja, manual prosedur kerja, carta-carta prosiding memang diadakan di pejabat-pejabat tanah untuk panduan pelanggan. Jadi, kalau tadi Yang Berhormat telah menyentuh tentang orang-orang kampung, tidak tahu adanya carta-carta bagaimana untuk memohon hak milik tetap terus ini, jadi, dicadangkanlah supaya orang-orang kampung yang hendak tahu tentang ini, silalah selalu ke pejabat tanah daerah masing-masing untuk mendapatkan penjelasan.

Untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik tetap ini, dengan adanya pengkomputeran dari semua peringkat, daripada pengukuran tanah, kerja-kerja luar, lukis pelan tanah, dengan pengkomputeran ini dapat memudahkan daripada setahun hingga 3 hingga 7 hari sahaja. Insya-Allah.

Masalah kampung baru ini yang ditimbulkan – sebenarnya kampung baru ini bukanlah di bawah tanah rizab Melayu, sebenarnya kampung baru adalah di bawah Malay Agriculture Reserved Settlement (MAS) dipanggil. Dan, kerajaan memang sedar mengenai pembangunan semula tanah-tanah dalam kampung baru ini dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai perancangan untuk membangunkan kampung baru. Jadi, itu keluar daripada tajuk sebenarnya, pindaan kita tidak mengenai tanah rizab Melayu atau tanah MAS inilah.

Mengenai tanah ladang. Jadi, tanah ladang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak pun menyentuh tentang tanah ladang ini. Tanah ladang ini memang –

pindaan ini adalah untuk mempermudahkan supaya kalau satu ladang dijual kepada satu syarikat sahaja, itu tidak ada banyak masalah. Tetapi apabila satu ladang itu dipecah dan dijual kepada banyak orang, itu yang menimbulkan masalah, bukan hanya kepada pemiliknya tetapi pekerja-pekerja ladang. Jadi, justeru itu, Lembaga Tanah Ladang itu diwujudkan.

Jadi, apa-apa permasalahan boleh diajukan kepada Lembaga Tanah Ladang ini untuk dipertimbangkan, untuk *compensation*, dengan izin, untuk diberikan kepada pekerja-pekerja ladanglah. Jadi, kalau peruntukan sekarang adalah Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi penyelaras dalam Lembaga Tanah Ladang ini, jadi tidak ada setiausaha Lembaga ini, jadi diwujudkan dalam pindaan ini PTG negeri dilantik sebagai Setiausaha Lembaga Tanah Ladang ini.

Untuk mempermudahkan lagi soal penjualan ladang ini dan apa -apa masalah kalau pekerja hendak tuntut dalam masalah perumahan, ganti rugi, macam-macam lagi, jadi, untuk mengelakkan masalah-masalah sosial ini, perlantikan Lembaga Tanah Ladang inilah akan membicarakan bagaimana *compensation* untuk pekerja-pekerja ladang ini diselesaikan. Jadi, saya harap penjelasan itu, dapat menjawab tentang Lembaga Tanah Ladang ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek telah membangkitkan cukai oleh banyak pemilik untuk syer masing-masing. Jadi, cukai tanah hendaklah dibayar sekali gus dan bukan oleh tiap-tiap pemilik dalam satu lot itulah. Jadi, tuan punya tanah boleh pecah bahagian bagi mendapatkan hak milik berasingan. Sebenarnya hak milik persendirian, buat masa sekarang kalau adakan - satu lot itu memang mempunyai banyak penama, jadi, kalau masalah kaveat persendirian, jadi, Yang Berhormat timbulkan tadi, permasalahan - kalau dia dikenakan kaveatlah. Jadi, semua penama dalam satu lot itu akan terjejaslah.

Tetapi dengan kaveat persendirian, kalau dalam pindaan ini kita mencadangkan kalau kaveat persendirian itu, kaveat yang berkenaan sahaja yang dikenakan tindakan, bukan semua nama dalam lot itulah. Jadi, kalau dalam lot itu ada pecah-pecah, ada 10 nama, satu yang dikenakan tindakan kaveat persendirian, jadi, tindakan akan diambil untuk yang berkenaan sahaja, yang lain tidak kena. Begitu juga kalau pada petak-petak di bangunan bertingkat, itu pindaan yang kita buatlah – kaveat persendirian.

Tentang menara telekomunikasi, penggunaan tanah pertanian untuk membina menara telekomunikasi adalah dilarang mengikut seksyen 115, Kanun

Tanah Negara. Jadi, walau bagaimanapun, tindakan kelonggaran boleh diambil melalui inilah. Jadi, cadangan Yang Berhormat supaya melonggarkan syarat larangan tersebut, akan dikaji oleh kementerian ini. Terima kasih.

Masalah jawatan yang tidak bertambah sekian lama. Jadi, kementerian tanah sedang membuat kajian mengenai keadaan perjawatan di pejabat tanah, dari segi bilangan dan juga kemahiran. Jadi, jika perlu cadangan akan dibuat pada JPA, supaya jawatan-jawatan baru diwujudkan. Di samping itu, kita ada Institut Latihan Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) yang mana akan beroperasi awal tahun depan yang akan menyediakan latihan kepada semua kakitangan pejabat tanah dan kakitangan Jabatan Ukur. Jadi, untuk itu kalau kita beri latihan kepada mereka ini, jadi penyelesaian dalam masalah tanah akan ditangani lebih mudah lagi lah.

Ada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai hak milik orang asing ini - pemilikan oleh orang asing. Kita bukanlah bertujuan untuk menjual tanah-tanah kita kepada hak orang asing. Memang kita dari dulu sampai sekarang dan bila-bila pun tidak akan menjual tanah kita kepada orang-orang asing, menggadaikan seperti Yang Berhormat telah menyatakan tadi. Dan, kerajaan mempunyai dasar-dasar yang tertentu mengenai pemilikan tanah oleh orang asing. Jadi, perkara tanah ini adalah di bawah bidang kuasa negara. Jadi, kalau orang asing hendak membeli tanah itu pun, dia kena persetujuan daripada pihak berkuasa negeri.

Kementerian hanya membuat dasar dan kita akan menyelenggarakanlah. Jadi, pihak kerajaan negeri yang akan memberi kuasa untuk pembelian inilah. Tentang mengapa 30%, kalau dahulu syarikat asing – sebenarnya takrif sahaja, dahulu takrif syarikat asing ialah 30%, tetapi sekarang dalam pindaan ini, takrifnya kita naikkan kepada 50%. Tujuannya bukanlah untuk hendak menganiayakan syarikat-syarikat kita.

Sebenarnya, buat masa sekarang ini apabila satu syarikat itu dimiliki oleh 30% orang asing, jadi, itu dinamakan syarikat asing, walaupun 70% pemiliknya adalah orang tempatan. Jadi, dalam hal ini banyak yang hendak memohon tender, bidding untuk apa-apa kemudahan yang sedia ada oleh kerajaan, dia ada sekatan untuk syarikat-syarikat asing, jadi yang 70% milikan tempatan itu, susah mendapat tender-tender inilah. Justeru itu kita naikkan daripada 30% itu kita naikkan 50% kalau ada pemilikan asing itu, dinamakan syarikat asing.

Jadi, memudahkan orang-orang tempatan yang 49% itu boleh bid untuk tender-tender. Ini semua untuk kemudahan orang kitalah, orang tempatan. Jadi,

kita memang tidak bertujuan untuk memberi – kita memang saja hendak meningkatkan peluang-peluang syarikat-syarikat tempatan untuk mendapatkan pekerjaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Robia, oleh kerana masa sudah cukup, boleh kita sambung selepas rehat nanti.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan ini kepada jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempoahkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Dr. Robia akan menyambung jawapannya.

**2.30 ptg.**

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyambung semula jawapan yang telah diutarakan kepada kementerian. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, berkenaan dengan tanah rizab bawah tanah. Sebenarnya, tanah rizab bawah tanah ini bukanlah untuk merampas hak-hak tuan tanah tetapi dipinda untuk memberi kuasa menteri untuk mengubahsuai dan mempermudahkan perlaksanaan kepada Kanun Tanah Negara.

Soalnya waktu sekarang tanah yang di atas tanah adalah dengan mengikuti pengukuran kaki persegi tetapi untuk peruntukan tanah bawah tanah, dengan izin, underground reserve land, tidak ada peruntukan langsung. Jadi, Kanun Tanah Negara ini dipinda supaya memberi kuasa kepada menteri untuk mengenakan pajakan untuk masa akan datang nanti tanah bawah tanah ini akan dipergunakan lebih hebat lagi, mungkin untuk pajakan, untuk sewaan. Pada waktu sekarang tidak ada dan tidak ada *measurement*, dengan izin, ukurannya.

Jadi kita akan menetapkan dengan kuasa menteri menetapkan supaya tanah di bawah tanah itu diukur dengan *cubic metres*, itu sahaja pindaan kita, bukan kita hendak merampas kuasa hak-hak tuan tanah itu, atas itu memang tuan yang punya tanah itulah, itu sahaja yang kita pindakan.

Sebenarnya, kuasa menteri ini adalah – di bawah tanah ini dengan peretujuan daripada Majlis Tanah Negara. Majlis Tanah Negara ini dianggotai oleh semua Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri. Menteri-menteri berkenaan dan Peguam Negara, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Jadi, kita bukan sewenang-wenangnya untuk meminda sesuatu akta dan Majlis Tanah Negara (MTN) ini wujud mengikut Fasal 91 Perlembagaan mengatasi kuasa menteri.

Tentang territorial waters yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah tadi, adalah sebenarnya takrif sahaja. Takrif territorial waters memang telah wujud sejak tahun 1969 lagi melalui Ordinan Darurat, kuasa-kuasa yang perlu. Jadi, dalam hal ini takrif territorial waters ini memang telah ada dalam Undang-undang Darurat dan pindaan KTN ini hanya dari segi istilah sahaja untuk mempermudahkan takrif sedia ada, yang longgar. Jadi, untuk itu, diperkemaskan lagi kemasukan dalam KTN ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyentuh tentang Seksyen 301 ini. Jadi, buat masa sekarang, orang yang hendak melelongkan tanahnya kerana hutang, jadi ia kena melalui pihak berkuasa negeri baru mohon dilelongkan.

Jadi, sekarang dengan pindaan ini, kita tidak perlu lagi melalui pihak berkuasa negeri, jadi penangkap lelong katakan penangkap lelong itu sudah bayar segala pembayaran, jadi akan dikeluarkan satu sijil jualan. Jadi, sijil jualan ini terus boleh memohon mendapatkan pindah hak milik yang daripada yang kena lelong tadi untuk pemegang yang baru inilah.

Jadi, itu mempermudahkan lagi tidak dua, tiga kali lagi. Untuk yang disentuh tentang mengenakan 10% deposit untuk lelongan awam ini, ini adalah bertujuan untuk sesiapa yang hendak menangkap lelong itu mesti serius dalam menangkap lelongan ini, jadi dikenakan 10% deposit dan pembayarannya kalau dahulu, kita beri tiga bulan sahaja, 90 hari tetapi sekarang kita panjangkan hingga 120 hari untuk penangkap lelong itu menyediakan wang.

Jadi, saya rasa itu sahaja yang dapat saya jawab dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan jika ada sebarang soalan yang tidak dapat saya jawab, insya-Allah saya akan jawab melalui jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal-fasal 1 hingga 48** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2000

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 2.42 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

**[Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakmilik Strata 1985 iaitu Akta 318 telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1985. Akta tersebut telah pun dipinda sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1990 melalui Akta Pindaan A753 yang berkuat kuasa pada 23 Februari 1990 dan pada tahun 1995 melalui Akta Pindaan A951 yang berkuat kuasa pada 2 Ogos 1996.

Pindaan dibuat untuk memastikan bahawa undang-undang Hakmilik Strata sentiasa dapat memenuhi keperluan pembangunan dan sosioekonomi semasa. Di samping melindungi kepentingan orang ramai khasnya pembeli atau pemilik petak.

Kepesatan perkembangan ekonomi negara akhir-akhir ini memperlihatkan semakin banyak bangunan berbilang tingkat didirikan sejak tahun 1990, jumlah bangunan berbilang tingkat dibina dan dijual telah meningkat dengan ketara di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2000 sebanyak 6,135 permohonan hak milik strata telah diterima. Setakat ini sebanyak 169,651 hak milik strata telah didaftarkan.

Berikut itu, sebanyak 2,641 perbadanan pengurusan iaitu badan yang dianggotai oleh semua pemilik petak dalam sesebuah skim strata telah ditubuhkan bagi menyelenggarakan bangunan-bangunan berbilang tingkat tersebut.

Dengan hubungan itu, keperluan kecekapan pemprosesan dan pendaftaran hak milik strata menjadi semakin mendesak. Isu permohonan strata tidaklah terhenti setakat pendaftaran dan pengeluaran hak milik strata sahaja. Aspek pengurusan bangunan adalah juga penting untuk diambil perhatian. Ini adalah kerana pemilik-pemilik hak milik strata bukan sahaja bertanggungjawab ke atas petak-petak mereka sendiri, bahkan mereka juga bersama-sama bertanggungjawab ke atas semua harta bersama atau common property, dengan izin, di dalam bangunan berbilang tingkat itu seperti lif, tangga, bumbung, kawasan lapang dan kemudahan-kemudahan lain di atas tanah yang dimiliki bersama itu.

Perbadanan-perbadanan pengurusan sedang menghadapi masalah yang serius dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan pertambahan bangunan berbilang tingkat itu, masalah-masalah yang berbangkit berkaitan dengannya juga turut meningkat sejak tahun 1997 Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah menerima 185 aduan mengenai pengurusan bangunan berbilang tingkat di seluruh negara.

Lebih daripada 80% aduan datangnya dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor. Jika tidak dibendung, adalah dbimbangi akan timbul masalah-masalah lain yang lebih serius yang boleh menjelaskan ketenteraman dan keselesaan hidup penghuni bangunan berbilang tingkat secara keseluruhannya.

Di antara masalah-masalah pengurusan bangunan berbilang tingkat yang dibangkitkan itu, adalah seperti berikut:-

- (i) Buku akuan dan minit-minit mesyuarat agung tidak diselenggarakan dengan sempurna.
- (ii) Akuan perbadanan pengurusan tidak diaudit.
- (iii) Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Agung tidak diadakan.
- (iv) Pemilik-pemilik petak cuai atau enggan membayar wang caruman kepada perbadanan pengurusan.
- (v) Pertikaian di antara pemilik-pemilik petak dan juga dengan perbadanan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini boleh digolongkan kepada empat kategori seperti berikut:

- (i) penyelesaian pertikaian dalam pengurusan bangunan berbilang tingkat;
- (ii) penguatkuasaan ke atas kewajipan pemohon hak milik strata;
- (iii) penyesuaian dengan perubahan pembangunan sosioekonomi semasa; dan
- (iv) mempermudahkan urusan pendaftaran hak milik strata.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan di atas, banyak masalah berbangkit berkaitan dengan pengurusan bangunan berbilang tingkat. Ada di antara masalah-masalah tersebut boleh menjelaskan keharmonian dan kesejahteraan penghuni bangunan berbilang tingkat dan juga pemilik-pemilik petak.

Pada masa sekarang, perbadanan-perbadanan pengurusan cuba menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi atas daya usaha mereka sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat masalah-masalah yang rumit, yang sukar diselesaikan kerana tiada persefahaman di kalangan pemilik-pemilik petak. Sesetengah masalah itu memerlukan campur tangan Pengarah Tanah dan Galian ataupun tindakan mahkamah.

Walau bagaimanapun, penyelesaian secara tindakan mahkamah akan melibatkan kos yang tinggi dan mengambil masa yang panjang. Di samping itu, kebanyakan peranan pejabat PTG hanyalah berbentuk nasihat kepada perbadanan-perbadanan pengurusan berhubung dengan masalah-masalah yang diadukan itu sahaja. Berdasarkan hakikat itu satu mekanisme lain perlulah diwujudkan di mana pihak kerajaan akan terlibat dengan lebih aktif dalam penyelesaian pertikaian tersebut.

Adalah dicadangkan supaya satu institusi baru iaitu Lembaga Hak Milik Strata diwujudkan untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang berbangkit daripada pengurusan bangunan berbilang tingkat tersebut. Penubuhan institusi ini adalah sama seperti yang terdapat di dalam Undang-undang Hakmilik Strata di Australia dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah institusi yang khusus seperti Lembaga Hak Milik Strata itu bukan sahaja dapat mempercepatkan penyelesaian ke atas pertikaian yang timbul tetapi juga untuk meringankan beban mahkamah bagi mendengar pertikaian-pertikaian berkaitan dengan pengurusan bangunan berbilang

tingkat. Dengan adanya Lembaga ini perbadanan-perbadanan pengurusan atau pemilik-pemilik petak tidak perlu lagi membawa pertikaian-pertikaian ke mahkamah yang akan melibatkan kos yang tinggi. Memandangkan perbadanan-perbadanan pengurusan kurang berkemampuan dalam menangani masalah-masalah pengurusan bangunan berdasarkan kaedah-kaedah yang sedia ada, adalah diharapkan kewujudan Lembaga Hak Milik Strata ini akan dapat menyelesaikan pertikaian-pertikaian tersebut.

Badan ini akan mempunyai fungsi dan peranan yang khusus iaitu untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang serius. Untuk ini, Fasal 19 rang undang-undang pindaan mencadangkan satu bahagian baru iaitu Bahagian IXA berhubung dengan perwujudan Lembaga Hak Milik Strata.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan kepada peranan dan tugas Pengarah Tanah dan Galian yang sedia ada dalam hal mengawal selia bangunan berbilang tingkat, beberapa peruntukan di dalam Akta Hakmilik Strata dicadangkan dipinda dan peruntukan-peruntukan baru diwujudkan sebagaimana berikut:

- (i) Seksyen 41A yang baru diwujudkan untuk membolehkan Pengarah Tanah dan Galian menetapkan jumlah wang caruman yang harus dibayar oleh setiap pemilik petak dalam tempoh dari penubuhan perbadanan pengurusan sehingga Mesyuarat Agung yang pertama diadakan. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pemilik-pemilik petak yang merupakan golongan minoriti dalam tempoh tersebut;
- (ii) Seksyen 50 dipinda bagi memperluaskan kuasa Pengarah Tanah dan Galian untuk membolehkan melantik ejen bagi menguruskan bangunan berbilang tingkat berdasarkan aduan daripada pemilik-pemilik petak atau mana-mana orang yang berkepentingan;
- (iii) Seksyen 55A yang baru diwujudkan bagi membolehkan pemilik petak yang gagal membayar wang caruman seperti yang dikehendaki oleh akta dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM50 untuk setiap hari sehingga dipatuhi; dan
- (iv) Pengarah Tanah dan Galian juga diberi kuasa untuk menimbang permohonan daripada pemilik-pemilik petak

dalam Skim Strata Kos Rendah untuk menubuhkan Perbadanan Pengurusan.

Cadangan pindaan ini dibuat untuk membolehkan pemilik asal atau pemaju membuat permohonan yang sama memandangkan terdapat keskes di mana pembeli-pembeli petak kos rendah enggan menerima pindah milik daripada pemaju. Jika pindaan ini tidak dibuat, matlamat untuk mencapai tahap 100% hak milik strata dipindah milik oleh pemaju kepada pembeli-pembeli petak tidak akan tercapai. Jika para pemilik enggan menerima hak milik strata dan seterusnya tidak boleh menubuhkan perbadanan pengurusan sendiri, pemaju dengan ini akan dibebankan dengan tanggungjawab untuk menguruskan bangunan berbilang tingkat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemaju bangunan berbilang tingkat yang ingin menjual petak-petak dalam bangunan itu adalah diwajibkan memohon hak milik strata. Ia bertujuan menjamin kepentingan pembeli-pembeli petak itu sendiri. Seksyen 8 Akta Hak Milik Strata menetapkan bahawa pemaju yang gagal memohon hak milik strata jika disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak lebih daripada RM5,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 untuk setiap hari perlanggaran peruntukan itu sehingga ianya dipatuhi.

Walau bagaimanapun, penalti tersebut seolah-olah tidak cukup berat untuk mendesak pemaju supaya memohon hak milik strata. Oleh itu adalah dicadangkan agar kadar penalti di bawah Seksyen 8, Akta Hak Milik Strata itu dikaji semula dan dinaikkan. Bagi maksud tersebut, Fasal 3 rang undang-undang mencadangkan kenaikan denda ke atas pemaju yang disabitkan kesalahan akibat kegagalan memohon hak milik strata. Kadar minimum yang dicadangkan ialah RM10,000 tetapi tidak melebihi RM100,000. Kadar denda tambahan juga dicadangkan dinaikkan kepada kadar minimum RM100 tetapi tidak melebihi RM1,000 untuk setiap hari sehingga kehendak akta itu dipatuhi. Adalah diharapkan kenaikan denda ini akan dapat memastikan pemaju mematuhi kewajipan untuk memohon hak milik strata demi menjamin kepentingan pembeli-pembeli petak dalam bangunan berbilang tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti akta-akta yang lain, Akta Hak Milik Strata juga perlulah dikaji semula dari masa ke semasa bersesuaian dengan kehendak pembangunan ekonomi. Oleh yang demikian pindaan dicadangkan untuk membenarkan permohonan pemecahan dan penyatuan petak walaupun ianya melibatkan perwujudan harta bersama yang baru. Proses ini tidak dibenarkan oleh

peruntukan Akta Hakmilik Strata yang sedia ada. Untuk itu seksyen-seksyen 25, 27, 28 Akta Hakmilik Strata 1985 dicadangkan dipinda dan seksyen baru 33A diwujudkan supaya pemilik-pemilik petak boleh memohon untuk memecah dan menyatukan petak-petak mereka setelah persetujuan daripada perbadanan pengurusan diperolehi terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang terdapat prosedur-prosedur tertentu yang membebankan pendaftar-pendaftar hak milik dalam urusan pendaftaran hak milik strata, oleh itu dicadangkan pindaan dibuat bagi menyelaraskan prosedur pendaftaran supaya beban kerja Pejabat Pendaftaran Hak Milik dapat digunakan dan pengeluaran hak milik strata dapat dipercepatkan.

Untuk maksud ini, seksyen 15 Akta Hakmilik Strata dicadangkan dipinda bagi membolehkan pendaftar memindah kaveat persendirian yang dimasukkan ke atas hak milik Ibu iaitu Hak Milik Tapak Bangunan yang berkaitan dengan sesuatu petak tertentu ke dalam hak milik strata petak berkenaan. Pemindahan kaveat sebegini hanya boleh dilakukan sekiranya pendaftar berpuas hati bahawa kaveat tersebut melibatkan petak berkenaan sahaja.

Jika pendaftar tidak dapat mengenal pasti hak milik-hak milik yang terlibat dengan kaveat tersebut, maka memadailah jika sesuatu kenyataan bahawa petak itu adalah tertakluk kepada kaveat-kaveat yang terdapat dalam dokumen hak milik Ibu atau tanah tapak bangunan itu diendoskan dalam Borang 3 iaitu Penyata Strata. Prosedur ini terpakai bagi pendaftaran hak milik strata yang melibatkan kaveat persendirian yang dapat meringankan beban kerja pendaftar hak milik dan pentadbir tanah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang timbul sebelum ini dan selepas pengeluaran hak milik strata kepada pemilik-pemilik petak dalam bangunan berbilang tingkat khususnya yang berkaitan dengan pengurusan bangunan merupakan isu yang semakin serius, terutamanya bagi Skim Strata Kos Rendah. Kalau tidak ditangani segera ianya akan menjelaskan keharmonian pemilik-pemilik dan penghuni-penghuni Skim Strata, walaupun Akta Hak Milik Strata 1985 memberikan tumpuan kepada pengambilan konsep berdikari melalui Perbadanan Pengurusan yang dianggotai oleh pemilik-pemilik petak, nampaknya mereka masih kurang mampu melaksanakannya dengan baik.

Justeru itu, wajarlah pihak kerajaan sendiri mengambil peranan bagi membendung permasalahan tersebut sebelum ianya menular kepada masalah lain yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothnathan]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

#### **2.58 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kementerian di atas usaha untuk membuat pindaan-pindaan kepada Akta 318.

Saya telah banyak kali sejak tahun yang lepas memberitahu tentang masalah-masalah yang dihadapi berkenaan dengan Perbadanan Pengurusan dan ada beberapa kali kami di Pulau Pinang telah mengaturkan perjumpaan dengan kementerian tersebut supaya kementerian itu lebih tahu tentang keadaan di akar umbi dan akibat daripada beberapa perbincangan yang dihadiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, maka beberapa cadangan telah dikemukakan dan akibat daripadanya nampak ada perkembangan yang baik.

Saya sangat bersetuju dengan beberapa cadangan yang dibuat kepada akta ini dan nampaknya banyak daripada cadangan ini ialah mengambil kira pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh mereka yang hadir. Apabila kami di Pulau Pinang mengaturkan perjumpaan dengan kementerian, maka kami telah minta semua wakil daripada beberapa rumah pangsa, kondominium dan sebagainya supaya hadir dan jawatankuasa-jawatankuasa yang hadir itu telah sempat memberi pandangan mereka.

Saya ingin menyentuh tentang pindaan kepada subseksyen 8(5) iaitu cadangan untuk meningkatkan denda sekiranya usaha untuk memecah bahagi tanah itu tidak dibuat dalam masa yang telah ditetapkan. Tadi kami telah mendengar bahawa tujuan ini ialah supaya denda itu ditingkatkan tetapi apabila saya buat satu pengiraan, saya dapat denda itu telah dikurangkan, bukan ditingkatkan tetapi telah dikurangkan. Biar saya huraikan apa yang dimaksudkan.

Mengikut cara yang sedia ada, mereka didenda RM5,000 dan tiap-tiap hari kesalahan itu terus berlaku didenda RM1,000. Kalau kita ambil masa 30 hari sebagai contoh, pesalah itu kena bayar RM5,000 dan bagi tiap-tiap hari sebanyak RM1,000 menjadikannya RM30,000. Jumlah yang mesti dibayar sebanyak RM35,000.

Mengikut cara yang baru, kalau dikenakan denda kerana denda itu daripada RM10,000 hingga RM100,000. Kalau dikenakan denda minimum, biasanya dikenakan denda minimum 30 hari, asal RM10,000 dan 30 hari itu tiap-tiap hari ia berlaku, boleh dikenakan RM100 minimum.

So, kalau 30 hari, RM100 setiap hari, jumlahnya RM3,000. Tambah RM10,000 yang asal, jadi RM13,000. RM13,000 ini kurang daripada denda yang ada sekarang iaitu RM35,000 –satu kekurangan sebanyak RM22,000.

So, kalau kita kata ini patut dinaikkan tetapi apabila kita kira ini nampaknya telah diturunkan. So, saya minta penjelasan kenapa ini boleh berlaku. Tadi saya telah buat satu pengiraan yang cepat dan saya dapat ini telah kurang daripada apa yang patut dikenakan.

Saya juga dapat bahawa satu lagi cadangan untuk pindaan iaitu Fasal 17 dan Fasal 20. Fasal 17 ialah tentang satu seksyen baru, pindaan kepada Seksyen 53A dan Fasal 20 ialah untuk memperkenalkan satu seksyen baru 80A. Saya dapat ada sedikit masalah dari segi cadangan-cadangan kedua-dua ini, nampaknya ada sedikit percanggahan.

Di bawah pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 53A, ada disebutkan bahawa mereka yang patut dikenakan denda oleh kerana tidak membayar, maka penyewa atau penyewa kecil itu boleh bayar bagi pihak pemunya rumah pangsa atau kondominium yang berkenaan iaitu penyewa atau penyewa kecil ini boleh bayar bagi pihak, kalau tuan punya itu tidak bayar *service charge* dan sebagainya tetapi ini hanya boleh dilakukan kalau sudah didapati *warrant* telah dikeluarkan iaitu bermakna kes ini telah menang di mahkamah, baru tindakan semacam ini boleh diambil iaitu supaya mengelak daripada penahanan atau penjualan harta alih (movable properties).

Tetapi ini hanya oleh dilakukan selepas *warrant* itu dikeluarkan. Kenapa ini tidak boleh dibuat sebelum proses itu ke mahkamah? Kalau saya seorang penyewa dan saya tahu tuan punya kondominium itu tidak membayar *service charge* dan saya kata saya rela bayar sebahagian daripada sewa saya untuk mengelakkan masalah

kepada saya. Kenapa Menteri tidak menerima bayaran semacam ini? Kenapa tidak ada peruntukan untuk seseorang itu membuat bayaran dan selepas itu, baki selepas bayaran itu, penyewa ini bayar kepada tuan punya rumah pangsa.

Kalau kita memperuntukkan satu proses sedemikian, nampaknya lebih baik. Sungguhpun seseorang itu rela bayar daripada sewanya tetapi tidak ada peruntukan sehingga *warrant* itu dikeluarkan dan apabila *warrant* itu dikeluarkan sudah ada banyak masalah dan banyak usaha telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk membawa kes ini ke mahkamah dan selepas itu untuk mendapat satu keputusan dan ini sudah berpanjangan.

Pada masa ini, mungkin pengurusan perbadanan itu telah menghadapi banyak masalah. Bagi saya, adalah lebih baik sebelum masalah ini diperbesarkan, satu peruntukan diberi kepada penyewa ini, bayar bagi pihak dan tolak daripada sewa itu, baki itu diberi kepada tuan punya kondominium.

Di bawah seksyen baru 80A itu, saya juga dapati peruntukan ini kurang sesuai oleh kerana ada apa yang dimaksudkan ialah sebelum sesuatu kes itu dibawa untuk pendakwaan, ia kena dapat keizinan bertulis daripada pendakwa raya iaitu tidak ada pendakwaan mengenai sesuatu kesalahan tanpa keizinan bertulis pendakwa raya. Bagi saya, kalau ada peruntukan semacam ini, ini telah melemahkan semangat untuk penguatkuasaan.

Berapa ribu kes kena dirujuk kepada pendakwa raya untuk mendapat kelulusan atau keizinan. Kalau tidak mendapat keizinan ini, nampaknya tidak boleh jalan. Kes itu tidak boleh dibawa untuk pendakwaan dan kalau pendakwa raya terlalu sibuk dengan urusan-urusan lain dan melambat-lambatkan keizinan ini, apa akan berlaku, masalah akan meningkat.

Jadi, saya dapati peruntukan di bawah seksyen baru 80A ini, seolah-olah bercanggah dengan hasrat kita untuk membawa kes ini ke mahkamah untuk mendapat *warrant* dan sebagainya tetapi sebelum kita dapat jalan, kita kena dapat keizinan bertulis daripada pendakwa raya. Kenapa melibatkan pihak pendakwa raya ini? Ini satu kes semata-mata untuk kebaikan penghuni yang lain. Kalau tiap-tiap kes ini dirujuk, mungkin unsur-unsur lain telah termasuk campur dalam pendakwaan. Mungkin masalah penderitaan, masalah kemiskinan dan sebagainya telah bercampur aduk dalam kes-kes yang bagi saya, hanya satu kes yang mana pihak itu telah menikmati kemudahan tetapi enggan menjalankan tanggungjawab dan enggan membayar apa yang harus dibayar.

Jadi, kenapa mahu bawa ke pendakwa raya untuk mendapat keizinan ini? Bagi saya, seksyen baru 80A ini sangat tidak tepat dan tidaklah patut dimasukkan ke dalam cadangan pindaan-pindaan tersebut.

Satu lagi berkenaan dengan kegagalan perbadanan pengurusan untuk menjalankan fungsi dengan memuaskan hati. Ini satu seksyen baru untuk mengganti seksyen 50. Bagi saya, satu takrifan berkenaan dengan tidak berfungsi dengan memuaskan hati pengarah, ini adalah satu perkara yang kalau kita hendak menilai sama ada sesuatu perbadanan itu berfungsi dengan baik atau tidak, kita kena ada garis panduan-garis panduan yang jelas.

Tiap-tiap daripada perbadanan pengurusan itu telah dipilih oleh penghuni-penghuni di sesuatu rumah pangsa itu secara terbuka dan secara demokrasi dan kalau badan ini akan digantikan dengan perlantikan sesuatu ejen pengurus untuk menggantikan fungsi perbadanan pengurusan atas sebab ia tidak berfungsi dengan memuaskan hati.

Saya kira kalau kita ada peruntukan semacam ini sebelum ia diguna pakai, kita mesti pastikan bahawa apa yang dianggap sebagai tidak berfungsi dengan memuaskan adalah jelas kepada semua pihak supaya kita tidak ada sebarang salah guna kuasa di sini, saya tidak mahu keadaan di mana sesuatu perbadanan pengurusan itu dipecat oleh pengarah seorang ejen pengurus dilantik untuk menggantikannya atas sebab-sebab yang begitu lemah sahaja iaitu tidak memuaskan hati.

Apa yang dikira sebagai memuaskan hati kena jelas, kena diberitahu supaya pihak-pihak ini, kalau tidak membetulkan keadaan, maka barulah sebagai satu tindakan yang terakhir diganti dengan ejen pengurus. Saya harap ada peruntukan di mana pihak ini diberi peringatan, amaran dan sebagainya kerana ini adalah satu perbadanan pengurusan yang dilantik atau dipilih oleh penghuni-penghuni.

Saya harap sebelum ini dikuatkuasakan, satu peruntukan yang jelas yang bermaksud bagaimana tidak berfungsi dengan memuaskan itu diberitahu kepada semua pihak. Saya tidak mahu pertikaian-pertikaian itu berlaku semata-mata untuk campur tangan dalam hal-hal, mungkin ada penghuni-penghuni yang ada masalah dan selepas itu mungkin dirujuk kepada pihak pengarah, pengarah telah menyebelahkan pihak-pihak tertentu dan kemudian mengatakan perbadanan pengurusan ini tidak berfungsi dengan memuaskan dan selepas itu pecat mereka

dan melantik ejen pengurus. Saya harap ada prosedur-prosedur yang telus, yang jelas dikeluarkan sebelum peruntukan ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat pada keseluruhannya seperti saya sebutkan, ini adalah satu cadangan yang baik tetapi komen-komen saya tadi telah menunjukkan ada beberapa lagi faktor yang kita boleh ambil kira untuk memperbaiki lagi pindaan-pindaan kepada Akta 318. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada kementerian atas usaha mereka dan saya menyokong pindaan-pindaan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sinniah.

### **3.15 ptg.**

**Tuan R. Sinniah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2000. Tuan Yang di-Pertua, hak milik strata yang dikeluarkan untuk rumah-rumah pangsa yang berkos rendah mengambil masa yang lama. Ia menyusahkan penubuhan korporat pengurusan (management corporation) yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan dan membaik pulih bangunan. Maka satu jawatankuasa penduduk dan pengurusan ditubuhkan untuk mengawasi penyelarasan bangunan oleh pemaju pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua penduduk diwajibkan untuk menjadi ahli jawatankuasa ini dan membayar yuran untuk kemudahan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilakukan tetapi tidak ada badan yang mengawasi sama ada kesemua penduduk membayar yuran atau tidak. Oleh yang demikian jawatankuasa ini mengalami kesukaran dalam menjalankan kerja-kerja mereka dalam pemungutan sampah, membersihkan longkang dan kawasan-kawasan persekitaran serta menyelenggarakan lif dan paip air. Sebagai contoh penduduk rumah rakyat di Sri Alam, Masai. Hanya 40% sahaja daripada ahli jawatankuasa penduduk pengurusan yang membayar yuran. Penduduk-penduduk lain tidak mengambil serius tentang perkara ini. Maka ia menyukarkan tugas harian jawatankuasa ini.

Satu pindaan telah dilakukan dalam Akta Hakmilik Strata 1985 (55A) di mana penduduk yang gagal membayar yuran penyelenggaraan kepada korporat pengurusan (management corporation) akan dikenakan saman RM5,000 dan RM50/- tambahan sehari untuk tempoh selama tempoh mereka tidak membayar tersebut, selepas mereka telah disabitkan bersalah. Walau bagaimanapun tiada langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan yang sama di rumah-

rumah pangsa yang tidak ada hak strata title. Maka kerajaan tempatan disarankan agar melantik seorang pegawai kerajaan dalam jawatankuasa penduduk dan pengurusan untuk memastikan caruman bulanan sentiasa dibayar oleh semua penduduk dan tindakan diambil terhadap penduduk yang enggan membayar caruman.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang agak merunsingkan adalah kemudahan rumah-rumah pangsa yang belum diberi hak milik strata, di mana bangunan-bangunan lama yang telah berusia lebih lima tahun tidak bercat dan kecacatan bangunan tidak dibaik pulih. Perubahan-perubahan ini tidak dapat dilakukan oleh jawatankuasa penduduk yang kurang wang. Maka pihak berkuasa tempatan harus mengambil langkah yang sewajarnya untuk membaik pulih serta mengecat semula bangunan-bangunan ini. Kerana ini adalah tugas kerajaan tempatan untuk memastikan keindahan sesuatu kawasan. Kerajaan tempatan juga perlu mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah lain yang dihadapi oleh penduduk rumah pangsa yang belum diberi hak milik strata dan yang tidak dapat diuruskan oleh jawatankuasa penduduk seperti masalah tangki air, masalah lif dan masalah kecemasan. Pihak kerajaan tempatan harus melantik pegawai mereka dalam jawatankuasa ini penduduk di bangunan yang dimiliki diberi hak milik strata.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga sebahagian pihak yang mendakwa bahawa caruman bulanan tidak patut dipungut untuk bangunan yang belum diberi certificate of fitness dan tindakan undang-undang tidak patut diambil terhadap mereka. Menurut laporan persatuan pembeli rumah salah sebuah bangunan di Pulau Pinang yang belum diberi sijil kelulusan, certificate of fitness. Walaupun kelulusan untuk tinggal di bangunan tersebut telah diberi sepuluh tahun yang lalu. Oleh yang demikian ada pihak yang membantu membayar caruman penyelenggaraan untuk bangunan tersebut, kerana bangunan itu belum diluluskan sebagai selamat untuk didiami. Kerajaan dan Kementerian Perumahan harus meneliti keadaan dan harus sentiasa memastikan bahawa semua bangunan telah diberi CF sebelum didiami.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan meletakkan kenderaan berat tidak disediakan secukupnya untuk lori, van dan bas kilang. Ia mengakibatkan kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan dan mengakibatkan runtuh tanah dan pemecahan lorong dan di kawasan berhampiran dengan bangunan tersebut. Kerajaan tempatan dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya harus mengambil

langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini, sama ada melalui menyediakan tempat letak kenderaan alternatif untuk kenderaan berat atau melarang kemasukan kenderaan berat ke dalam kawasan bangunan tersebut. Tindakan juga perlu diambil untuk menjaga keselamatan penduduk dan harta benda di kawasan perumahan yang belum diberi hak milik strata. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2000. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Safinah.

### 3.21 ptg.

**Puan Hajah Safinah binti Jusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut membahas di atas Akta Hakmilik Strata yang mana Akta Hakmilik Strata seperti juga Kanun Tanah Negara merupakan undang-undang tanah yang dibuat oleh Parlimen hanya bagi tujuan penyeragaman dasar. Undang-undang ini sendiri dilihat sebagai sebahagian daripada Kanun Tanah Negara. Pindaan kali ini adalah merujuk kepada kuasa pentadbiran bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sekarang ini dijalankan oleh jawatankuasa kerja tanah. Kuasa ini diberi pula kepada pentadbir kerja tanah. Tidak pula dinyatakan di dalam rang undang-undang ini berhubung dengan pentadbiran tanah di Putrajaya. Adakah ini kerana kerajaan masih tidak dapat menyediakan jentera pentadbir tanah untuk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini banyak menyentuh perbadanan pengurusan yang menguruskan satu bangunan dan kuasa pengarah tanah dan galian. Misalnya pengarah tanah dan galian diletakkan kuasa melantik ejen mengurus bangunan. Oleh itu satu mekanisme perlu digariskan supaya ejen yang dilantik merupakan ejen yang berwibawa dan kos yang dikenakan munasabah dan para penghuni berpuas hati. Sekiranya ketidakpuasan hati berlaku di atas perkhidmatan yang diberikan mungkin bayaran tidak dibuat dan akhirnya menimbulkan masalah juga bagi pengurusan bangunan tersebut untuk mengutip bayaran terutamanya yang melibatkan perumahan kos rendah. Sudahlah kualiti pembangunan pembinaan yang kadang-kadang tidak memuaskan, kos pembaiakkannya yang di luar kawasan rumah mungkin akan dibebankan kepada pemilik rumah oleh perbadanan pengurusan ini.

Kita juga mendengar rungutan tentang kelewatan pengeluaran hak milik strata atas kelalaian pihak pemaju. Terdapat juga yang sengaja membiarkan

perkara ini supaya mereka terus mengutip charge perkhidmatan atas pengurusan bangunan yang mereka duduki itu. Setengah-tengahnya telah bertahun-tahun lebih. Pihak kementerian perlulah memikirkan kaedah yang lebih komprehensif bagaimana untuk melindungi hak para pembeli ini. Juga kegagalan membayar caruman oleh para pembeli atau pemilik kepada perbadanan pengurusan pula dijadikan satu kesalahan yang boleh didenda tidak lebih daripada RM5,000 dan denda tambahan sekiranya terus tidak dibayar. Ini akan membebankan pihak pembeli terutama sekali kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Juga di sini dinyatakan segala pendakwaan perlu mendapat persetujuan Peguam Negara selaku Pendakwa Raya. Adakah ini meliputi tindakan-tindakan kecil atau besar. Juga lembaga ini diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah supaya kadar faedah tertentu boleh diubah iaitu faedah ini tentunya membebankan pihak pembeli yakni pemilik petak. Dicadangkan supaya kadar faedah ini dihapuskan terus.

Akhirnya dalam rang undang-undang dinyatakan ia tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan tetapi melihat kepada peruntukan berhubung dengan Lembaga Hak Milik Strata ini seperti peruntukan berhubung elaun-elaun Seksyen '97F' ia tentunya melibatkan perbelanjaan kerajaan. Jadi, diharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian ini. Sekian, saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdillah.

### **3.25 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang yang dinamakan Hakmilik Strata (Pindaan) 2000. Perbahasan saya pada hari ini ringkas, ianya hanya menumpukan kepada pengeluaran hak milik strata.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya pindaan ke atas akta ini kemudahan yang disediakan tentu sekali akan memberi keselesaan dan untuk menjaga kepentingan pemilik hak milik strata dan juga penyewa-penyewa bangunan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga percaya dengan adanya Lembaga Hak Milik Strata yang ditubuhkan ini ianya akan menjadi satu tempat untuk pemilik hak strata mengadu masalah-masalah mereka. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini masih banyak

lagi bangunan-bangunan yang mempunyai hak milik strata yang belum mempunyai hak strata secara individu dikeluarkan. Ianya bukan sahaja melibatkan tempat kediaman tetapi juga melibatkan bangunan-bangunan industri. Ada perkara-perkara yang saya tahu di mana hak milik strata itu belum lagi dikeluarkan lebih daripada 5-6 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya keadaan seperti ini bangunan tersebut masih lagi diuruskan penjagaannya oleh pemilik asal melalui anak syarikat mereka ataupun dengan pelantikan sebuah syarikat pengurusan. Tiap-tiap kali syarikat pengurusan ini mengadakan mesyuarat annual general meeting dengan izin mereka selalu menambah fee bagi sinking fund dengan izin iaitu dengan tujuan untuk membaiki kawasan-kawasan tertentu dalam bangunan-bangunan mereka. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua seperti apa yang saya lihat wang yang dikutip ini tiap-tiap tahun semakin bertambah tanpa diguna untuk membuat pembersihan kepada bangunan seperti mengecat ataupun membersihkan kawasan-kawasan yang sudah usang. Jadi, dengan adanya Lembaga Hak Milik Strata ini saya berharap tumpuan kita tidak hanya untuk menghukum pemilik-pemilik hak strata sekiranya mereka gagal membayar caruman dan sebagainya tetapi ianya juga harus memberi satu kawalan ke atas syarikat-syarikat pengurusan dan juga pemilik asal hak milik bangunan tersebut.

Satu perkara yang ingin saya kemukakan di sini ialah dengan adanya Lembaga Hak Milik Strata ini saya berharap lembaga ini akan dapat mempercepatkan permohonan pemilik asal hak milik bangunan ini untuk mendapat hak milik strata supaya dapat diberi kepada pemilik-pemilik hak strata yang telah membeli tiap-tiap unit dalam bangunan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum pemilik-pemilik hak milik strata ini juga dikehendaki membayar insurans. Saya tidak tahu sama ada insurans ini dicajkan dengan satu kadar sahaja. Sekiranya ia dicajkan dengan satu kadar ini adalah tidak adil kerana ada penghuni-penghuni yang ada menggunakan penthouse misalnya di mana kawasan unit tempat kediaman penthouse adalah lebih besar daripada unit rumah bilik yang ada tiga ataupun yang dua sahaja. Oleh yang demikian saya berharap Lembaga Hak Milik Strata ini akan dapat mengawal supaya kadar insurans itu adalah berpatutan dan selaras dengan keluasan bagi tiap-tiap satu unit dan termasuklah juga dengan kawasan common area, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa perkara lagi untuk dikemukakan di sini kerana ianya sudah disebutkan tadi oleh rakan-rakan yang lain. Walau bagaimanapun, saya ingin mengulangi sekali lagi supaya Lembaga Hak Milik Strata akan dapat membantu pemilik asal hak milik bangunan yang telah dipecah-pecahan itu untuk mendapat hak milik strata dengan kadar yang cepat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

### 3.31 ptg.

**Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2000 iaitu berkenaan dengan pengurusan. Untuk satu-satu hak milik, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali hak milik strata yang sebenarnya ianya terletak di lapisan angkasa, ia tidak seperti tanah. Jadi ianya ada hubung-rangkaian dengan unit-unit atau petak-petak di seluruh struktur bangunan itu sendiri.

Jadi, kalau sekiranya satu-satu penghuni atau pemilik hak milik strata itu tidak menjalankan tanggungjawabnya menerusi agensi pengurusan yang ditubuhkan, bererti mereka telah gagal untuk hendak menegakkan hak milik stratanya sendiri. Contohnya seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi, Senator Abdillah, insurans. Kalau sekiranya 40% mereka yang sepatutnya membayar yuran tidak membayar dan saya menganggapkan yuran ini termasuk selain daripada caj-caj tertentu termasuk juga pembayaran premium kepada insurans.

Bererti kalau sekiranya rumahnya terbakar, petaknya terbakar dan seterusnya ia akan melibatkan rumah-rumah, petak-petak yang berdekatan. Bererti mereka yang membayar premium tetapi mempunyai sahabat-sahabat yang berdekatan tidak membayar, hangus sahajalah petak-petaknya dan liabilitinya menjadi personal, bukan lagi dari segi atas syarikat insurans.

Jadi, saya ingin tahu dari segi pihak yang menentukan hak milik strata ini, adakah penguatkuasaan secara audit dibuat dan mengambil tindakan seterusnya kerana kalau sekiranya 40% tidak membayar yuran, tahun demi tahun tidak membayar dan mereka tidak dikeluarkan, tidak dicaveatkan kepada hak miliknya, saya bimbang perkara ini akan merosakkan seluruh kaum, penghuni dan pemilik hak milik strata itu sendiri.

Jadi, saya berpendapat, untuk menentukan status hak milik strata ini dapat dikekalkan secara berterusan, ianya berpaksi kepada pengauditan kepada badan

pengurusan yang menjaga bangunan itu sendiri supaya pemilik-pemilik yang berkumpul di bawah naungan badan pengurusan itu menunaikan setiap tanggungjawab terutama sekali insurans dan lain-lain yang berkaitan. Maknanya yuran yang terpaksa dikutip setiap bulan dan setiap tahun itu, *service fee* dia, perkhidmatan dia, mestilah terus dibayar kerana bagaimana banyak sekali penalti dikenakan kepada mereka yang degil hendak membayar, memang tidak berbayar.

Jadi sampai bilakah, katakanlah Profesor Chin tadi menyebutkan sampai sebulan, dia boleh bayar RM35,000 tetapi sampai bilakah tahap kalau kos sesebuah petak itu katakanlah RM40,000 dan mereka kena bayar penalties lebih daripada RM40,000, tentu mereka *just biarkan* dan cabut lari, jadi ianya berterusan.

Jadi saya hendak tahu adakah kaedah-kaedah lain selain daripada apa yang kita sebutkan tadi yang cepat untuk mengambil tindakan supaya tunggakan-tunggakan pembayaran kepada badan pengurusan tidak melebihi nilai unit itu sendiri kerana nilai unit rumah pangsa kos rendah RM40,000, dia hutang kepada pihak pengurusan lebih daripada itu atau hutang kalau kita bandingkan dengan tindakan susulan daripada undang-undang lebih daripada itu penaltinya, saya rasa dia tidak akan membayar penalti kerana ia melebihi nilai unit yang mereka miliki. Jadi apa hendak jadi kepada mereka dan Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan kekurangan tanah ini, kita semuanya membangunkan bangunan-bangunan yang tinggi-tinggi sampai 30 ke -40 tingkat, jadi memang pada masa yang akan datang, hak milik strata ini amat penting dan pengawasannya lebih lagi bertambah penting.

Jadi saya minta sungguhpun Kementerian Tanah setelah memberi hak milik strata tanggungjawabnya lebih kepada Kerajaan Tempatan bagi mengawasi sekitar kawasan tetapi ianya ada hubung kait. Kalau sekiranya pengawasan tidak dibuat, hak milik strata kepada individu yang mempunyai petak-petak itu akan terjejas. Jadi ini ada satu '*netcess*', satu hubungan kait simbiotik antara Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah yang memberi kuasa untuk memberi hak milik strata dengan untuk hendak menegakkan strata itu, *title* itu pengurusan badan yang diambil alih oleh Kementerian Kerajaan Tempatan saya anggaplah kerana ini di bawah jagaan mereka, PBT Kerajaan Tempatan kementerian yang lain.

Jadi mesti ada satu fasa-fasa tertentu di dalam pengendalian hak milik strata ini yang boleh mengaitkan badan berkuasa seperti Kerajaan Tempatan atau kalau di Wilayah Persekutuan, DBKL kalau sekiranya di Wilayah Persekutuan Putrajaya atau

Labuan untuk mereka menjalankan tugas-tugas dengan sepenuhnya dengan pengauditan secara berskala dibuat dari semasa ke semasa semata-mata hendak mewujudkan, mohon izin, *the good of the title*, kebaikan hak milik itu kerana hak milik itu akan hancur kalau sekiranya ianya tidak diawasi dan diurus oleh badan pengurusan.

Jadi penting sangat badan pengurusan ini dan Profesor Chin cakap, kalau sekiranya penaltinya sekarang ini lebih rendah daripada dahulu, ini lagi menakjubkan saya kerana mungkin Kementerian Tanah dan Kementerian Kerajaan Tempatan tahu berapa banyak, kita dengar 40%, berapa banyakkah pengundi-pengundi yang diberi hak milik strata ini yang tidak menjelaskan yuran-yuran kepada badan pengurusan termasuk premium insurans, kalau yuran itu termasuk yuran premium maknanya mereka tidak membayar insurans dan saya tidak dapat membayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau dua tiga unit petak-petak yang terbakar dan hangus kerana ianya mengaitkan strata-strata *title* yang lain, hak-hak milik yang lain. Kalau tanah dia tidak pilih, rumah atas tanah, tanah masih ada tetapi kalau strata *title*, Tuan Yang di-Pertua, kalau hangus dua, tiga, empat tingkat, maknanya entah ke mana pergi spacenya.

Jadi saya merasakan perlu ada perwujudan kerjasama dibentang ke dalam akta ini antara pemberian hak milik strata kepada penghuni-penghuni dengan badan pengurusan yang mungkin di bawah kementerian yang lain. Jadi ini kena buatkan satu pendekatan hubungkait. Saya hanya hendak menyentuh perkara itu, Tuan Yang di-Pertua dan menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan See Too Mee.

### 3.40 ptg.

**Puan See Too Mee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sudah dengar beberapa orang Yang Berhormat yang memberi pandangan, mungkin saya akan khaskan pandangan saya atas perumahan kos rendah dan kos sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, teras dasar perumahan adalah untuk menyediakan access kepada perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa oleh semua rakyat Malaysia terutama yang berpendapatan rendah. Kerajaan telah menyediakan sokongan dan peraturan yang perlu bagi menjamin pembangunan industri perumahan yang cekap. Pembinaan rumah awam kos rendah dipertingkatkan di bawah tiga tabung perumahan iaitu Tabung Amanah untuk

golongan miskin, Tabung Pembinaan Rumah Kos Rendah dan Tabung Pinjaman Rumah Kos Rendah.

Sektor swasta juga memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan rakyat terhadap rumah kediaman. Penubuhan syarikat Perumahan Negara Berhad dengan modal pusingan RM1 bilion jelas meningkatkan jumlah pembinaan rumah kos sederhana dan rendah. Kerajaan juga terus menggalakkan sektor bank dan institusi kewangan untuk menyediakan peluang yang lebih terutama sekali kepada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan projek perumahan untuk memenuhi keperluan rakyat jelata sentiasa menjadi agenda utama kerajaan. Walau bagaimanapun berikutan dengan kekurangan sumber tanah yang menjadi keperluan asas dalam mengatasi masalah perumahan rakyat ini terutamanya di kawasan-kawasan penumpuan penduduk atau kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di kota-kota besar. Penggunaan tanah untuk pelbagai projek pembangunan harus dirancang dengan teliti dan terperinci selain daripada sumber-sumber tanah yang diperuntukkan bagi pembangunan prasarana dan kemudahan awam yang lengkap.

Sumber tanah untuk pembangunan projek-projek perumahan terpaksa digunakan secara maksimum iaitu bererti dalam satu bidang tanah yang dibangunkan perlu menampung penduduk yang lebih ramai. Maka projek perumahan yang dibangunkan sewajarnya menuju ke arah yang sedemikian. Rumah yang dibina tidak lagi tergolong kepada jenis rumah kediaman biasa tetapi merupakan rumah-rumah bertingkat seperti rumah-rumah pangsa atau pangsapuri-pangsapuri.

Kewujudan rumah-rumah pangsa di kawasan kepadatan penduduk seperti di kota-kota besar telah menjadi satu wajah baru dalam negara ini. Rakyat di kota telah menerima hakikat untuk mendiami di rumah-rumah sedemikian rupa dan telah dijadikan satu bentuk kehidupan bagi warga-warga kota dalam negara kita ini. Malangnya selama ini terdapat pelbagai sungutan dan aduan daripada mereka sama ada penghuni atau pemilik rumah-rumah pangsa atau pangsapuri-pangsapuri di mana kebanyakannya daripada mereka telah menghadapi pelbagai masalah yang rumit hasil daripada kekurangan atau kelemahan perundangan dalam bidang berkenaan.

Tidak ada sebarang usaha atau pihak berkenaan yang memberi perhatian selama ini untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit hasil daripada perkara ini

khasnya penduduk-penduduk yang menetap di kawasan-kawasan rumah pangsa yang merupakan golongan yang berpendapatan rendah terpaksa hidup dalam keadaan yang teruk dan serba kekurangan.

Masalah-masalah yang timbul adalah seperti berikut:

Pertama, kesukaran memperolehi hak milik strata. Masalah memperolehi hak milik strata yang memakan tempoh masa yang panjang. Pelbagai masalah timbul sama ada daripada pihak pemaju, pemilik, penguasa tempatan dan pejabat tanah, institusi-institusi kewangan atau bank dan sebagainya.

Yang keduanya ialah keadaan kebersihan dan kesihatan. Pengurusan kawasan-kawasan atau tempat-tempat awam yang tidak sempurna atau tidak wujud langsung. Ini bermakna selain daripada tempat kediaman atau unit-unit rumah individu yang diselenggara oleh penghuni atau pemilik masing-masing.

Kawasan atau tempat awam seperti ruang lapang, taman rekreasi, tandas awam, parit, koridor awam, tangga dan lif, lampu tempat awam, kebersihan dan sebagainya hanya dibiarkan begitu sahaja. Pengumpulan sampah sarap yang tidak dibersihkan dalam tempoh masa yang lama, pembuangan sampah merata dan tidak dibersihkan, kekotoran di kawasan tempat dan kemudahan awam seperti tangga, lif dan tembok dinding bangunan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab

Yang ketiganya ialah masalah pembayaran cukai tanah. Bidang tanah bangunan rumah pangsa tersebut didirikan biasanya mempunyai bilangan unit rumah yang banyak di mana pihak kerajaan atau pihak pejabat tanah sendiri hanya memungut cukai tanah bagi sebidang tanah berkenaan dan tidak mengenakkannya terhadap pemilik individu atau setiap unit rumah dalam bangunan yang dibina atas bidang tanah berkenaan.

Malangnya, biasanya masalah timbul kerana di antaranya terdapat keadaan di mana ketidakkerjasamaan di antara penduduk dan keengganannya sebahagian untuk menjelaskan bahagian cukai tanah yang perlu dijelaskan oleh seseorang pemilik individu atau wujudnya keadaan di mana tidak mempunyai sesiapa yang mengambil berat atau mengambil usaha untuk menguruskan perkara ini.

Keempatya ialah kerosakan kemudahan awam. Masalah tersebut yang begitu ketara hampir di semua tempat atau kawasan rumah-rumah pangsa dalam negara ini. Sepanjang masa ini, tidak mempunyai sebarang langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah berkenaan. Kerosakan kemudahan awam terutamanya

lampa koridor, tangga dan kerosakan lif bagi sesuatu kawasan rumah pangsa adalah ternyata di mana-mana kawasan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada pelbagai masalah yang wujud di mana bukanlah masalah atau perkara baru bagi kita semua. Adalah perlunya untuk kerajaan kita mengambil langkah yang tegas dan berkesan demi mengatasi ataupun mengurangkan tekanan masalah tersebut terhadap penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Tidak dapat dinafikan kawasan-kawasan rumah pangsa juga dikategorikan sebagai kawasan yang dipenuhi dengan pelbagai masalah yang biasanya dieksploitaskan oleh pihak pembangkang untuk kepentingan politik mereka sehingga dijadikan kawasan penyokong kuat bagi pihak pembangkang.

Justeru itu, cadangan untuk meminda Akta Hakmilik Strata merupakan satu agenda yang perlu dan berkesan untuk menghadapi cabaran masa kini. Lebih-lebih lagi, pembangunan rumah-rumah jenis bertingkat atau rumah pangsa yang tumbuh seperti cendawan di kawasan-kawasan kota besar. Kepentingan penduduk di kawasan tersebut perlu diambil kira demi memastikan keadaan hidup yang lebih berkualiti di samping meningkatkan taraf hidup rakyat jelata. Pembentukan perbadanan pengurusan dengan diberi kuasa untuk menguruskan segala hal dalam sesuatu kawasan rumah pangsa supaya segala masalah khasnya mengenai pengurusan kawasan dan kemudahan awam dengan sempurna akan terjamin.

Pihak penghuni atau pemilik individu hanya dikenakan satu jumlah caruman yang ditetapkan sebagai kos pengendalian dan pengurusan perbadanan berkenaan. Pihak penduduk tidak akan dibebaskan dengan pelbagai masalah atau tekanan keadaan hidup yang teruk pada masa-masa yang akan datang. Tentang hukuman ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin daripada kira-kira denda yang disebutkan di subseksyen 8(5) itu telah dikurangkan sebenarnya. Mungkin pihak kementerian akan kaji semula pada masa hadapan tentang denda yang berkenaan. Maka dengan ini, saya menyatakan sokongan saya terhadap rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan menjawab.

**3.52 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi**  
[Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin

mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2000 dan banyak cadangan daripada Yang Berhormat yang akan kami ambil kira. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Tuan R. Sinniah, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, Yang Berhormat Tuan Abdillah, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat Puan See Too Mee.

Dato' Dr. Chin telah mengemukakan bahawa pindaan Seksyen 8(5) untuk ditingkatkan denda. Sebenarnya, kiraan denda sekarang ini dalam pindaan ini adalah tidak kurang daripada RM10,000 tetapi boleh meningkat sampai RM100,000.

**Tuan Yang di-Pertua: [Menyampuk]**

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Sudah kurang dah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, denda tambahan tidak kurang daripada RM100 tetapi tidak lebih daripada RM1,000 per day. Denda ini kalau kita lihat memang lebih tinggi, bukan hanya RM10,000 sahaja, ia tidak sampai RM10 dan ia boleh naik sampai RM100,000 dendaan.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga berkata mengapa keizinan pendakwa raya perlu sebelum pendakwaan dimulakan. Perkara 145(3), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa yang dijalankan menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi semua kesalahan selain prosiding yang dihadapkan ke Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera. Mengikut keputusan Mahkamah Rayuan, keizinan pendakwa raya perlu sebelum pendakwaan dimulakan.

Tidak timbul soal kelemahan kerana Timbalan Pendakwa Raya ada di setiap negeri dan mereka mempunyai kuasa untuk mengeluarkan keizinan menurut Seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menanyakan pindaan kepada 23A dan 80A, yang 80A tadi sudah dijawab. Jadi, pindaan seperti ini bagi membolehkan waran diambil untuk tindakan sama ada oleh PTG atau pihak polis dan pihak-pihak berkenaan perlulah membantu perbadanan pengurusan dalam mengambil tindakan ke atas waran itu.

Tentang tidak berfungsi, diharapkan berpuas hatilah. Cadangan perlu ada garis panduan untuk menentukan bagaimana untuk diambil tindakan. Bagi makluman Dato' Dr. Chin kementerian akan sediakan garis panduan untuk kerajaan-kerajaan negeri dan ada kaedah-kaedah hak milik strata yang mana menentukan

peraturan-peraturan dalam pengurusan hak milik strata tersebut. Yang Berhormat Tuan Sinniah bertanyakan tentang CF. Kajian dibuat untuk..... pendaftaran dan permohonan hak milik strata sememangnya memerlukan CF dahulu, baru kita boleh keluarkan hak milik strata. Jadi, CF ini dikeluarkan oleh kerajaan tempatan. Jadi, tanpa CF ini, kita tidak boleh daftarkan hak milik strata itu.

Jadi, kita bersama-sama dengan kerajaan tempatan untuk mendapatkan hak milik strata ini. Yang Berhormat Tuan Sinniah juga mengumumkan bahawa kemudahan rumah pangsa yang tidak dibaik pulih. Ini akan dibincangkan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengadakan satu akta baru iaitu, Pesuruhjaya Pengurusan *Commissioner of Building Act* bagi mengatasi masalah-masalah ini tidak lama lagi.

Jadi, saya tidak boleh hendak cakapkan untuk Kementerian Kerajaan Tempatan. Kegagalan membayar caruman, pihak petak boleh bawa kepada Lembaga Hak Milik Strata. Begitu juga perbadanan pengurusan boleh membawa kes-kes pemilik petak yang tidak membayar caruman kepada Lembaga Hak Milik Strata. Yang Berhormat Puan Safinah telah menyentuh pelantikan agen perlu ada. Jadi, kita akan sediakan panduan untuk pihak berkuasa negeri gunakan untuk perlantikan agen-agen ini. Saya ingin juga menyatakan di sini bahawa Lembaga Hak Milik Strata ini, sebab Yang Berhormat Puan Safinah pun ada bertanya tentang elaun bagi Ahli Lembaga Hak Milik Strata ini.

Sebenarnya, Lembaga Hak Milik Strata ini, insya-Allah diwujudkan dan mempunyai Pengerusi, Naib Pengerusi dan 20 ahli jawatankuasanya dalam sesuatu negeri, yang dua orang itu iaitu Pengerusi dan Naib Pengerusi hendaklah ada *background legal* sedikitlah, perundangan dan yang 20 orang ahli jawatankuasa itu adalah dicadangkan oleh kerajaan negeri dan dia boleh daripada arkiteklah, engineer dan itu dicadangkan oleh kerajaan negeri. Ahli jawatankuasa lembaga ini boleh dikira cukup kuorum untuk mendengar segala pertikaian dengan adanya satu Pengerusi dan dua orang ahli jawatankuasa. Dia boleh duduk mendengarkan pertikaian dan elaun yang diberikan bila bersidang sahaja kita berikan dan kerajaan negeri akan tentukan. Jadi, PTG akan menentukan berapa bayarannya.

Jadi, adalah tujuan menubuhkan Lembaga Hak Milik Strata ini untuk mempermudahkan dan mengubahsuai keadaan dan mendengar apa-apa masalah yang akan timbul tentang hak milik strata ini.

Yang Berhormat Puan Safinah juga menyatakan bahawa kesalahan tidak membayar wang caruman membebankan pemilik petak. Akta Hakmilik Strata secara jelas telah menggariskan tanggungjawab pemilik petak itu. Di antara tanggungjawab penting pemilik petak adalah harus membayar wang caruman. Kegagalan pemilik membayar wang caruman menyebabkan perbadanan pengurusan tidak dapat menguruskan bangunan dengan baik, akibatnya pemilik-pemilik petak lain juga menanggung kerugian. Kerajaan mengambil berat akan isu-isu yang melibatkan penyelenggaraan bangunan kerana ianya melibatkan common interest semua penduduk.

Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim menyentuh tentang bayaran insurans. Juga ini berkaitan dengan Yang Berhormat Dato Aziz juga tentang insurans. Insurans itu adalah daripada caruman yang dibayar oleh pemilik-pemilik petak dan caruman adalah mengikut syer unit setiap petak. Dengan itu, kiraan premium adalah saksama untuk semua pemilik.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah menanyakan bahawa kalau tidak bayar caruman, tidak bayar insurans. Pindaan akta ini telah diutara kepada pemilik-pemilik petak yang tidak membayar caruman. Dengan cara ini, boleh kita pastikan, pindaan akta ini telah dikenakan kepada semua pemilik-pemilik petak. Jadi, dengan cara ini kita boleh pastikan pemilik yang tidak membayar caruman didenda dan akan mula membayar caruman untuk menanggung tunggakan.

Selain daripada itu, pengawasan terhadap MC supaya - minta maaf, kadang-kadang tulisan pegawai saya tak boleh saya baca. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menggubal, seperti yang saya cakap tadi Commissioner of Building Act bagi mengawasi perbadanan MC ini dalam menjalankan tugasnya. Selain daripada itu, akta baru Building Common Property, Maintenance and Management Act itu akan dibentangkan nanti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya rasa akhir sekali, ada yang tidak membayar caruman insurans, penguatkuasaan terhadap pembayaran caruman dan insurans. Konsep hak milik strata berpaksi kepada perbadanan pengurusan dan setiap bangunan, tugas dan tanggungjawab adalah berat dan ia dipilih oleh pemilik-pemilik petak sendiri setiap tahun melalui mesyuarat agung. Perbadanan pengurusan boleh mengambil tindakan dengan membawa ke Mahkamah PTG dan Lembaga Hak Milik Strata untuk mendapatkan caruman dari pemilik-pemilik petak. Management Corporation, dengan

izin, bolehlah juga mendapatkan perintah untuk menyita harta-harta penghuni petak untuk mendapat bayaran caruman dan tunggakan caruman. Dalam kebanyakan hal, hidup dalam bangunan tinggi ini setiap petak perlulah bekerjasama dengan petak lain seperti sebuah kampung.

Saya sekali lagi mengucap ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Jika ada jawapan-jawapan yang perlu penjelasan lebih lanjut saya insya-Allah, akan menjawab secara tulisan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Dr. Robia. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa** ]

**Fasal 1 hingga 22** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN (PINDAAN) 2000**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.12 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang satu akta meminda Bahagian VII, Akta Pergigian 1971 dibacakan kali kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta 51 yang bertajuk Akta Pergigian 1971 adalah berkenaan perihal pendaftaran dan amalan pengamal pergigian iaitu doktor-doktor pergigian swasta dan pegawai pergigian kerajaan dan juga peruntukan bagi tujuan maksud negara mengenai satu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran sebagai seorang pengamal pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, Subseksyen 46(3), Bahagian VII, Akta Pergigian 1971 memperuntukkan syarat perkhidmatan wajib selama dua tahun bagi semua graduan pergigian warganegara setelah mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. Oleh kerana sebab tertentu pada masa itu, ketetapan ke Parlimen untuk meluluskan peruntukan tidak dikemukakan dan dengan ini peruntukan tersebut telah lupsus dengan sendirinya selepas lima tahun iaitu pada tahun 1976. Oleh yang demikian, mulai tahun 1976 sehingga sekarang graduan-graduan pergigian tidak diwajibkan berkhidmat dengan pihak kerajaan.

Seperti yang kita sedia maklum, negara secara umumnya dan Kementerian Kesihatan khususnya telah menghadapi masalah kekurangan pegawai pergigian sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bilangan jawatan yang ada pada sekarang adalah 958 dengan pengisian sebanyak 686. Kekurangan berdasarkan jawatan sedia ada sebanyak 272 iaitu 28.4%. Pada masa ini tidak menggambarkan keperluan sebenar. Sekiranya diambil kira keperluan jawatan bagi fasiliti-fasiliti yang telah siap di bawah projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, keperluan jawatan sebenarnya adalah sebanyak 1,234. Maka kekurangan sebenar adalah sebanyak 548 iaitu 44.4%.

Masalah kekurangan pegawai pergigian menjadi semakin mendesak kerana agihan pegawai pergigian yang tidak seimbang di beberapa buah negeri akibat keengganan pegawai pergigian untuk berkhidmat di negeri-negeri tersebut. Masalah ini sememangnya kritikal di beberapa buah negeri, iaitu Perlis dengan kekosongan sebanyak 63.2%, Sarawak - 51.3% kekosongan; Sabah - 45.5%; Pahang - 35.5%; Kelantan - 35.1%; dan Terengganu - 35% terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, di antara graduan baru yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia, sebilangan besar membuat pilihan berkhidmat di sektor swasta di bandar. Sejak dari tahun 1994, peratus pendaftaran baru yang memilih untuk berkhidmat di sektor swasta sentiasa lebih dari mereka yang memilih untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Peratus ini jatuh di bawah tahap 60% hanya semasa kegawatan ekonomi pada tahun 1998 dan 1999.

Akibat dari trend ini pada 31 Disember 2000, hanya 35% daripada jumlah pengamal pergigian berkhidmat di sektor-sektor awam. Kementerian saya amat memandang serius keadaan situasi pegawai pergigian yang menunjukkan trend yang meningkat dan didapati bilangan penghijrahan pengamal-pengamal pergigian untuk mencebur diri di sektor swasta dan di fakulti pergigian di universiti-universiti juga turut meningkat terutama dengan pemulihan ekonomi negara.

Dukacita saya maklumkan bahawa sebahagian besar daripada mereka yang meletakkan jawatan memilih untuk berkhidmat di sektor swasta di bandar oleh sebab pendapatan yang lebih lumayan dan faktor lokasi kerja atas pilihan sendiri. Keadaan ini telah menjelaskan perkhidmatan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan wajib untuk semua pengamal pergigian yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia bukan sahaja dapat membantu mengatasi masalah kekurangan pegawai pergigian di sektor awam, tetapi ianya dapat melengkapkan pengamal pergigian dengan pengetahuan mengendali dan menjalankan amalan pengurusan perkhidmatan pergigian yang baik, seterusnya dapat berdikari, memberikan perkhidmatan yang sentiasa berkualiti dengan penuh keyakinan kepada pelanggan. Pada masa yang sama, dengan tenaga kerja yang bertambah, perkhidmatan kesihatan pergigian di Kementerian Kesihatan juga dapat disediakan ke seluruh negara dan status kesihatan pergigian di kalangan penduduk di bandar dan di luar bandar dapat diimbangi.

Perkhidmatan wajib selama tiga tahun dicadangkan untuk semua graduan pengamal pergigian warganegara yang layak didaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia dan berkuat kuasa apabila rang undang-undang ini diluluskan dan diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, terdapat tiga buah universiti tempatan yang mempunyai fakulti pergigian iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Dengan mengambil kira bilangan graduan dari luar negara dan keluaran dari ketiga-tiga buah universiti

tempatan, bilangan graduan setahun dianggarkan seramai 66 orang bagi separuh tahun kedua tahun 2001, 154 orang pada tahun 2002, 182 orang pada tahun 2003 dan seterusnya meningkat kepada 222 dan 238 pada tahun 2004 dan tahun 2005 masing-masing.

Kekosongan jawatan yang sedia ada boleh menampung pengambilan pegawai pergigian untuk berkhidmat wajib pada tahun 2001 dan 2002. Manakala pada tahun 2003 sebanyak 138 buah jawatan perlu diwujudkan. Tambahan jawatan akan dipohon bergantung kepada pengeluaran bagi tahun-tahun seterusnya.

Perbelanjaan tambahan untuk menampung pembayaran emolumen bagi jawatan tambahan tersebut dianggarkan berjumlah RM3.65 juta bagi tahun 2003 dan RM4.65 juta pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, secara am pindaan ini merangkumi perkhidmatan wajib selama tiga tahun bagi pengamal pergigian yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan pindaan ini akan melibatkan implikasi kewangan tetapi ianya kecil jika dibandingkan dengan faedah yang banyak yang akan diperolehi oleh semua pihak terutama sekali penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan meminda akta ini supaya bahagian ini tidak perlu diluluskan tiap-tiap lima tahun tetapi akan terus dikuatkuasakan sehingga tidak diperlukan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 tidak diperlukan lagi kerana bahagian ini akan terus dikuatkuasakan sehingga ketetapan untuk berhentinya diluluskan oleh Parlimen. Memandangkan kebaikan kepada negara dan pengamal pergigian baru, Fasal 10 menetapkan tempoh perkhidmatan wajib selama tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Pergigian 1971 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat mempertingkatkan dan meluaskan perkhidmatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**  
**[Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta

Pergigian 1971; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Dato' Ghazi, dijemput.

#### 4.15 ptg.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000. Saya turut menyokong dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah membentang dengan begitu jelas dan memberi angka-angka yang menunjukkan justifikasi yang amat baik.

Saya bersetuju benar dengan ungkapan Yang Berhormat mengatakan sudah sampai masanya untuk kita mengemaskinikan akta ini, lebih-lebih lagi bila fasal-fasal yang berkenaan yang menunjukkan bahawa jangka masa yang hanya lima tahun itu dilanjutkan berterusan sehingga kita tidak berkehendakkan ini lagi. Saya rasa ini langkah yang agak lebih bijak, lebih pintar dan lebih tersusun kerana keadaan ekonomi dalam negara kita tidak boleh meramalkan keseluruhannya jangkaan keperluan dan kehendak mengikut perkembangan ekonomi dunia juga tidak dapat kita ramalkan dengan sepenuh. Oleh kerana itu langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan adalah amat bertepatan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, soal tarikan pihak kakitangan kerajaan ataupun siswazah ataupun ahli-ahli doktor gigi ini yang masuk menjadi ahli Majlis Pergigian Malaysia, tarikan kepada pihak swasta memang, dengan izin, *across the board* tarikannya. Oleh kerana itu, mungkin saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat pihak kementerian, adakah jawatan doktor pergigian ini sama tarafnya dengan bidang-bidang lain. Adakah diklasifikasikan, kalau giginya, tahap gajinya begini, galakannya begini. Kalau doktor tentang jantung, skimnya begini dan galakannya begini dan seterusnya.

Jadi, saya ingin mengetahui segmen-segmen dalam bidang-bidang kesihatan sama ada perbezaan berlaku dan jika berlaku adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan ini ataupun kalau tidak selaras pun saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah fakta-fakta yang menyebabkan berlaku perbezaan di antara kepakaran-kepakaran yang berlainan. Sebab kadang-kadang, kalau kriteria itu tidak begitu jelas, ahli-ahli ini mendapat satu tafsiran ataupun pandangan atau *mindset*, dengan izin, sebelum mereka masuk lagi dalam dunia pekerjaan. Mereka sentiasa mengatakan ukuran dan peraturan yang dibuat oleh pihak kerajaan itu tidak berasas dengan realistik. Jadi, saya ingin mengetahui ini

kerana ini desa s-desus kita dengar – *across the board*, dengan izin, dalam bidang-bidang yang berlainan. Itu satu.

Keduanya, dari segi pihak kerajaan membuat peruntukan kewangan, saya rasa amat baik sekali lebih-lebih lagi bila Yang Berhormat menyebut bahawa pengkhususan akan diberi kepada kawasan luar bandar. Negeri-negeri yang disebut ini semua nampak negeri-negeri yang patut diberi pembelaan. Saya nampak negeri Selangor selamat daripada hal ini, ertinya cukup dan memadai, tidak ada masalah.

Yang saya ingin tekankan dalam bidang ini ialah galakan seterusnya yang patut kita beri kepada mereka yang pergi ke luar bandar. Walaupun boleh kita mengatakan bahawa untuk kepentingan negara kita patutlah berkurban untuk pergi berkhidmat di luar bandar, tetapi dari segi prinsip adakah pihak kerajaan memberi galakan khusus kepada mereka ini sekiranya mereka bertugas di luar bandar dengan keadaan tertentu sebagai satu galakan supaya tidak ada permasalahan bahawa apabila mereka diwajibkan selama tiga tahun sentiasa tiga tahun itu merana, bila orang merana dan mempunyai kekecwaan dan sentiasa tidak puas hati kerana struktur gaji, galakan, environment, suasana dan sebagainya tidak memuaskan, maka ini berkemungkinan akan memberi effect, kesan kepada prestasi sedangkan Yang Berhormat sendiri menyebut selain daripada mengisi kekosongan, Yang Berhormat juga sebut tentang meningkatkan taraf pengurusan keseluruhan dari segi bidang kedoktoran pergigian ini.

Jadi, perkara meningkatkan pengurusan ini adalah amat baik sekali. Saya ucap tahniah tetapi dalam masa hendak mengurus, kita juga, kalau boleh, perhati juga tentang kesan-kesan dari segi psikologinya terhadap doktor-doktor yang memang dipaksa ataupun ditentukan, dimestikan berkhidmat selama tiga tahun dengan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah Yang Berhormat tadi menyebut 3 universiti yang berkenaan yang melahirkan angka-angka yang telah disebut termasuk yang target 238 pada tahun 2004, Universiti Malaya, UKM dan juga USM. Dua soalan saya ingin bangkitkan di sini ialah:

- (i) Tidakkah ketiga-tiga universiti ini mempunyai perancangan untuk meningkatkan lagi pengeluaran graduan-graduan dalam bidang pergigian ini kerana saya nampak angkanya agak terlalu amat kecil. Sudah pastilah kalau kita hendak meningkatkan lagi bilangan ini mestilah kita besarkan kapasiti untuk mengajar.

- (ii) Satu aspek lagi dari segi keperluan. Saya tidak tahu bagaimana kerajaan mengukurkan keperluan sebenarnya dari segi nisbah di antara penduduk rakyat jelata dengan bilangan doktor gigi. Mungkin kalau base figure, dengan izin, itu boleh dipertingkatkan, erti nisbah 100 orang penduduk mempunyai lebih ramai atau seorang doktor mempunyai sedikit orang yang dia patut memberi khidmat, mungkin dari segi keperluan statistik tadi sudah berlainan. Jadi, saya ingin mendapat tahu andaian dari segi statistik base figure itu dengan izin, supaya dapat kita melihat bahawa inilah sebenarnya yang diperlukan oleh negara kita.

Saya tekankan ini, oleh kerana kita keseluruhan menuju ke arah negara maju. Kalau kita menuju ke arah negara maju, saya juga ingin mendengar daripada Yang Berhormat, apakah statistik-statistik lain pada negara-negara maju yang lain dari segi nisbah penduduk dengan bilangan doktor gigi ini. Kita hendak tahu di mana kita. Kita banyak buat perbandingan dalam bidang-bidang lain yang sama, saya tahu ini bukanlah menjadi kayu ukur yang muktamad tetapi sekurang-kurangnya, kita boleh mengetahui di mana kedudukan kita yang sebenarnya. Lebih-lebih lagi kita sekarang mempunyai paten makanan yang agak berlainan dan berubah selalu, mungkin penyakit gigi ini akan lebih meresap, lagi lebih banyak orang sakit, jadi lebih banyak hendak pada attention, dengan izin, perhatian doktor gigi.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang ada kaitan dengan pengeluaran bilangan doktor-doktor gigi ini ialah dari segi universiti, kilang-kilang mengeluarkan graduan di tempat lain. Kita tahu ada banyak jumlah universiti dalam negara ini. Bagaimana tentang universiti-universiti yang lain? Apakah mereka tidak mempunyai kursus ini ataupun mereka tidak mendapat tarikan, tidak mendapat bilangan pelajar yang layak untuk mengikuti kursus ini? Gambaran menyeluruh ini pun, saya harap pihak kementerian akan bercerita dari segi IPTA, juga dari segi IPTS. Saya tahu umpamanya, satu IPTS, International America University, kalau tidak salah saya (IMU) juga dalam bidang kesihatan, jadi ingin saya tahu apakah pengeluaran, apakah perancangan pihak universiti-universiti lain khususnya IPTA dan juga IPTS dalam bidang ini. Dan, kalau ini dapat diberi maklumat secara menyeluruh, kita akan dapat gambaran yang lebih.

Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui.

#### 4.25 ptg.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan untuk membuat pindaan kepada Akta Pergigian. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana telah mengambil tindakan yang sangat kena pada masanya untuk meminda Akta Pergigian dengan tujuan supaya semua graduan pergigian baru dikehendaki berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang daripada 3 tahun terus-menerus sebagai pegawai pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh orang ramai pada masa ini, bukan kerana semata-mata kekurangan pegawai pergigian tetapi juga perkhidmatan yang diberikan oleh doktor-doktor pergigian adakalanya kurang memuaskan. Kejujuran ini tidak sepatutnya dilambakkannya kepada pegawai-pegawai pergigian sahaja di mana masalah sebenarnya adalah berpunca daripada kekurangan pegawai-pegawai pergigian yang berkhidmat dengan kerajaan di klinik-klinik pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah suatu perkara biasa jika kita melihat seorang doktor gigi merawat seramai 5 hingga 6 orang pesakit dalam satu masa. Kesemua 5 atau 6 orang pesakit ini ditempatkan di kerusi rawatan menunggu untuk dirawat. Kemudian, suntikan diberikan kepada seorang demi seorang dari mereka. Sebaik sahaja selesai tugas merawat pesakit yang keenam ini, doktor ini akan merawat pula pesakit lain seperti membaiki dental atau mencabut gigi.

Dengan pelbagai tekanan seorang doktor pergigian terpaksa lalui, kesilapan dan kesalahan kadang-kadang tidak dapat dielakkan. Saya tidak ada maklumat berapakah jumlah kesilapan doktor gigi mencabut gigi kerana maklumat ini tidak dikumpulkan secara sistematis. Tetapi sebagaimana Persatuan Perubatan Malaysia akui, pernah berlaku masalah yang serius berpunca daripada doktor gigi yang bekerja terlalu teruk dan kepenatan di klinik-klinik kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, orang ramai sentiasa yakin dengan kebolehan dan kemampuan doktor gigi kerajaan. Dan, saya berharap keyakinan orang ramai ini tidak akan dihamparkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada Fasal 2, tentang memasukkan Bahagian VII yang sedia ada dalam Akta 51 dan menggantikan ia

dengan Bahagian VII baru. Yang relevan di sini, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 47(5) dan seksyen 48 dalam Bahagian VII baru, di mana diperuntukkan bahawa penglibatan pegawai-pegawai pergigian ini hendaklah “memuaskan hati Ketua Pengarah selama satu tempoh terus-menerus yang berjumlah tidak kurang daripada 3 tahun dalam apa-apa jawatan”.

Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, adakah Ketua Pengarah mempunyai apa-apa kriteria atau dengan izin, *benchmark*, untuk mengukur prestasi perkhidmatan pegawai-pegawai pergigian ini sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah. Tanpa satu definisi yang *comprehensive*, maka akan timbul kesamaran dan keputusan yang akan dibuat oleh Ketua Pengarah, dengan izin, *a decision that could be subject to capacious* atau tidak *consistent* memandangkan peruntukan ini boleh menimbulkan implikasi yang tidak diingini dan kehidupan seorang ahli profesional mungkin tergugat kerananya.

Saya cadangkan Kementerian Kesihatan hendaklah menyediakan suatu garis panduan yang betul untuk mentadbirkan maksud berkhidmat dengan memuaskan hati ketua pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mewajibkan kajian pergigian baru dikehendaki berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang daripada tiga tahun tidak dinafikan adalah suatu langkah yang baik, tetapi tidakkah kita terfikir apakah punca sebenar maka berlaku kekurangan doktor gigi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan telah berusaha dan menggalakkan penuntut-penuntut mengambil kursus pergigian di universiti-universiti tempatan mahupun di luar negara. Saya berpendapat kerajaan perlu menambahkan lagi jumlah fakulti pergigian yang ada di negara ini kerana jumlahnya terlalu kurang berbanding jumlah penduduk yang sentiasa bertambah.

Jika ini dapat dilakukan adalah suatu langkah jangka panjang yang sangat berkesan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor gigi dan juga dapat melatih lebih ramai rakyat negara kita menjadi doktor gigi yang sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan di atas pembentangan rang undang-undang ini yang tepat pada masa ini. Dengan ini saya berharap kementerian, pegawai pergigian dapat diatas dan perkhidmatan pergigian dapat diperbaiki dengan lulusnya rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya memohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

#### 4.32 ptg.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, saya merasa amat begitu khuatir kerana kekurangan doktor pergigian berlarutan. Rancangan Malaysia Ketujuh memerlukan sebanyak 1,234 doktor pergigian dan ianya kekurangan hampir setengah 548 orang doktor pergigian.

Negeri-negeri yang terlibat sebanyak enam buah negeri seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi dan negeri-negeri ini jika dibandingkan, saya bernasib baik kerana negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, kita mendapat tidak termasuk dalam golongan kurangnya doktor pergigian, tetapi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain ianya sangat memerlukan doktor pergigian terutama sekali di luar perkhidmatan luar bandar, di mana kita tahu dari segi pendapatan keupayaan rakyat luar bandar dibandingkan dengan tempat-tempat lain adalah lebih jauh kebelakangan.

Jadi, dengan itu perlunya satu tindakan tegas diambil. Walaupun pindaan ini dicadangkan oleh kerajaan, khususnya kepada Seksyen 4 yang mana setiap graduan doktor pergigian lulus harus berkhidmat dengan kerajaan sekurang-kurangnya tiga tahun, jadi tiga tahun Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita dapat menampung 548 orang kekurangan ini.

Saya yakin nisbah penduduk akan bertambah dalam masa tiga tahun dan jumlah ini tidak akan lagi melengkapi dan akan mencukupi untuk pakar-pakar doktor pergigian berkhidmat dalam negara kita.

Jadi, saya mencadangkan mengapa tidak kita mewajibkan tiga tahun ini ditambah kepada lima tahun, *let us to straight*, dengan izin, jadi kalau tiga tahun besok kerajaan akan kembali semula dalam Dewan ini memohon pindaan lagi. Oleh kerana tidak cukup doktor pergigian, kita tahu kalangan penuntut t-penuntut mereka kurang sekali untuk menjadi doktor pergigian kerana kerjanya, insentif tidak begitu tinggi dan tidak begitu menggalakkan dan prestijnya, kredibilitinya dengan perkataan

kedudukan sebagai doktor gigi tidak begitu glamor dibandingkan dengan doktor-doktor lain. Jadi, itu sebabnya banyak penuntut tidak memilih untuk menjadi penuntut pergigian tetapi memilih jurang yang lain.

Jadi, atas sebab-sebab ini saya kira, kita wajib memperuntukkan iaitu bukan tiga tahun tetapi lima tahun. Memandangkan nisbah penduduk negara kita akan bertambah, ia memerlukan lebih banyak doktor pergigian di luar bandar dan dalam bandar berkhidmat untuk negara kita. Kalau tiga tahun, Tuan Yang di-Pertua, masanya begitu singkat sekali dan saya yakin kita akan masih lagi kekurangan doktor pergigian. Kita tahu kebanyakan doktor ini seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi bahawa mereka lebih suka berkhidmat dengan swasta kerana gaji yang begitu lumayan, pendapatan yang begitu lumayan, itulah sebabnya mengapa mereka sanggup untuk berkhidmat di syarikat-syarikat swasta, klinik ataupun membuka klinik sendiri.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa kerajaan memerlukan perbelanjaan tambahan RM3.5 juta untuk tahun 2003, RM4.6 juta untuk tahun 2004. Kesemuanya ini merupakan tambahan kepada insentif doktor-doktor yang berkhidmat dalam negara kita.

Balik semula soal kekurangan guru dan saya yakin sebab-sebab mereka tidak terus mahu berkhidmat dalam perkhidmatan kesihatan khususnya klinik pergigian kerana kita semua sedia maklum dan Yang Berhormat juga telah menerangkan tadi bahawa kerana pendapatan mereka ini tidak begitu lumayan dan tidak begitu menarik dan itulah sebabnya mengapa mereka cukup sahaja tempoh tiga tahun gulung tikar bantal, cabut, masuk klinik swasta.

Jadi, sedangkan kerajaan memerlukan doktor yang ramai dan kerajaan memohon perbelanjaan tambahan RM3.5 juta dan RM4.6 juta, mengapa tidak kerajaan meminda semula gaji bukan sahaja doktor pergigian tetapi juga seluruh kakitangan termasuk sekali pakar-pakar jantung dan sebagainya. Kita tahu pakar jantung juga banyak yang telah meninggalkan General Hospital dan masuk swasta dan ada juga mereka yang masih berkhidmat dengan Institut Jantung Negara.

Jadi, keseluruhan ini adalah merupakan satu faktor penting kerana kesihatan adalah merupakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, a *'bird ride'* of *individual citizen*, dalam negara kita. Jadi, dengan adanya pakar-pakar yang sedemikian dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat negara ini terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah, golongan miskin, masyarakat

luar bandar, ini akan dapat menaikkan lagi imej negara dan imej kerajaan sendiri kerana prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam negara ini.

Kesihatan baik sama ada pergigian atau sebagainya adalah merupakan satu perkara yang penting yang harus dijaga.

Umur hayat, jangka panjang umur rakyat negara kita, kesihatan yang baik ianya akan membawa kemakmuran negara kita, akan mempertingkatkan produktiviti negara kita. Mengapa tidak kita berbelanja lebih sedikit, membayar gaji yang lebih baik kepada kakitangan-kakitangan hospital, doktor dari semua jenis bidang kepakaran supaya mereka ini tidak lari dan meninggalkan perkhidmatan mereka menceburkan diri dalam perkhidmatan swasta. Kita tahu akhir-akhir ini kerajaan banyak menarik doktor-doktor daripada luar negeri datang daripada India, Pakistan dan juga Bangladesh.

Jadi, saya juga hendak tahu daripada Yang Berhormat berapakah jumlah doktor-doktor yang kita telah ambil daripada luar negeri untuk mengisi kekosongan yang ada dalam negeri demi untuk berkhidmat untuk rakyat dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya sistem yang ada sekarang kita ubah, kita pinda terutama soal sistem pembayaran, pendapatan untuk mereka, saya kira mereka akan kekal berkhidmat, bila mereka kekal berkhidmat, ia akan menguntungkan negara dan kerajaan sendiri. Mengapa tidak kita fikir kita lakukan ini. Saya tidak begitu yakin jika kita tukar perkhidmatan wajib ini sekurang-kurangnya tiga tahun akan dapat mengekalkan mereka terus berkhidmat untuk tiga tahun dan selepas tiga tahun dia cuma tunggu masa, seperti mana rakan saya Datuk William Lau Kung Hui kata tadi, mereka tidak akan dapat memberikan perkhidmatan yang begitu baik kerana nisbah pesakit dengan doktor adalah terlalu jauh. Saya tidak tahu berapakah nisbahnya di antara pesakit dengan doktor? Ini harus kita kaji.

Jadi, kita harus melihat dari aspek yang kita cakap lebih produktif, lebih serius ke arah meninjau nisbah perkhidmatan kedoktoran negara kita ini supaya ianya dapat mencerminkan keprihatinan kerajaan kepada kepentingan rakyat negara kita dan kita tidak mahu melihat di General Hospital, pesakit-pesakit terutama sekali kalangan yang berpendapatan rendah, rakyat luar bandar datang dan tidur di hospital dan mereka hanya sanggup, mampu tinggal di wad kelas tiga, tidak lebih daripada itu.

Jadi, kadangkala perubatannya tidak begitu baik. Saya hendak menyatakan dengan terang kerana saya pernah melawat beberapa hospital dan saya dapati pakar-pakar hanya melawat – saya tidak tahu sama ada betul atau tidak betul, kerana pakar-pakar hanya melawat mereka yang kita cakap kelas dua dan kelas satu dan the third class oleh housemanship dan ada seorang pakar follow housemanship, sepuluh orang, lima belas orang go around dan sebagainya, dengan izin.

Ini satu perkara yang selalu diperkatakan oleh rakyat jelata, Tuan Yang di-Pertua, dan kita harus mengambil satu tindakan yang serius, bukan bererti cadangan-cadangan atau kritik-kritik yang membina, yang telah dilafazkan oleh rakan-rakan saya sebelum ini atas perkara ini diambil tidak begitu serius. Kerana hospital adalah satu tumpuan tempat rakyat melihat apakah perkhidmatan yang harus diperolehi oleh mereka? Bagaimana kerajaan prihatin terhadap nasib mereka, membela dan menjaga kesihatan mereka? Ini harus kita fikirkan bersama dan kita tahu kerajaan belanja begitu besar, mendirikan lebih banyak hospital pada setiap masa, pertambahan hospital tetapi nisbah pakar dan doktor-doktor juga harus dilihat dari satu aspek yang lain.

Jika sekiranya kekurangan penuntut-penuntut yang berminat untuk mengambil, mengkaji dalam ilmu pergigian ini kita harus mengadakan insentif kepada mereka kerana rakyat negara kita lebih maklum kalau mereka telah menjadi doktor, mereka tahu terhadap kebudayaan, terhadap masalah, terhadap kebudayaan (culture) yang dianut oleh kita semua.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah barang tentu ianya akan membawa satu kebaikan kepada kita semua. Jadi, saya berharap supaya perkara ini diambil serius oleh pihak kerajaan dan kalau boleh tindakan-tindakan segera diambil kerana seperti mana kata Yang Berhormat tadi dan seperti mana yang telah saya pandang, kekurangan tenaga doktor pergigian amat serius sekali. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh daripada 1,234 kekosongan jawatan, kita kekurangan 548 orang. Apa yang telah kita lakukan? Apakah tindakan yang telah kita lakukan untuk mengatasi kekurangan ini dan besar kemungkinan seperti yang saya katakan tadi kekurangan ini akan bertambah dari nisbah penduduk dan mereka yang mengalami, memerlukan perubatan.

Jadi, tindakan-tindakan yang segera harus dibuat dan dikaji lebih mendalam dan saya yakin pihak kementerian mempunyai pakar-pakar yang boleh membuat

kajian, memberikan cadangan-cadangan yang *constructive* dan bagi memastikan keadaan ini dapat dipulihkan dengan serta-merta.

Jadi, atas pandangan-pandangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

#### **4.47 ptg.**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah meminda satu Akta Rang undang-undang Pergigian untuk menaiktarafkan lagi kesihatan rakyat dalam negara kita. Walaupun pebagai usaha yang kita telah laksanakan, namun kita melihat sekarang ini bagaimana nisbah, pengagihan tenaga doktor dalam bidang kesihatan ini masih belum lagi memuaskan. Kalau kita lihat sekarang ini nisbah doktor gigi pada tahun 1995, untuk satu orang doktor mereka merawat pesakit seramai 11,881 orang. Nisbah doktor gigi pada tahun 2000, untuk seorang doktor merawat pesakit seramai 11,627 orang.

Begitu juga kalau kita tengok dari segi nisbah Juruteknik Pergigian. Pada tahun 1995, seorang Juruteknik untuk merawat 57,139 orang dan pada tahun 2000 satu orang Juruteknik untuk merawat 44,656 orang. Ini merupakan satu nisbah yang sangat tinggi dan perlu kepada pemantauan yang lebih dalam kita mengawal kesihatan rakyat dan usaha perlu dibuat untuk menambahkan lagi doktor terutama dalam bahagian pergigian.

Dalam pindaan undang-undang ini kita melihat satu kontrak tiga tahun telah dipersetujukan untuk dipinda dan saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak supaya kita menambahkan lagi tahun bilangan kontrak itu supaya memberi galakan lebih ramai lagi doktor-doktor berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebab kita belum berkeyakinan dalam masa tiga tahun itu kita mampu melahirkan tenaga-tenaga, pegawai-pegawai yang boleh mengisi tempat-tempat kosong dalam bahagian pergigian ini. Jadi, kerajaan perlu menyediakan lebih banyak keistimewaan untuk memberi galakan kepada doktor-doktor supaya ramai berkhidmat dalam kerajaan.

Begitu juga kebajikan doktor perlu diberi perhatian. Kita menerima aduan ramai daripada doktor-doktor gigi memberi keluhan bagaimana kepenatan dalam kerja melayan pelanggan yang begitu ramai. Jadi, dalam keadaan ini kerajaan sepatutnya memberi perhatian yang serius juga mengambil berat tentang kebajikan doktor itu sendiri dan

Kita juga meminta pihak kerajaan supaya membuat pemantauan terhadap klinik-klinik swasta yang ditubuhkan di mana kita melihat ada di kalangan doktor gigi mengambil kesempatan di atas suasana yang ada dalam negara kita ini yang mengenakan bayaran yang terlalu mahal, terutama dalam pemasangan gigi palsu. Ini berlaku berleluasa terutama di kawasan luar bandar, caj yang dikenakan kepada pelanggan terlalu mahal. Ini merupakan satu bebanan yang patut difikirkan oleh kerajaan. Begitu juga dalam kos cabutan gigi dan sebagainya.

Jadi, dengan kata-kata itu saya memohon menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin.

#### **4.50 ptg.**

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang begitu prihatin terhadap masalah pergigian dalam negara kita.

Daripada ucapan beberapa Yang Berhormat sebelum saya tadi, seperti nisbah seorang doktor kepada lebih kurang 11,000 orang rakyat yang ada dalam negara ini, daripada nisbah itu, saya ingin memberi satu cadangan kepada kementerian kerana kalaularah seorang doktor, kita beri tanggungjawab kepada 11,000 orang, bermakna lebih kurang satu bulan dia terpaksa menerima 1,000 orang yang bermasalah gigi. Itu bermakna dalam satu hari, dia terpaksa melihat lebih kurang 30 orang pesakit gigi dalam satu hari.

Kalau dia memakan masa seorang setengah jam, bermakna dia terpaksa mengambil kira 15 jam untuk dihabiskan 30 orang dalam satu hari. Jadi, saya ingin mencadangkan oleh kerana kita kekurangan doktor atau pakar gigi dalam negara kita, mengapa tidak kita melihat satu cara di mana doktor-doktor gigi atau pakar-pakar yang masih lagi duduk dengan kita, kita berikan tanggungjawab mengikut nisbah – kalau seorang doktor mungkin untuk 12 jam, dia hanya boleh buat 12 orang satu hari, sebagai contoh.

Jadi, kalau dia mengambil lebih daripada 12 orang, kita memberikan dia tambah elauan dia untuk hari itu. Jadi, apabila dia mendapat tahap nombor atau angka yang telah pun kita buat kaji selidik, maka dengan itu dapatlah mereka ini bertambah berminat untuk terus bersama-sama dengan kerajaan kerana kita memberikan peluang mereka untuk menunjukkan bahawa mereka juga sanggup untuk kerja banyak, untuk menambahkan atau melihat mereka yang sakit gigi.

Juga saya mencadangkan apabila mereka ini mencapai tahap angka-angka yang begitu besar, kita memberikan pengiktirafan kepada doktor-doktor ini. Contohnya, kalau benar satu tahun dia telah mencapai angka 10,000 ke atas, kita memberikan pengiktirafan. Kalau ada Hari Guru, maka tiap-tiap tahun kita adakan doktor gigi terbaik atau yang paling banyak dalam negara kita yang menghadapi beberapa orang yang sakit gigi.

Ini cadangan saya. Mungkin kita bergurau pada petang ini tetapi insya -Allah ia mungkin menjadi satu perkara yang memberikan semangat kepada pakar-pakar ini. Begitu juga dan pakar-pakar yang memang mahir dan profesional seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor sendiri, sebagai satu contoh. Kalau dia telah pun menjadi Menteri Besar, bukan bermakna profesi gigi ini, ia tidak boleh menyertainya lagi.

Kalaularah ada orang-orang yang seperti ini, pakar-pakar yang bukan hanya menjadi pakar gigi tetapi dia merupakan juga orang-orang yang berkecimpung dalam politik, maka kita juga berikan mereka ini satu pengiktirafan yang boleh diterima dalam masyarakat kita,. Kalau sesiapa pergi kampung pada tiap-tiap minggu, berapa jumlahnya, kita juga akan berikan pengiktirafan tiap-tiap tahun, sebagai satu contoh.

Ini adalah satu tindakan yang mana kita dapat memberikan gambaran kepada rakyat keseluruhannya bahawa kerajaan walaupun dalam keadaan yang sukar untuk kita menambahkan pakar-pakar doktor gigi tetapi kita mencari jalan untuk kita dapat memberikan khidmat kepada orang-orang kampung.

Selama ini, saya minta maaf, kalau kita fikirkan pakar gigi, kalau dalam bandar seperti Kuala Lumpur ini, saya perhatikan doktor-doktor gigi adalah merupakan pakar-pakar atau doktor ini adalah mereka yang paling berjaya, semuanya ada rumah besar, kereta besar, yang paling berjaya kerana mungkin dalam kita membayar fee untuk mendapatkan pakar-pakar ini, mereka tidak ada

tahap di mana ada doktor ini , mungkin pergi sekali RM60 tetapi ada pakar yang pergi sekali RM150.

Jadi, saya hendak tahu daripada kementerian, kalau sakit contohnya, *root canal* sebagai contoh. Ada pakar yang sampai RM3,000 feenya dan ada pakar yang hanya lebih kurang RM800 feenya. Maka sudah tentulah dalam keadaan yang sebegini rupa ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang bergelar Dato' itu barangkali mahal sedikit.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** *[Ketawa]* Yang bergelar Dato' mungkin lebih mahal. *[Ketawa]* Saya bersetuju dengan ini tetapi yang saya hairannya kalau begitulah caranya , Mungkin saya rasa Menteri Besar Selangor, dia tidak jadi Menteri Besar. dia terus jadi pakar doktor gigi. Tetapi walau macam pun, saya hendak beritahu tentang harga ini...

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato', ada yang tertarik tentang gigi ini. Jemput.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sebab saya banyak orang tertarik. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada laluan, Datuk Ghazi, jemput.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya yang tertarik ini sebab dua tiga kali dia sebut Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mohd. Khir Toyo, Menteri Besar Selangor Darul Ehsan, seorang doktor pakar gigi.

Sebenarnya apabila Yang Berhormat Dato' Hamzah sebut tadi, saya hendak terangkan dan kongsi (share) maklumat ini dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan terus tanya soalan sedikit kepada Yang Berhormat Dato' Hamzah.

Maklumat tentang share ini ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mohd. Khir memang memberi khidmat percuma kepada rakyat di kampung semasa dia belum menjadi Menteri Besar dan apabila dia sudah menjadi Menteri Besar pun, dia terus memberi khidmat percuma kepada rakyat di kampung sehingga sampai ketika, dia sedar bahawa tuntutan kerja Menteri Besar itu terlalu amat banyak sehingga dia terpaksa berhenti sekarang.

Jadi, soalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat – Yang Berhormat tadi sebut tentang harga gigi tarik mahal. Itu betul. Jadi, pakar-pakar yang Yang Berhormat sebut tadi, doktor gigi yang di bandar ini yang sudah berjaya,

yang hebat. Apa pendapat Yang Berhormat kalau ada sistem supaya galakkan doktor ini pergi melawat ke kampung-kampung setinggan dan di luar bandar, beri perkhidmatan percuma dan skim galakan yang Yang Berhormat kata tadi, berilah apa pun, kalau hendak bagi Dato' kah, hendak bagi apa pun, bagilah tetapi pada saya, skim galakan kepada kumpulan doktor gigi dan sebagainya patut dilanjut begini.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Dato' Hamzah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Datuk Ghazi, sahabat saya. Saya bersetuju sangat bahawa kalau galakan-galakan yang diberikan termasuklah bukan hanya berikan Dato' ataupun Tan Sri kepada mereka tetapi lebih daripada itu pun tidak apa, asalkan ada minat untuk rakyat jelata atau pelajar-pelajar untuk memasuki bidang ini supaya mereka tahu bahawa ada pengiktirafan sebagai doktor gigi ini.

Sekarang ini telah hampir 44% kekurangan pakar doktor gigi. Sebab itulah kita mesti berikan galakan-galakan ini dan kita juga beritahu contoh-contoh mereka yang berjaya dalam bidang ini seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor tadi, salah seorangnya dan beberapa lagi pakar-pakar. Kita beritahu kepada pelajar-pelajar kita di peringkat sekolah menengah lagi bahawa dalam kerjaya menjadi doktor gigi, adalah mereka yang berjaya dalam negara kita.

Kita beritahu mereka ini. Kita berikan galakan. Perkara ini nampak mudah tetapi oleh kerana kita tidak buat, sebab itu mereka lebih beri perhatian kepada profesi-profesi lain. Sebab itulah saya minta kalau boleh, saya bersetuju sangat tadi kalau akta tadi mengatakan kita wajibkan mereka duduk bekerja dengan kerajaan selama tiga tahun. Tetapi saya hendak juga beri cadangan kepada Yang Berhormat bahawa dalam masa tiga tahun itu, kalau mereka kerja bertambah banyak sehingga tiga tahun itu kalau diikutkan jumlahnya, mungkin kalau hendak ikutkan dari segi standardnya, minta izin, mungkin sebenarnya hendak buat kerja itu memakan masa lima enam tahun.

Jadi, kita berikan mereka ini kalau kerja tambahan, kita berikan juga eluan tambahan, bermacam-macam lagi tambahan supaya mereka akhirnya seronok menjadi doktor dalam kerajaan itu sendiri.

Saya ada satu soalan yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat tentang masalah gigi ini. Kadang-kadang orang cungkil gigi ini keluar berdarah, saya

hendak bertanya apakah tindakan kerajaan oleh kerana mungkin ada mereka yang sakit gigi ini juga merupakan pesakit HIV. Jadi, saya hendak tahu apakah dasar, bagaimanakah caranya supaya pesakit yang datang selepas itu tidak menjangkiti penyakit HIV sebelum mereka. Saya takut juga ini, mungkin kerana ini juga ramai daripada kalangan doktor-doktor tidak berani hendak masuk bidang sebagai doktor gigi. Jadi, saya hendak bertanya, sama ada adakah rancangan supaya barang-barang yang digunakan di dalam klinik-klinik kerajaan digunakan seperti disposable item, minta izin Tuan Yang di-Pertua, item-item yang boleh kita buang selepas kita gunakan. Kalau ini dapat kita berikan juga, jadi menampakkan bahawa klinik-klinik kerajaan juga lebih profesional daripada pakar-pakar pergigian yang luar daripada kerajaan.

Ini juga mesti kita tunjukkan kepada rakyat jelata, bahawa sebenarnya tidak ada perbezaan di antara doktor gigi yang ada dengan kerajaan dengan yang luar daripada kerajaan. Kerana dalam supply and demand, oleh kerana supply doktor kita begitu berkurangan sekali menyebabkan ramai orang yang keluar mendapatkan khidmat doktor yang bukan daripada kerajaan. Maka sebab itulah saya rasakan fee-fee yang diberikan oleh pakar-pakar ini begitu tinggi dan menyebabkan ramai doktor pergigian tidak sanggup lagi duduk di klinik atau hospital kerajaan itu sendiri.

Jadi, sebab itulah saya minta supaya kerajaan dapat membuat kajian keseluruhannya bagaimana caranya untuk kita memberi pengiktirafan, bagaimana caranya untuk kita memberikan galakan dan bagaimana caranya untuk kita memberikan peluang yang lebih meluas kepada rakyat jelata dengan masalah pergigian yang boleh kita mencapai satu tahap, di mana rakyat kita adalah rakyat yang sihat.

Saya dengan ini juga menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdillah.

### 5.03 ptg.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas rang undang-undang yang bernama satu akta untuk meminda Akta Pergigian 1971.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas akta ini adalah tepat pada masanya dan perlu dibuat kerana seperti apa yang telah dimaklumkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, negara kita perlu dengan banyak tenaga doktor pergigian untuk berkhidmat kepada rakyat. Seperti apa yang telah dimaklumkan oleh Yang

Berhormat sebelum saya tadi, nisbah bagi setiap seorang doktor dengan rakyat kita ialah lebih daripada 11,000 orang dan ini adalah satu angka yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita tentu maklum bahawa kerja seorang doktor gigi bukanlah sahaja untuk mengubati atau mencabut gigi. Saya percaya ianya adalah lebih daripada itu terutama sekali untuk menjaga dan membaik pulih gigi yang telah rosak, jikalau ia dapat diselamatkan hendaklah gigi itu diselamatkan dan juga kesihatan dan penjagaan kesihatan gigi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga kesihatan gigi dan membaik pulih gigi yang rosak tentu sekali memakan masa dan memandangkan kita tidak mempunyai banyak tenaga doktor pergigian maka tidak banyaklah daripada rakyat kita yang dapat menikmati perkhidmatan ini, terutama sekali rakyat kita yang berada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita berhasrat untuk memberi kemudahan yang sama rata bagi semua rakyat kita tetapi memandang kepada kemudahan kita yang tidak begitu seimbang maka tidak semua rakyat kita dapat menikmati kemudahan yang sama terutama sekali dalam perbahasan kita hari ini, di mana kita tidak mempunyai tenaga doktor pergigian yang mencukupi untuk memberi kemudahan yang baik kepada rakyat kita. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat ini di mana tiap-tiap pegawai pergigian dikehendaki berkhidmat dengan kerajaan selama tiga tahun adalah dengan izin, justified.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi apabila beliau menyarankan supaya universiti-universiti kita yang sudah mempunyai fakulti pergigian menambahkan lagi tempat untuk pelajar-pelajar kita. Saya berpendapat kekurangan daripada pelajar-pelajar pergigian kita bukan disebabkan oleh pelajar-pelajar kita tidak mempunyai minat, tetapi disebabkan oleh tempat yang tidak mencukupi. Memanglah kalau diberi pilihan di antara doktor perubatan dengan doktor pergigian mereka tentu lebih memilih kepada kursus doktor perubatan. Tetapi dalam soal ini di mana kita mempunyai kekurangan dalam doktor pergigian, kekurangan pelajar-pelajar kita dalam bidang ini ialah disebabkan kerana tidak cukup tempat di universiti-universiti kita.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyarankan supaya ditambahkan lagi fakulti di universiti-universiti yang lain untuk mengajar bidang pergigian dan sebagai contoh telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidak banyak pegawai-pegawai pergigian yang mahu

bekerja di Sarawak. Jadi, dengan itu saya ingin menyarankan supaya UNIMAS mengadakan satu fakulti pergigian supaya pelajar-pelajar yang menuntut di situ dapat terdedah kepada situasi di Sarawak. Mungkin pada masa kini mereka memikirkan Sarawak tidak sesuai untuk didiami oleh sesetengah daripada mereka. Tetapi mungkin setelah berjinak-jinak belajar di UNIMAS dalam bidang tertentu dan pergigian saya percaya mereka akan mempunyai minat yang lebih tinggi untuk berkhidmat di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga saya ingin mencadangkan supaya jikalau kita tidak mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi, kita boleh menggunakan pakar-pakar pergigian yang sedang berkhidmat dengan kerajaan ataupun yang mengadakan klinik masing-masing berkhidmat sambilan di fakulti pergigian untuk mengajar pelajar-pelajar kita.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membezakan di antara doktor pergigian dengan doktor pakar pergigian. Yang kita bincangkan di sini ialah kekurangan doktor pergigian dan saya juga ingin memberi perhatian kepada pihak kementerian bahawa kita juga perlu memenuhi kekurangan kita dalam doktor pakar pergigian supaya banyak lagi daripada penyakit-penyakit ataupun keperluan-keperluan bagi gigi yang tertentu dapat ditangani dengan adanya doktor pakar pergigian kita.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh tiga tahun yang mesti digunakan untuk pegawai-pegawai pergigian berkhidmat dengan kerajaan adalah baik dan saya tidak mahu mencadangkan lebih daripada itu. Saya rasa tiga tahun itu mencukupi kerana dalam masa tiga tahun itu mereka tentu sudah boleh memilih sama ada untuk terus berkhidmat dengan kerajaan ataupun setelah tempoh tiga tahun itu tamat, mereka berhenti dan berkhidmat ataupun khidmat sendiri membuka klinik swasta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum, mungkin dalam tempoh tiga tahun itu mereka sudah bersedia untuk menduduki peperiksaan untuk mendapat dengan izin, *confirmation* dalam perjawatan mereka supaya mereka dapat turut berkhidmat dengan kerajaan ataupun mereka boleh pilih untuk berhenti dan bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak yang bertanggungjawab apabila menghantarkan pegawai-pegawai pergigian untuk berkhidmat di sesuatu tempat dengan izin, posting of the pegawai ini hendaklah dibuat dengan teliti supaya ianya tidak akan membuat pegawai-pegawai yang

dihantar kita bekerja di sesuatu tempat gusar kerana mana yang kita maklum, jikalau kebanyakan daripada ahli kita pernah bekerja dengan perkhidmatan awam pada mulanya apabila kita lulus daripada universiti dan seterusnya dihantar ke tempat yang jauh daripada bandar selalunya pegawai-pegawai ini akan merasa pelik dan mereka mungkin tidak dapat menyesuaikan diri.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak yang tertentu akan menilai sebab-sebab yang tertentu apabila menempatkan sesuatu pegawai di sesuatu kawasan dan kalau boleh tiap-tiap pegawai yang hendak dihantar ke kawasan yang jauh seperti di pendalaman ataupun luar daripada negerinya dalam Malaysia ini, mungkin mereka ini boleh diberi satu kursus pengenalan mengenai negeri tempat mereka akan dihantar bertugas sebagai contoh, kalau hendak pergi berkhidmat ke Sarawak, mungkin mereka diberi pendedahan dahulu mengenai negeri Sarawak tentang adat resam orang di sana, bagaimana mereka boleh bergaul dan apa kemudahan yang ada di Sarawak.

Mungkin pegawai-pegawai di Kuala Lumpur ataupun pegawai dari negeri-negeri yang lain di Semenanjung memikirkan bahawa di Sarawak tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti apa yang ada di Kuala Lumpur ataupun di negeri masing-masing. Jadi dengan adanya pendedahan maklumat mengenai sesuatu tempat itu, mungkin minat mereka untuk berkhidmat akan dapat dipupukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan peruntukan di mana Menteri boleh mendaftar semula pegawai-pegawai yang telah dibatalkan pendaftaran mereka. Ini adalah satu peruntukan yang baik bagi pegawai-pegawai yang mungkin tidak dapat mengenapkan tempoh perkhidmatan mereka kerana untuk melanjutkan pelajaran mereka ataupun perkhidmatan mereka telah diberhentikan kerana mereka mungkin tidak dapat kelulusan daripada jabatan mereka untuk melanjutkan pelajaran. Maka bagi mereka yang berhenti daripada jawatan mereka sebelum tamat tempoh tiga tahun itu dan pendaftaran mereka dibatalkan, dengan adanya peruntukan di mana Menteri boleh memasukkan mereka semula dalam pendaftaran itu, peruntukan ini sangatlah dialu-alukan supaya pegawai-pegawai yang berhenti untuk mengikuti pendidikan lebih lanjut itu akan berpeluang untuk berkhidmat semula kepada negara walaupun tidak dengan kerajaan tetapi dengan swasta. Dalam keadaan sedemikian, mereka masih juga berkhidmat dengan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya juga menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Pergigian 1971. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Safinah.

#### **5.14 ptg.**

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil masa yang sedikit iaitu dalam membahaskan Rang undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000 setelah saya membangkitkan iaitu dalam arah kita meningkatkan taraf kesihatan penduduk Malaysia khususnya dalam soal pergigian yang mana ia melibatkan orang-orang dewasa, remaja dan kanak-kanak maka pandangan saya pihak kementerian sewajarnya mengadakan satu bentuk pendidikan dan penerangan berhubung dengan penjagaan dan rawatan gigi yang betul kaedahnya kepada masyarakat kita di seluruh negara secara berkala dan berkesan. Fungsi doktor gigi dan kakitangan sokongannya yang selama ini kita tonjolkan semata-mata untuk mencabut dan menampal gigi hendaklah kita hentikan dan ini sebenarnya boleh menjadikan satu perkara yang mendatangkan kegerunan dan ketakutan terutamanya kepada anak-anak kita sebagaimana yang lazimnya berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mengetahui bahawa kita menghadapi kekurangan doktor gigi di kala ini, maka suatu langkah yang sungguh-sungguh mestilah diambil bagi memastikan ramai pelajar berminat dan terdorong untuk mengikuti jurusan pergigian sama ada di IPTA dan juga di IPTS. Berikutnya pula untuk menjaga supaya mereka yang berkelulusan ini nanti terus berkhidmat dengan negara, maka syarat wajib berkhidmat secara tiga tahun berturut-turut dengan kerajaan itu adalah tepat dengan ketikanya.

Namun begitu, saya melihat bahawa skim dan kemudahan perkhidmatan yang menarik hendaklah diberi kepada mereka kerana *nature* ataupun tabii pekerjaan sebagai doktor gigi ini kita tidak dapat nafikan memerlukan masa dan juga tumpuan yang khusus dan sungguh-sungguh. Jadi saya hendak bertanya, setakat ini apakah skim dan juga kemudahan perjawatan yang diberikan secara khusus kepada pegawai-pegawai pergigian.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk kita menyedarkan masyarakat dengan Kempen Gaya Hidup Sihat, maka pada pandangan saya, pusat-pusat untuk mendapatkan rawatan dan penjagaan gigi hendaklah boleh kita perolehi

dan dapat di mana-mana sama ada di bandar dan juga luar bandar, di klinik-klinik kerajaan atau swasta. Oleh itu apa-apa bayaran yang dikenakan ke atas rawatan itu ialah dalam satu kadar bayaran yang mampu dibayar oleh rakyat terutamanya yang miskin dan buat ketikanya apakah kerajaan sudah menjalankan satu pemantauan dan juga penyelarasian bayaran kos rawatan pergigian di klinik-klinik swasta.

Jadi, itu sahaja, saya turut menyokong.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, saya hendak minta wakil Menteri menjawab sebab benda ini mesti dihabiskan pada hari ini. Saya minta maaf. Masih banyakkah hendak cakap? Saya rasa....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Sebentar sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya hanya tumpu kepada seksyen yang dicadangkan iaitu seksyen 49 di mana Menteri berhak memberi pengurangan masa perkhidmatan atau pengecualian penuh pada tempoh perkhidmatan yang dikehendaki. Tidak disebutkan apa asas untuk Menteri membuat keputusan ini. So, saya ingin supaya asas-asas untuk membolehkan Menteri membuat keputusan ini ditunjukkan dengan telus dan terang dan jelas supaya tidak ada pihak yang menyalahkan menteri apabila menteri itu memberi pengecualian di bawah seksyen 49 ini.

Satu lagi seksyen 48 ialah tentang memuaskan hati Ketua Pengarah dalam masa tiga tahun perkhidmatan itu, adakah ini bermakna kalau hati Ketua Pengarah itu tidak puas hati maka boleh lanjutkan tempoh perkhidmatan. Adakah itu peruntukan atau adakah itu niat. Kalau itu memang niat Ketua Pengarah, adakah kita memberi ruang rayuan kepada Menteri sekiranya dipertikaikan sama ada puas hati atau tidak. Itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Dengan ini saya jemput Yang Berhormat Tuan S. G. Sothinathan, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan untuk menjawab bagi pihak menteri dan untuk makluman Yang Berhormat, jika perlu kita boleh lanjutkan sehingga 5.45 petang. Jadi, ada masa untuk Yang Berhormat berucap.

**5.20 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam pembentangan rang undang-undang sebentar tadi. Beberapa isu telah ditimbulkan. Sebenarnya, tujuan pindaan ini adalah untuk mengimbangi pembahagian pegawai pergigian kerana pada masa sekarang, apa yang kita lihat trendnya adalah nisbah doktor seorang doktor pergigian bagi 10,355 orang secara keseluruhan tetapi, *trend* ini kalau dibandingkan di Wilayah Persekutuan, memang ia berkurangan daripada 3,000 orang manakala di Sarawak, memang mencapai angka 30,000.

Jadi, dengan adanya satu sistem perkhidmatan wajib, maka kita bolehlah mendapatkan bekalan pegawai pergigian yang mencukupi untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan di mana kebanyakannya kemudahan-kemudahan ini disediakan di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, dengan adanya sistem ini, saya percaya kita boleh pastikan orang-orang di kawasan pedalaman boleh menikmati segala kemudahan dan juga menikmati arus pembangunan negara. Hasrat kerajaan adalah memastikan pada tahun 2020, untuk setiap 4,000 orang, kita mempunyai seorang pegawai pergigian. Jadi, dengan hasrat itulah, memang pindaan-pindaan ini telah dicadangkan.

Yang Berhormat Datuk Ghazi telah menimbulkan isu tentang pengisian sama ada doktor pergigian sama taraf dengan doktor lain? Sebenarnya, memang pada masa ini, ianya tidaklah sama kerana gaji permulaan adalah berdasarkan bilangan tahun latihan. Doktor perubatan sebenarnya menjalani tempoh latihan selama lima tahun, manakala doktor pergigian pada masa dahulu adalah empat tahun tetapi, sekarang ianya telah diubah kepada lima tahun dan usaha sedang dijalankan untuk selaraskan gaji permulaan doktor pergigian.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu tentang nisbah pengamal pergigian di antara Malaysia dan juga nisbah perbandingan dengan negara-negara lain. Untuk Malaysia seperti yang saya sebutkan tadi, untuk seorang bagi 10,355. Bagi Indonesia, angkanya ialah 31,863, Filipina pun lebih kurang 37,000 tetapi bagi negara Singapura, adalah 4,224 dan New Zealand adalah seorang bagi 2,543.

Yang Berhormat Datuk Ghazi juga ada menimbulkan isu tentang sama ada ketiga-tiga universiti ini meningkatkan perancangan menambahkan bilangan pelajar. Sebenarnya, pada masa sekarang kita cuma ada graduan yang keluar dari

Universiti Malaya tetapi, mulai tahun depan, kita juga ada dari universiti-universiti lain iaitu, Universiti Sains Malaysia. Ketiga-tiga universiti ada membuat perancangan untuk meningkatkan bilangan pengambilan. Walau bagaimanapun, kekurangan tenaga pengajar di kalangan universiti juga amatlah kritikal. Terdapat keadaan di mana pegawai-pegawai pergigian dari sektor awam juga turut didorong untuk menyertai tenaga pengajar di ketiga-tiga universiti tersebut dan ini menyebabkan masalah kekurangan pegawai pergigian menjadi semakin kritikal.

Yang Berhormat Datuk Ghazi juga ada membangkitkan isu tentang bilangan graduan daripada universiti-universiti. Bagi tahun 2001 ini, bilangan graduan dari universiti tempatan iaitu Universiti Malaya cuma 64 orang tetapi pada tahun 2002 kita ada tambahan kepada Universiti Malaya, kita juga dapatkan lebih kurang 20 lagi graduan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada tahun 2004, kita adakan pengeluaran dari Universiti Malaya sebanyak 64 orang, Universiti Kebangsaan Malaysia 48 orang dan Universiti Sains Malaysia yang akan mengeluarkan graduan pertama, *batch* pertama mereka sebanyak 40 orang dan jumlah pengeluaran tempatan adalah sebanyak lebih kurang 152 dan daripada universiti-universiti luar negara kita adakan lebih kurang 70 orang tiap-tiap tahun.

Untuk menjawab soalan tentang pengeluaran doktor pergigian dari universiti lain, sehingga sekarang cuma tiga buah universiti sahaja yang bersedia melaksanakan kursus ini. Kita juga menerima graduan pergigian dari universiti di luar negara. Secara amnya, seperti yang saya sebut tadi, ada 70 orang graduan dari luar negara yang diterima. Universiti tempatan lain belum bersedia kerana kekurangan tenaga pengajar terlatih. Belum ada IPTS yang akan melaksanakan kursus ini.

Yang Berhormat Datuk William Lau ada membangkitkan isu tentang kriteria atau *benchmark* untuk mengukur prestasi doktor pergigian yang memuaskan hati Ketua Pengarah. Sebenarnya, mereka haruslah layak untuk didaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia dan melaksanakan *standard operating procedure* dan *clinical part ways* untuk selaraskan rawatan yang diberikan kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak ada memberi cadangan bahawa perkhidmatan wajib selama tiga tahun itu ditambahkan kepada lima tahun kerana berpendapat bahawa mungkin ini tidak dapat menampung kekurangan. Sebenarnya, hasrat kita seperti yang saya sebutkan tadi bukanlah menampung kekurangan tetapi,

untuk memastikan bahawa pengagihan itu adalah seimbang di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Jadi, memang tiga tahun itu sudah mencukupi untuk menampung kekurangan ini. Ini adalah mengikut perkiraan yang telah pun disediakan oleh kementerian.

Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak juga ada mencadangkan bahawa meminda gaji kepada semua golongan profesional atau kepakaran. Memang kementerian mempunyai cadangan untuk membuat pindaan gaji bagi semua bidang profesional yang berkhidmat dengan sektor awam dan ianya sedang dilaksanakan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat juga ada bertanyakan tentang pegawai pergigian dari luar negeri. Memang kita tidak mengambil pegawai pergigian dari luar negeri tetapi, kita membenarkan pasangan suami atau isteri kepada warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan untuk diterima atau didaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. Setakat ini, kita ada sebanyak 26 orang dalam kategori tersebut.

Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak juga ada membangkitkan isu bahawa pakar-pakar hanya me lawat pesakit-pesakit hanya di Wad Kelas I dan II, walaupun ini keluar daripada topik pergigian.. Sebenarnya, pakar-pakar melawat semua pesakit dalam semua kelas wad. Mungkin kalau ada mana-mana Yang Berhormat mendapati ada kekurangan ataupun masalah seumpama itu, bolehlah memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan dan kita boleh memastikan bahawa perkara seumpama itu tidak akan berlaku.

Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin ada membangkitkan isu tentang tindakan untuk merawat pesakit dengan HIV. Sebenarnya, kerajaan ada satu buku *Guide Line of Infection Control* yang diedarkan kepada semua pengamal pergigian dan juga membangkitkan isu tentang peralatan dan barang yang digunakan di klinik pergigian sama ada ianya adalah *disposable* dan bersesuaian. Peralatan dan bahan-bahan pergigian yang digunakan di semua klinik pergigian kerajaan adalah bersesuaian dengan keadaan semasa iaitu *appropriate technology*, dengan izin, dan juga kita menggunakan bahan-bahan guna buang ataupun *disposable* seperti dengan izin, *disposable mouth gloves, cups* dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Hamzah juga ada membangkitkan isu mengapa kementerian tidak mengkaji secara memberi perkhidmatan rawatan di mana diberikan insentif sekiranya pegawai pergigian berjaya merawat bilangan pesakit yang lebih daripada sasaran sebenar. Sebenarnya cadangan Yang Berhormat ini

akan diberi perhatian, dikaji dan diteliti. Perkhidmatan mereka bukan sahaja dinilai dari segi kuantiti tetapi aspek kualiti juga diberi pertimbangan yang serius.

Menjawab isu tentang mengapa terdapat perbezaan dalam bayaran rawatan pergigian seperti root canal treatment. Ini memang bergantung kepada lokasi pengamal pergigian dan pengalaman-pengalaman mereka complexity rawatan dan jenis gigi sama ada jenis gigi di hadapan berbanding dengan gigi geraham dan juga sekiranya seperti Yang Berhormat maklum tadi seorang untuk rawatan root canal kalau seorang doktor mengenakan bayaran RM3,000 dan seorang lagi RM800, eloklah kalau kita pergi kepada orang yang mengenakan RM800 supaya orang yang mengenakan RM3,000 itu akan mengurangkan bayarannya kepada RM800 ataupun mungkin kurang daripada itu.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga ada menimbulkan isu tentang sama ada kementerian mempunyai sistem lawatan ke luar bandar untuk memberi perkhidmatan percuma kepada rakyat di luar bandar. Cadangan telah pun dikemukakan oleh pihak kerajaan kepada pihak Persatuan Doktor Pergigian Malaysia supaya mereka dapat galakkan ahli-ahli mereka mengamalkan. Jadi, kita tidak boleh memaksa, kita boleh menggalakkan sahaja.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah telah membangkitkan isu mengatakan sama ada kerajaan perlu memberi perhatian yang serius terhadap kebajikan doktor pergigian. Sebenarnya Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada semua kakitangannya termasuk doktor pergigian.

Juga untuk menjawab soalan berkaitan dengan kekurangan juruteknologi pergigian. Sebenarnya bilangan juruteknologi pergigian yang dilatih telah pun ditambah daripada 25 orang kepada 40 orang pada tahun 1993.

Yang Berhormat Tuan Abdillah mencadangkan bahawa urusan penempatan pegawai pergigian dibuat dengan teliti. Sebenarnya pihak kementerian sentiasa prihatin mengenai hal ehwal kebajikan pegawai pergigian terutama dalam urusan penempatan pegawai.

Ada juga cadangan daripada Yang Berhormat mengatakan bahawa supaya kita mengadakan fakulti pergigian di UNIMAS. Seperti yang saya telah katakan tadi kerana masalah-masalah yang kita hadapi itulah sebabnya kita tidak dapat mengadakan semua universiti pada masa ini kecuali ketiga-tiga universiti tadi.

Yang Berhormat juga mencadangkan bahawa menambahkan bilangan pelajar di universiti tempatan. Sebenarnya universiti sedang juga merancang untuk

menambah bilangan pelajar dari setahun ke setahun dan juga untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di universiti seperti cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat, cadangan-cadangan tersebut akan dikaji dengan teliti dan penggunaan perkhidmatan pakar-pakar di sektor awam sebagai tenaga pengajar sambilan sedang dilaksanakan buat pada masa ini.

Yang Berhormat Puan Safinah ada membangkitkan isu apakah skim dan kemudahan yang diberikan kepada pegawai pergigian. Sebenarnya mereka mendapat kemudahan seperti pegawai-pegawai kerajaan yang lain dan juga pada masa ini seperti yang telah saya sebutkan tadi kerana latihan mereka telah dinaikkan kepada lima tahun, kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan juga elaun kritikal seperti yang diperolehi oleh pegawai-pegawai perubatan. Jadi, saya harap Jabatan Perkhidmatan Awam akan menimbang perkara ini dan dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat saya percaya memang kementerian boleh berjaya untuk mencapai hasratnya untuk memberi elaun-elaun yang lebih lumayan kepada pegawai-pegawai pergigian kita.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ada mengatakan tentang penilaian oleh Ketua Pengarah Kesihatan untuk lanjutkan tempoh perkhidmatan wajib. Sebenarnya ini adalah berdasarkan laporan penilaian prestasi tahunan. Seperti yang dikatakan tadi memang kita tetapkan tiga tahun, tetapi sistem ini memanglah telah kita uji pada tahun 1971 di mana tempoh khidmat wajib dua tahun telah diamalkan. Tetapi kita sekarang cuba meningkatkan ini kerana ianya telah lups pada 1976, kini kita cuba untuk mengatasi masalah-masalah kita meningkatkannya kepada tiga tahun. Jadi, pada masa-masa dahulu kita tidak menghadapi sebarang masalah. Saya percaya semua pegawai ataupun pegawai-pegawai atasan yang diberikan tanggungjawab di bawah kementerian melaksanakan tugas-tugas penilaian dengan saksama. Jadi, di mana ada kekurangan ini memberi peluang kepada kementerian untuk memastikan bahawa semua pegawai pergigian yang keluar nanti mempunyai kepakaran yang tinggi.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan isu tentang asas pengecualian di bawah Seksyen 99 oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sebenarnya pihak kementerian akan mengadakan satu garis panduan mengenai keadaan yang membolehkan seseorang itu dikecualikan atau dikurangkan tempoh perkhidmatannya. Kalau kita bandingkan pada tahun 1971 di mana kita tentukan tiap-tiap lima tahun kita kena bawa usul ke Parlimen untuk melanjutkan kuasa yang

ada pada Majlis Pergigian Malaysia, tetapi dengan adanya pindaan pada masa sekarang saya percaya kita boleh bila kita mencapai sasaran ataupun bila Kementerian Kesihatan boleh mencapai hasratnya di mana semua klinik kesihatan ataupun klinik-klinik pergigian di bawah Kementerian Kesihatan mempunyai tenaga yang mencukupi, ini memberi ruang supaya di mana kita boleh juga menggubalkan garis panduan di mana mungkin tempoh latihan wajib itu pun boleh dikurangkan ataupun di mana seseorang pegawai pergigian yang mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu, mungkin menteri boleh mempunyai kuasa untuk mengurangkan tempoh khidmat wajib itu. Jadi, ini memberikan flexibility kepada sistem yang ada pada masa sekarang.

Jadi, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada yang bimbang tentang mungkin kita tidak boleh mencapai hasratnya. Sebenarnya hasrat kementerian adalah untuk memastikan bahawa pada setiap masa kita ada bekalan pegawai pergigian yang mencukupi untuk berkhidmat di semua fasiliti-fasiliti di Kementerian Kesihatan dan mungkin selepas tiga tahun mereka berkhidmat, mereka pun boleh mengetahui apakah peluang-peluang yang ada di Kementerian Kesihatan. Buat masa ini dari bulan Januari sampai bulan April 2001 kita ada 94 orang yang mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia, tetapi cuma dua sahaja yang memilih sektor awam, dan yang lain semua kita tahu....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta dipendekkan sikit.

**Tuan S.G. Sothnathan:** Saya hendak habiskan, Tuan Yang di-Pertua. Memang dua sahaja, jadi dengan adanya sistem ini kita boleh beri ruang ataupun peluang kepada mereka untuk mencebur diri dengan pihak kerajaan dan selepas itu mereka boleh menilai segala peluang-peluang yang ada di Kementerian Kesihatan di mana mereka mempunyai peluang kenaikan pangkat, kenaikan untuk mendapatkan elauan-elauan yang lebih lumayan dan juga mencari peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Jadi, itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, balasan saya kepada semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekiranya mana-mana yang tidak dijawab, kementerian se ntiasa mengambil perhatian serius tentang perkara-perkara yang dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 –**

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengurus, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang dipinda dalam Fasal 1 dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan menggantikan Fasal 1 dengan fasal berikut:

"Akta Ini boleh dinamakan Akta Pergigian (Pindaan) 2001.

Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan tarikh kuat kuasa yang baru untuk akta yang dicadangkan dalam bacaan kali kedua dan ketiga rang undang-undang ini tidak dapat dilakukan pada mesyuarat yang lepas. Dengan pindaan ini akta yang dicadangkan akan mula berkuat kuasa pada hari yang mengikut akta itu disiarkan dalam warta."

**Tuan Pengurus [Timbalan Yang di-Pertua]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini seperti yang dipinda dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Fasal 1 dan 2 -** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita telah pun melebihi masa, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini ke hari esok jam 10.00 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.44 petang***

9 Mei 2001

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.  
(Dilantik)

- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.  
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin  
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.  
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan  
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

“	Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
Yang Berhormat	Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
”	Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
”	Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
”	Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
”	Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
”	Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
”	Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
”	Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
”	Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
”	Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
”	Puan Jaya Partiban (Dilantik)
”	Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
”	Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
”	Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
”	Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
”	Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
”	Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
”	Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
”	Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
”	Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, (Dilantik)
”	Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
”	Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
”	Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
”	Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
”	Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
”	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
”	Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
”	Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
”	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

- " Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)  
" Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)  
" Tuan M. Saravanan (Dilantik)  
" Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)  
" Tuan R. Sinniah (Dilantik)  
" Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)  
" Puan See Too Mee (Johor)  
" Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)  
" Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)  
" To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)  
" Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)  
" Tuan Yew Tuan Chiew (Pera k)  
" Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)  
" Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara**  
Dato' Abdullah Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**  
Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**  
Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid III**

**Bil. 12**

**Isnin**

**28 Mei 2001**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG-UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2000 (Halaman 58)

Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000 (Halaman 83)